



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 16)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2005	(Halaman 16)
<u>Jawatankuasa:-</u> <u>Jadual:-</u> Maksud B.6	(Halaman 68)
Maksud B.11 dan B.12	(Halaman 97)
USUL: Usul Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2005	(Halaman 16)
<u>Jawatankuasa:-</u> Maksud P.6	(Halaman 68)
Maksud P.10	(Halaman 97)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 45)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Semborong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA
19. " Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. " Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. " Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasar Gudang) - UMNO
27. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingham, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA

30. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupa) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA

14. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jera) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP

22. Yang Berhormat Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasar Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP

61. Yang Berhormat Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO

100. Yang Berhormat Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS**PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Hajah Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 27 September 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah keseluruhan sumbangan rakyat Malaysia dalam rancangan *AF1, AF2, AF3, Mentor, Malaysia Idol* dan program *Bersamamu* anjuran TV3 mengikut pecahan; dan
- (b) apakah perancangan stesen-stesen TV swasta terutama sekali yang berkaitan dengan peserta-peserta rancangan realiti tersebut dan sejauh manakah program-program tersebut berjaya membina jatidiri terutama golongan belia negara ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, selamat sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat izinkan saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Papar bersekali dengan soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Jerai pada 29 November 2005, yang mana pertanyaan yang diutarakan mempunyai persamaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini hanya rancangan *Bersamamu* anjuran TV3 telah mengumpul sumbangan awam untuk tujuan kebajikan. Sumbangan diterima dalam bentuk cek, tunai dan SMS. Sehingga Ogos 2005, sebanyak RM1.068 juta telah diperolehi. Sehingga kini sebanyak RM699,000 telah diagihkan kepada pihak-pihak yang memerlukan.

Bagi rancangan hiburan berbentuk komersial seperti rancangan *Mentor, Malaysian Idol, Mencari Cinta* dan *Akademi Fantasia*, pendapatan ataupun kutipan melalui undian SMS dari penyertaan penonton adalah seperti berikut:-

- **Program Akademi Fantasia 1, Akademi Fantasia 2, Akademi Fantasia 3** - kutipan berjumlah RM12.25 juta. Dari jumlah tersebut sebanyak RM200,000 telah diagihkan kepada badan-badan kebajikan.
- **Program Mentor** - kutipan berjumlah RM700,000 bagi satu musim siaran kira-kira tiga bulan.
- **Program Malaysian Idol** - kutipan berjumlah RM50,000 bagi setiap episod. Setakat ini sebanyak 73 episod telah berlangsung.
- **Program Mencari Cinta** - kutipan berjumlah hanyalah RM2,511.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat hasil daripada perancangan stesen-stesen televisyen yang berkenaan, program *Akademi Fantasia, Mentor* dan *Malaysian Idol* telah berjaya membantu membina kerjaya hiburan bagi ramai bakat tempatan daripada para belia Malaysia. Seramai 38 bakat *Akademi Fantasia* telah diuruskan di dalam pelbagai

bidang industri hiburan seperti penganjuran, persembahan, rakaman suara dan penjualan hasil rakaman. *Akademi Fantasia* juga telah menyumbang terhadap pembangunan industri muzik tempatan. Sehingga kini lebih kurang 500,000 salinan album telah dijual di pasaran Malaysia yang merangkumi solo, kompilasi dan VCD konsert.

Kementerian bersama-sama dengan Kementerian Penerangan dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sedang meneliti kandungan program-program yang disiarkan oleh badan penyiaran swasta supaya memenuhi aspirasi negara dari aspek agenda nasional dan nilai-nilai tempatan. Terima kasih.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan. Tetapi saya tidak boleh menyembunyikan rasa kecewa saya [*Disorak*] sebagai seorang rakyat Malaysia kerana saya pasti pungutan yang dipungut hasil daripada rancangan-rancangan realiti ini mencecah kepada berjuta-juta ringgit, dan saya tidak pasti sama ada pungutan ini menyamai ataupun melebihi pungutan yang kita lakukan untuk bencana Tsunami.

Apa yang pasti walaupun pungutan berjuta-juta diperolehi, tetapi hanya peruntukan yang agak kecil disalurkan kepada kebajikan, terutamanya kebajikan peserta-peserta rancangan-rancangan realiti ini kerana saya berpendapat bahawa peserta-peserta ini, dengan izin hanya *good for exploitation but not good for assistance*, kerana mereka ini terdiri daripada belia-belia negara kita yang saya pasti, apa yang dinyatakan tadi mereka mempunyai masa depan di dalam pekerjaan ini, terutama sekali yang berkaitan dengan seni.

Soalan saya, adakah pihak kementerian bercadang untuk memperkenalkan garis panduan yang lebih ketat secara umum di atas pengendalian rancangan realiti TV ini, terutama sekali penekanan kepada aspek kebajikan peserta-peserta rancangan realiti ini, seperti contoh mewajibkan pemberian biasiswa akademik diberikan kepada peserta-peserta rancangan realiti ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Papar. Melihat daripada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, Yang Berhormat begitu prihatin dan peka tentang kebajikan pelajar-pelajar yang terlibat dalam program-program realiti ini.

Suka saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, walaupun kutipan yang dipungut daripada program-program realiti seperti program *Akademi Fantasia* yang jumlahnya melalui SMS lebih kurang RM40.6 juta bagi ketiga-tiga program *Akademi Fantasia 1, 2 dan 3*, namun ingin saya jelaskan bahawa kos untuk menghasilkan program ini adalah jauh lebih tinggi daripada hasil kutipan melalui SMS. Kebanyakan program realiti ini mendapat kutipan keuntungan hanyalah melalui penjualan iklan yang disiarkan ketika program ini.

Manakala sebagai program realiti *Bersamamu* anjuran TV3, suka saya maklumkan dalam program realiti *Bersamamu* anjuran TV3 ini, TV3 tidak mendapat keuntungan walaupun satu sen daripada sumbangan SMS ataupun cek yang disumbangkan kepada orang ramai. Sebaliknya segala kutipan yang dipungut oleh TV3 hasil program *Bersamamu* akan diletakkan di dalam satu tabung, sebahagian daripadanya digunakan untuk membiayai kos-kos seperti membayar perkhidmatan *network* daripada syarikat-syarikat *Telco* dan selebihnya digunakan untuk membantu mereka yang telah dipersetujui bersama-sama untuk mendapat bantuan hasil daripada program *Bersamamu*.

Dan berhubung dengan kebajikan peserta sebagaimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat, untuk pengetahuan Yang Berhormat program *Akademi Fantasia* sebagai contohnya melalui *Maestro Talent* dan *Management* secara tidak langsungnya akan membantu peserta-peserta dalam *Akademi Fantasia* ini untuk menjadi sebagai seorang usahawan, usahawan dalam bidang hiburan, mereka melatih mereka ini bukan sahaja menyanyi tetapi melatih mereka bagaimana menguruskan kehidupan mereka melatih mereka melakukan persembahan, bagaimana untuk membuat *investment*, bagaimana untuk membuat album dan bagaimana untuk mengendalikan sesuatu pertunjukan pentas dan sebagainya.

Inilah perkara-perkara yang dilakukan oleh program-program realiti. Dan dari segi kementerian sebagaimana yang pernah saya jawab terlebih dahulu dalam soalan kira-kira minggu yang lalu yang mana pada hari ini satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan sendiri Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu Jawatankuasa Mengkaji Peranan dan Tanggungjawab Media Elektronik untuk memajukan agenda rakyat kerajaan dan negara dalam pembinaan bangsa akan merangka satu kerangka untuk memastikan kesesuaian program-program TV di masa akan datang supaya dapat melahirkan program yang bersesuaian dengan aspirasi negara menjadi sebuah negara yang maju dan mempunyai adat ketimuran bagi menuju negara maju pada tahun 2020. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat bagi Jerai pun bersama tak ada can ke...[Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, mendengar jawapan Yang Berhormat memang ini menyeronokkan. Walau bagaimanapun, pada hakikat dia, program-program realiti seperti *AF1*, *AF2* ianya telah menjerumus masyarakat bangsa kita kepada satu fenomena yang luar biasa dan dalam masa yang sama kita ingin tahu berapa ramai kah yang telah memenangi *AF1,2* ini yang telah berjaya. Sedangkan kita dapat tahu hanya segelintir yang berjaya sebab mereka ini bukan kita apa ini memalukan tetapi kurang kualiti dia. Sebab mereka dipilih melalui SMS bukan atas dasar kemampuan mereka, bukan atas dasar bakat mereka. Ini yang membimbangkan apa yang kita mahu program-program realiti seumpama ini memberi hasil lumayan kepada industri-industri hiburan kita, bukan hanya sekadar jadi penghibur sementara waktu selepas enam bulan apabila merakam album mereka lenyap dan ini telah dapat dibuktikan apabila *AF1* yang berjaya cuma Vince sahaja. Dan sehingga hari ini masih suspens...

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: ..yang lain semua gulung tikar, ada yang merempat sana sini. Dan *AF2* kita lihat Mawi, tapi tidak tahu sampai sejauh mana apa ini...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Bung Moktar bin Radin: ..yang ketiga ini Mawi. Zahid habis, lingkup...

Seorang Ahli: Hancur.

Datuk Bung Moktar bin Radin: ..tak ada apa, tak ada masa depan. Yang Mawi ini tak tahu...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kita belum tahu sejauh mana. Jadi, apakah kementerian melepas tangan atau pun cuma cakap memantau-mantau sahaja tidak cukup, kita mahu kementerian melakukan sesuatu melihat kejadian-kejadian ini sebagai satu realiti dan menyeru kepada produk-produk seperti TV3, Astro dan sebagainya supaya mereka lebih berhati-hati untuk mencari sumber-sumber realiti ini supaya tidak menyeret masyarakat kita, anak-anak curi *handphone* sana sini SMS. Dulu 40 sen sekarang 65 sen, Astro buat duit. Sumbangan Astro kepada masyarakat kita mahu tahu. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih kerana pandangan Yang Berhormat. Sudah pasti pandangan Yang Berhormat yang begitu tegas akan kita ambil kira dan kita ketengahkan pandangan Yang Berhormat kepada jawatankuasa yang ditubuhkan yang mana sebagaimana yang saya katakan jawatankuasa ini telah memutuskan supaya Kementerian Penerangan bersama-sama dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk merangka kerangka bagaimanakah bentuk hiburan di masa yang akan datang.

Berhubung dengan perkataan Yang Berhormat mengatakan bahawa setiap siaran yang disiarkan melalui *Akademi Fatansia* ini seolah-olah tidak mengambil berat tentang peserta-peserta yang itu, suka saya sedikit menyangkal yang mana setakat yang

dimaklumkan hari ini peserta-peserta yang melibatkan diri dalam program-program ini diberi kesempatan bagaimana untuk melatih mereka menjadi usahawan yang lebih berjaya dalam bidang yang mereka minat, walaupun kadang-kadang kebolehan mereka tidaklah sebegitu hebat sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai, ringkas soalan ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak, kerana ini soalan bersama. Jadi, terima kasih Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cuma saya dukacita, selalu bila masuk soalan perfileman, hiburan menteri tak hadir. Menteri hadir bila jawab fasal air, api tenaga. Yang tu dia mai. Jadi, hak ini dia lepas timbalan menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Timbalan menteri dok kena gumul selalulah. Jadi, saya nak tanya soalan dia, soalan dia apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa siri-siri hiburan filem-filem yang disiarkan oleh stesen televisyen dan radio swasta telah hilang sifat kesopanan, kesusilaan dan tersendiriannya merosak akhlak masyarakat Malaysia pada hari ini. Jadi, kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, siri-siri filem, la ni beromenlah dalam TV, boleh romen apa semua, kemudian apa tengok *Akademi Fantasia*, tak akademik apa semua itu ini. Adakah orang-orang itu kita *idol* dia macam itu dengan rambut yang tak tentu arah, dengan perangai lembut dan yang lelaki-lelaki pula jadi lembut yang hak perempuan jadi keras. Jadi, macam mana ini, merosakkan, pakaian merosakkan. Kita tengok anak-anak sekolah itu cantiknya tutup kepala apa semua, hang jangan dok jadi fantasia. [Ketawa] Belajar elok-elok. Jadi, apakah pihak kementerian tak suluh hak ini, kemudian Yang Berhormat Timbalan Menteri, dok kata, dok kaji, dok kaji, dok kaji, sampai bila dok kaji?

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau menteri tak boleh jawab soalan ini, menteri tak mahu mai, kita minta kerajaan pindah hal-ehwal ini ke Kementerian Penerangan.

Beberapa Ahli: Ya...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak usahlah, Kementerian Dato' ini jaga api, air. Multimedia sudah. Hak siaran ini apa semua tolak pi dekat Dato' Menteri Penerangan. Jadi, selesai masalah. Ini hak penerangan pun ada, hak yang ini pun ada Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita celaru...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Orang kampung dok marah Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pengundi kita kata kelam-kabut. Depa idol, seorang penyanyi itu lebih daripada musabaqah Al-Quran. Musabaqah Al-Quran ditekan Tuan Yang di-Pertua, boleh RM5 ribu. Puak ini ratus ribu. Jadi, macam mana. Jadi, kita nak buat Islam Hadhari. Kalau hak ini dok pi lari ikut lain celaru Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Lepaslah dosa saya Tuan Yang di-Pertua, saya habak. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, dia gomoi, dia kata. Okey dia gomoi saya tak apa, Yang Berhormat. Ini, saya nak beri tahu Dewan yang mulia ini sebagaimana saya katakan tadi sekiranya kementerian ini tidak

prihatin, sudah pasti kementerian ini tidak berbincang dengan Jemaah Menteri akan permasalahan yang muncul pada hari ini. Atas keprihatinan kementerian inilah maka wujudnya, timbulnya satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri sendiri yang mana akan merangka bagaimanakah program-program yang sesuai untuk rakyat di negara ini, itu soalan yang pertama, keprihatinan kementerian ini. Jadi, saya ingin menyangkal sedikit tuduhan Yang Berhormat kata kementerian tidak prihatin.

Berhubung dengan program-program yang disiarkan di TV swasta, sama ada di Astro, TV3 ataupun RTM. Setiap program-program siaran yang dikeluarkan disiarkan di TV, diudarkan di TV, sudah pasti terlebih dahulunya mendapat kelulusan daripada Lembaga Penapisan Filem Malaysia yang terletak di bawah di bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri, tidak muncul tidak timbul mengatakan bahawa program itu suka-suka hati Kementerian Tenaga dan Komunikasi untuk lepaskan. Setiap program yang hendak disiarkan termasuk iklan perlu mendapat kebenaran Lembaga Penapis Filem, itu paling penting sekali.

Maka tidak timbul sama ada ia terletak dalam Kementerian Penerangan ataupun dalam Kementerian Tenaga, Air, Komunikasi, yang penting mendapat sijil. Sijil kebenaran kelulusan daripada Lembaga Penapis Filem. Dan kementerian ini juga telah berjumpa dengan semua syarikat-syarikat swasta dan memberi syarikat-syarikat swasta ini sekiranya mereka ingin mengadakan mana-mana program termasuk rancangan realiti, mereka perlu mengikut keperluan tempatan bersesuaian dengan nilai-nilai tradisi, normal-normal sosial Malaysia, perpaduan, integriti nasional serta nilai-nilai positif mengikut keperluan semasa budaya tempatan dan agenda nasional.

Kementerian ini tidak mahu mana-mana syarikat TV swasta apabila ingin mengambil mana-mana siaran daripada luar negeri mencedok bulat-bulat tanpa mengkaji kesannya kepada penduduk negara ini yang mengamalkan budaya ketimuran. Sekian, terima kasih.

2. **Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kementerian mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan mengenakan syarat kepada pengusaha kafe siber supaya menyediakan perisian penapisan bahan lucah sebelum memberi lesen perniagaan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Ampang secara serentak dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu pada 28 September dan pada 7 Disember memandangkan soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, garis panduan pengawalan pusat siber dan siber kafe yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada bulan Mac 2005 memperuntukkan takrifan bagi pusat siber dan siber kafe seperti berikut: Pusat siber adalah premis perniagaan yang menyediakan kemudahan komputer untuk tujuan melayari internet, manakala siber kafe, selain menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet juga menyediakan kemudahan jualan makanan dan minuman kepada pelanggan.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 10 Mac 1999 telah bersetuju supaya perniagaan pusat siber dan siber kafe tidak dikawal melalui peraturan pendaftaran pelesenan dan sebagainya bagi aktiviti perniagaan tersebut. Sehubungan dengan arahan itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memaklumkan kepada pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan. Selain itu selaras dengan seksyen 3(3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ataupun Akta 588 juga telah memperuntukkan bahawa tiada sebarang kawalan ataupun tapisan ke atas aktiviti ataupun maklumat internet.

Pelesenan siber kafe adalah tertakluk kepada Undang-undang Kecil Trade, Perniagaan dan Perindustrian di mana pihak berkuasa tempatan hanya mengeluarkan lesen premis untuk menjalankan aktiviti siber kafe sahaja. Pada bulan Mac 2005,

kementerian saya telah mengeluarkan garis panduan pengawalan perniagaan pusat siber dan siber kafe bertujuan bagi membendung penyalahgunaan premis perniagaan tersebut.

Di antara panduan garis panduan tersebut ialah mengenai kegiatan-kegiatan yang tidak dibenarkan untuk dijalankan di pusat siber dan siber kafe seperti permainan video, perjudian, gambar-gambar lucah, *pipe* muzik, penjualan bahan-bahan jualan dan lain-lain aktiviti hiburan. Pihak berkuasa tempatan boleh mengambil tindakan untuk menutup premis perniagaan pusat siber atau siber kafe jika pengusaha menjalankan aktiviti tersebut.

Walau bagaimanapun, memandangkan aktiviti pusat siber dan siber kafe sukar untuk dikesan, pertama orang ramai adalah diperlukan untuk melaporkan kepada pihak berkuasa tempatan bagi diambil tindakan sewajarnya. Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira peruntukan di bawah seksyen 3, Akta 588 seperti yang dinyatakan, kegiatan di siber kafe hanya dapat dibendung dari aspek penggunaan premis sahaja. Mengenai perisian penapisan bahan lucah, pada masa kini kementerian saya sedang mengadakan perbincangan lanjut bersama-sama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Tenaga, Air dan Telekomunikasi bagi mengenal pasti kaedah yang berkesan yang boleh dilaksanakan untuk menangani masalah kandungan lucah dan tidak sopan di internet.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan lesen yang dikeluarkan adalah melalui PBT, saya ingin bertanya setakat ini apakah mekanisme untuk mengawal gejala ini terutamanya apabila kita lihat begitu longgar kawalan dan penguatkuasaan terhadap had umur pengunjung-pengunjung kafe siber? Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, mengikut garis panduan yang dikeluarkan tahun ini, pengunjung ke siber kafe kalau sekiranya di bawah umur 12 tahun, mereka perlu ditemani oleh ibu bapa atau penjaga. Bagi kategori umur ini, mereka tidak boleh berada di siber kafe lebih lewat daripada pukul 10.00 malam. Bagi umur yang lain juga terdapat had waktu iaitu siber kafe perlu ditutup pada pukul 12.00 tengah malam.

Walaupun saya difahamkan bahawa terdapat penyelewengan dari segi penguatkuasaan, ini memang adalah bidang pihak berkuasa tempatan dan semua kerajaan negeri telah pun diingatkan supaya memantau keadaan ini kerana semua pihak berkuasa tempatan adalah di bawah kawal selia kerajaan negeri.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian sedar bahawa terlalu banyak sebenarnya pusat-pusat disalah guna khususnya di bandar-bandar besar seperti Johor Bahru, Seremban, Kuala Lumpur, Ipoh dan juga Pulau Pinang di mana pusat-pusat ini telah menjadi pusat perhubungan GRO, menjadi pusat penagihan dadah, pengedaran dadah syabu jenis *ecstasy* dan kemudian menjadi tempat kegiatan Ah Long. Tempat ini disalahgunakan.

Saya minta kalau ada kementerian pada hari ini kalau ada statik yang menyatakan berapa banyak pusat ini yang telah menyalahgunakan premis ini, berapa kes tindakan yang telah diambil dan kalau boleh mendedahkan di dalam Dewan ini adakah siber kafe ini masih lagi sesuai untuk diberikan premis kalau memandangkan kes-kes ini terus meningkat pada masa-masa yang akan datang.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana semua pihak berkuasa tempatan mempunyai angka penguatkuasaan masing-masing dan soalan ini ditanya soalan mulut dalam masa yang begitu singkat, saya rasa tidak dapat saya bagi angka. Kalau diberikan masa yang secukupnya mungkin saya boleh minta maklum balas daripada semua kerajaan negeri.

Oleh sebab terdapat kegiatan yang menyeleweng dan menyalahgunakan siber kafe, itu sebabnya kementerian saya mengeluarkan garis panduan yang baru yang saya sebutkan tadi dalam memperketatkan lagi apa yang telah berlaku sebelum itu, dan garis panduan ini masih baru, kementerian masih memantau supaya semua pihak berkuasa tempatan akan mengambil serius keadaan seperti ini.

Selain daripada had umur itu telah dijadikan satu syarat, semua pusat siber kafe, mereka tidak dibenarkan menjual minuman arak, tidak dibenarkan juga merokok bagi pelanggan atau menjual bahan rokok, minuman keras dan tidak perlunya terdapat siber

kafe yang menggunakan cermin gelap, tidak dapat nampak apa berlaku di dalamnya. Sekarang tidak dibenarkan lagi. Mereka kena menggunakan cermin yang boleh lebih telus dan orang awam dapat tahu apa sebenarnya yang berlaku di dalam.

Bagi siber kafe yang baru, mereka tidak lagi dibenarkan diletakkan di tingkat atas. Mereka perlulah ke tingkat bawah dari segi kemudahan, lebih mudah untuk dikawal selia dan budak sekolah yang memakai uniform memang dilarang sama sekali untuk masuk ke siber kafe. Semuanya terpulang kepada sejauh manakah berkesan penguatkuasaan kepada pihak berkuasa tempatan. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini sebenarnya perkara ini telah mendapat perhatian Perdana Menteri dan peringatan juga telah dikeluarkan kepada semua pihak berkuasa negeri, mudah-mudahan penguatkuasaan ini dapat dipertingkatkan dengan kerjasamanya. Terima kasih.

3. **Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang dibekal untuk menyiapkan pembinaan Jambatan Durin, di Bahagian Sibu.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, projek yang dimaksudkan adalah projek pembinaan jambatan Batang Rejang, Sibu, Sarawak yang telah dimulakan pada 23 Mac 1999. Siling peruntukan untuk Rancangan Malaysia Ketujuh adalah sebanyak RM100 juta dan siling peruntukan untuk Rancangan Malaysia Kelapan untuk projek pembinaan jambatan tersebut adalah sebanyak RM75.4 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu tahun 1996 hingga 2000, peruntukan yang telah dibelanjakan untuk projek tersebut berjumlah RM51.25 juta manakala peruntukan yang telah dibelanjakan untuk Rancangan Malaysia Kelapan daripada tahun 2001 hingga tahun 2004 berjumlah RM47.53 juta. Peruntukan tahunan yang telah diluluskan untuk tahun 2005 pula adalah sebanyak RM32.82 juta. Setakat ini, sebanyak RM17.93 juta telah dibelanjakan.

Oleh itu, jumlah perbelanjaan untuk pembinaan jambatan tersebut telah mencapai RM116,715,000. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbelanjaan sebanyak RM116,715,000 tersebut adalah merangkumi bayaran kemajuan kerja-kerja tambahan iaitu *variation orders*, bayaran pendahuluan – *advance payment* dan bayaran *exarchate* berjumlah RM105.91 juta. Perbelanjaan tersebut juga adalah termasuk bayaran-bayaran perunding untuk kerja-kerja reka bentuk jambatan sebanyak RM3.341 juta. Reka bentuk saluran paip utama RM140,039 dan penilaian projek sebanyak RM7.323 juta. Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas jawapannya tadi. Satu jumlah wang yang begitu banyak sudah dibelanjakan di situ tetapi masalah utamanya Yang Berhormat Menteri, jambatan ini sudah tidak siap berapa lama, sejak tahun 1999 dan satu masalah besarnya apabila ada perayaan di seluruh Malaysia ataupun di Sarawak, ini merupakan satu jalan ataupun tempat yang dilalui rakan-rakan kita dari Sabah, dari Brunei dan dari seluruh Sarawak dan juga dari seluruh Malaysia mungkin. Ini merupakan satu *landmark* bagi mereka yang lama sudah tidak disiapkan dan kadang-kadang ini juga dibangkitkan oleh pihak-pihak yang tertentu semasa pilihan raya, sebelum pilihan raya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat. Ya.

Tuan Jelaing anak Mersat: Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Bila hendak disiapkan, ya?

Tuan Jelaing anak Mersat: Apakah masalah yang dihadapi selama ini dan bilakah ini akan disiapkan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih. [Ketawa] [Dewan gamat seketika]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jambatan ini boleh dikatakan sebagai satu jambatan bersejarah, oleh kerana telah mengambil masa yang banyak. Kita telah memberi lanjutan masanya enam kali. [*Dewan gamat seketika*] Yang pertamanya kita bagi 39 hari, yang keduanya 21 hari, yang ketiganya 46 hari, yang keempatnya 328 hari, yang kelimanya 108 hari dan yang keenamnya belum ditetapkan lagi, 9 hari. Jadi 552 hari kita telah memberi untuk melanjutkan masanya. Projek ini Tuan Yang di-Pertua, kemajuan kerja sekarang 88.2% sebenarnya.

Projek ini dijangka akan siap oleh subkontraktor dinamakan NSC pada bulan Mac 2006. Sebab-sebab kelewatan pembinaan jambatan ini Yang Berhormat, masalah yang ditemui semasa kerja-kerja menanam cerucuk konkrit jenis '*span piles*' bersaiz 300 milimeter dan 800 milimeter garis pusat dilaksanakan, yang mana beberapa batang cerucuk telah patah atau retak akibat keadaan tanah yang lebih keras daripada yang dijangkakan dalam kontrak asal.

Kontraktor telah terpaksa membaiki kerosakan tersebut dan membuat tambahan cerucuk baru. Penamatan kerja-kerja subkontraktor pakar iaitu *specialist subcontractor* yang bertanggungjawab untuk menyiapkan cerucuk jenis '*board piles*' bersaiz 1,500 milimeter garis pusat disebabkan prestasi kerja-kerja yang tidak memuaskan.

Yang ketiga, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masa yang terbuang akibat keperluan kontraktor utama untuk menyusun balik program kerja setelah penamatan subkontraktor-kontraktor tersebut. Masalah-masalah teknikal bersabit kelemahan reka bentuk yang kurang sesuai untuk pembinaan sebuah jambatan di sungai yang begitu lebar dan deras pengaliran airnya. Sebagai contoh, satu *comfort dam* yang telah dibina mengikut kehendak kontraktor untuk tujuan pembinaan tiang jambatan ini tengah sungai, telah dihanyutkan disebabkan arus sungai yang begitu deras, yang telah mengakibatkan kerugian sebanyak lebih kurang RM1.6 juta kepada kontraktor.

Yang keempat Tuan Yang di-Pertua, kejadian pelanggaran tiang-tiang jambatan yang sedang dibina oleh rakit-rakit, *barrages* yang membawa kayu-kayu balak telah mengakibatkan kerugian masa dan kewangan kepada kontraktor yang terpaksa membaiki kerosakan yang telah berlaku.

Yang kelima, kesukaran untuk memperoleh jentera peralatan dan alat-alat ganti yang sesuai dari sumber-sumber tempatan, kebanyakan bahan tersebut perlu diimport daripada luar negeri Sarawak. Kelemahan pengurusan serta kekurangan kakitangan yang mahir di pihak kontraktor untuk melaksanakan projek yang besar seperti ini. Kontraktor telah menghadapi kekurangan aliran tunai, *cashflow*. Salah satu sebab utamanya timbulnya masalah ini ialah kerugian kewangan yang ditanggung oleh kontraktor dalam mengatasi kelemahan reka bentuk dan kerosakan seperti yang telah disebutkan di atas.

Oleh kerana itulah Yang Berhormat, kita menghadapi beberapa banyak masalah. Walau bagaimanapun, saya sudah melawat ke tempat itu dua kali, beberapa kali kita sudah bincang dengan kontraktor-kontraktor kecil. Pada akhirnya kita dapat satu kontraktor dengan pengalaman yang baik. Saya percaya ini boleh dapat diselesaikan dalam bulan Mac 2006 tidak lama lagi Yang Berhormat. Terima kasih.

[Soalan No. 4 – Y.B - Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) tidak hadir]

5. **Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah masalah dan tahap prestasi pelaksanaan projek-projek dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan apakah haluan teras dan keutamaan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelapan, terdapat 83,759 projek kesemuanya dan daripada jumlah tersebut, kira-kira 67% telah pun siap sepenuhnya iaitu kira-kira 56,000 projek. Yang masih belum siap termasuklah projek yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya sekejap tadi di Jambatan Sungai Turin di Sibul.

Tuan Yang di-Pertua, antara masalah-masalah yang timbul kenapa projek-projek ini lewat dilaksanakan, yang pertama masalah kontraktor yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya tadi. Isu berkaitan dengan tanah dan tapak, masalah penyelarasan antara agensi dan juga mengikut kontraktor masalah kenaikan kos bahan-bahan binaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Rancangan Malaysia Kesembilan seperti yang kita telah tekankan beberapa kali, tumpuan kerajaan adalah kepada pembangunan sumber manusia untuk membasmi kemiskinan tegar dan juga untuk merapatkan pembangunan antara wilayah dan negeri. Selain itu, kerajaan akan meneruskan usaha-usaha untuk memantapkan kedudukan bumiputera dalam ekonomi negara. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Jahaya: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam budget setiap tahun saya difahamkan, bahawa ada agensi-agensi kerajaan yang tidak dapat melaksanakan semua projek ke tahap seratus peratus mengikut peruntukan yang diluluskan oleh pihak Parlimen seperti mana yang berlaku di Sabah tahun yang lepas. Jadi, apakah strategi kerajaan untuk mengatasi masalah ini, khususnya menambah baik sistem penyampaian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan bagi Budget 2006 yang akan datang ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melaksanakan suatu rancangan kita membuat kajian tentang kelemahan-kelemahan rancangan sebelumnya. Maka, salah satu perkara yang kita akan beri penekanan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ialah, untuk mengkaji kelemahan-kelemahan dalam melaksanakan program dan projek di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Tadi saya telah sebutkan beberapa masalah yang kita hadapi dan kita akan cuba mengatasinya.

Salah satu tumpuan utama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah untuk memperbaiki lagi sistem penyampaian. Ini merupakan aspek yang paling penting sekali. Tidak guna kita merancang dan menyediakan peruntukan yang besar tetapi projek-projek tidak dapat kita laksanakan. Ini merupakan suatu masalah yang serius, memerlukan kerjasama Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat, juga pegawai-pegawai kerajaan, ia memerlukan perubahan kepada *mindset*, ia memerlukan perubahan kepada kaedah-kaedah kita melaksanakan projek dan program, ia memerlukan pengurangan dalam kerenah birokrasi dan ia juga memerlukan *improvement*, dengan izin, prestasi kontraktor-kontraktor yang telah kita beri amanah untuk melaksanakan projek-projek tertentu. Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri atas jawapan yang telah diberikan kepada rakan saya. Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Kelapan kita dimaklumkan bahawa terdapat projek secara bayaran tertangguh '*deferred payment project*', akan dibawa masuk ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Di antara projek yang dijalankan untuk dibawa masuk di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah termasuk projek-projek infrastruktur, pembinaan menaiktarafkan jalan, pembinaan loji rawatan, pembetungan, pembinaan CIQ, lapangan terbang baru, masalah banjir dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, hanya bahagian projek infrastruktur ini yang akan dibawa masuk ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah lebih kurang RM8.4 bilion, dan sekiranya projek-projek yang dibawa masuk ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, maka akan terganggu syiling peruntukan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan. Oleh itu, soalan saya ialah, apakah kerajaan di dalam sistem pemantauan projek (SPP) yang dilaksanakan oleh kerajaan di dalam memastikan semua projek yang telah pun ditetapkan, digariskan dalam Rancangan Malaysia, sama ada Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan, yang akan datang itu, dapat dilaksanakan mengikut masa yang telah ditetapkan dengan sempurnanya. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Ada dua isu yang dibangkitkan. Pertama, berkaitan dengan *deferred payment* ataupun projek-projek yang dilaksanakan mengikut kaedah bayaran tertangguh.

Yang kedua, berkaitan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan, projek-projek hendaklah dipastikan ia dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Ia tidak ada banyak kaitan dengan dua perkara tersebut, tetapi saya akan menjawab yang pertama

dahulu. Kenapa projek-projek *deferred payment* ini dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan? Ia adalah kerana kedudukan kewangan kerajaan dan kita tidak dapat menambahkan syiling peruntukan pada masa itu. Itu sebabnya beberapa projek dilaksanakan mengikut kaedah ini, tetapi kerajaan telah membuat keputusan bahawa untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan kaedah ini kita akan lebih teliti dan kita akan amat berhati-hati sebelum menimbangkan. Secara umumnya kita tidak akan menimbangkan projek-projek dalam bentuk *deferred payment*, tetapi dalam kes-kes tertentu kita akan mengambil, akan membuat penelitian yang teliti.

Mengenai bahagian kedua Rancangan Malaysia Kesembilan seperti yang saya sebutkan tadi, apabila menjawab soalan asal kita akan memastikan bahawa *delivery system* ini akan dapat ditingkatkan. Setiap Rancangan Malaysia yang kita laksanakan memang ada projek-projek sambungan. Secara umumnya kira-kira 25% hingga 30% perlu dibawa ke hadapan. Ada di antaranya kerana kelemahan kontraktor, tetapi ada juga projek-projek itu memerlukan masa empat hingga lima tahun sebelum dilaksanakan. Jadi, kalau dimulakan pada tahun 2005, kalau projek memerlukan dua, tiga tahun sudah pasti 2006, 2007, kita terpaksa melaksanakan juga.

Jadi, memang setengah-setengah projek itu akan merentasi dua rancangan. Oleh hal yang demikian, kira-kira 30% daripada projek-projek merupakan projek-projek sambungan. Ini pengalaman yang lalu. Walau bagaimanapun, kerajaan akan terus memastikan bahawa jentera pelaksanaan ini dapat kita mantapkan lagi dan kita akan pastikan bahawa projek-projek yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

6. **Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan di antara tahun 2000 hingga sekarang, berapakah bilangan sindiket dadah antarabangsa berjaya ditumpaskan.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah sindiket dadah antarabangsa yang berjaya ditumpaskan dari tahun 2000 hingga bulan Julai 2005 adalah sebanyak 67 sindiket, yang mana telah melibatkan seramai 336 orang jumlah tangkapan telah dibuat. Mereka ini juga semuanya telah diambil tindakan mengikut undang-undang yang berkaitan, iaitu Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Terima kasih.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dihangatkan dengan isu AP yang berlarutan, kemudian Ketua Pengarah yang bersara – Kastam, dan dua hari yang lalu berturut-turut, lihatlah *Berita Harian [Membaca tajuk akhbar tempatan] AADK Memalukan – Noh 'Pengarah Wilayah Persekutuan pula tidak hadir majlis kempen di Sentul'* semalam, dan sebelum itu, '*Noh Omar kesal sikap ADK Pulau Pinang – Pengarah, pegawai tidak hadir pelancaran Program Belia Benci Dadah alasannya kereta rosak*', bolehkah kita terima.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sampaikan seloka kepada pegawai-pegawai yang mulia ini.

"Wahai pegawai ADK tuan yang mulia;

Sedarlah anda masalah belia kita;

Penagihan dadah musuh utama negara;

Janganlah tuan-tuan masih tidur dan leka."

Jadi, masalah penagihan dadah di peringkat negeri dan di daerah pun sama juga, Antidadah di mana jarang kita adakan mesyuarat dan sebagainya. Jadi, saya cadangkan kenapa tidak ADK ini diletakkan di ibu pejabat polis dan begitu juga Program Belia Benci Dadah ini, kenapa tidak kita gunakan idola anak-anak muda kita hari ini? Mawi – Tsumawi ini kita gunakan dia. Kalau jutaan ringgit kita boleh gunakan untuk Kempen Anti-Merokok, kita gunakan jutaan ringgit untuk Mawi melawat seluruh negeri bersama belia yang antidadah ini, saya kira ini akan berjaya. Kita buat satu gerakan rakyat dan barangkali

boleh mulakan di Gerik, Perak, kita adakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Gerik untuk mengumpul belia-belia ini melalui Mawi dengan lagu Serojanya. Boleh atau tidak, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Gerik. Terutama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kepekaan Yang Berhormat mengenai musuh nombor satu negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan, saya lihat sekarang ini telah pun banyak pertubuhan sukarela, pertubuhan-pertubuhan politik, malah pelajar-pelajar nampaknya momentum untuk berkempen memerangi dadah ini telah pun sampai ke akar umbi.

Mengenai kes yang dibangkit, hari ini saya tidak mahu komen sebab ia telah pun dijawab oleh Ketua Pengarah, itu secara kebetulan, Tuan Yang di-Pertua, bila saya melawat, saya lihat semua agensi ada kecuali ADK, tetapi alasan-alasan telah pun diberi, begitu juga di Kuala Lumpur.

Tadi bila saya baca surat khabar, ketua pengarah telah pun jelaskan, saya tidak mahu komen lagilah.

Tuan Yang di-Pertua: Alasan ke sebab?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Alasan ke sebab?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Itu alasan yang diberilah. Ini saya serah kepada bijaksana Ketua Pengarah ADK untuk membicarakan. Hanya bagi saya cadangan Yang Berhormat ini memang baik. Sebab itu kita di ADK, Sekretariat ADK telah pun ditubuhkan dan kita memikirkan bahawa *approach* untuk kita memerangi dadah kena berbeza kerana dadah juga telah berbeza di mana dadah-dadah dari Cina hari ini telah bertukar kepada dadah-dadah jenis ATS. Sebab itu cara kita berkempen juga mestilah berubah mengikut zaman sekarang ini, iaitu kita telah mulakan dengan Program Karnival Enam Jahanam ini. Enam Jahanam ini ialah enam jenis dadah yang kita hendak hapuskan dan cara kita bukan sahaja kita buat kempen dadah sahaja, kita adakah forum perdana, kita adakan sukan dan kita jemput artis-artis untuk mengadakan persembahan kebudayaan.

Tujuan kita tidak lain tidak bukan ialah untuk mengumpulkan seberapa ramai belia hadir dan mereka boleh dengar mesej antidadah dan juga pameran-pameran dari pelbagai jabatan. Jadi usaha ini sedang kita jalankan. Dengan sokongan semua Ahli Parlimen, saya percaya masalah musuh nombor satu negara ini sedikit sebanyak dapat kita atasi. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mengucapkan syabas dan tahniah kerana sejak akhir-akhir ini kita lihat kerajaan begitu serius menangani masalah penyalahgunaan dadah ini. Saya suka merujuk kepada sekitar tahun 2004, ada satu tangkapan *syabu* di Semenyih dengan penglibatan negara-negara lain dan Interpol, lebih kurang RM1.5 juta nilainya dan dikatakan juga ketika itu dua tan *ephedrine* dirampas.

Soalan saya, dadah-dadah jenis baru ini turut mengandungi bahan-bahan kimia seperti *ephedrine* dan bagaimanakah langkah kerajaan untuk memantau kemasukan barang-barang ini ke dalam negara dan tidak disalahgunakan untuk memproses bagi menjadikan dadah-dadah seperti *syabu*? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ucap terima kasihlah kepada semua pihak yang terlibat dalam memerangi dadah. Sehingga Ogos ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat kurangkan sebanyak 28% bilangan penagih dadah. Mengenai soalan yang dibangkitkan yang berlaku di Semenyih, kita sedia maklum bahawa Malaysia bukan merupakan negara pengeluar dadah. Tidak ada kita buat dadah di mana-mana, ertinya tidak ada tanaman ataupun kilang yang mengeluarkan dadah melainkan di Semenyih.

Kita amat bernasib baik kerana pihak polis telah dapat mengesan terlebih dahulu sebelum kilang tersebut dijadikan kilang untuk memproses *syabu* dan kalau kita terlewat hari itu, kita jangkakan itulah kilan yang terbesar, mungkin di Asia untuk mengeluarkan

syabu. Mengenai cadangan Yang Berhormat, bahan-bahan yang digunakan untuk membuat *syabu* adalah dari pelbagai bahan. Kita dapati bahawa mereka menyeludup masuk barang-barang tersebut dengan peringkat-peringkat yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun, pihak keselamatan sedang dan telah pun berusaha untuk kita meningkatkan kawalan-kawalan di pintu-pintu masuk supaya kegiatan penyeludupan dadah ini dapat kita hapuskan.

Saya juga ingin maklumkan daripada angka yang ada pada saya, daripada 336 ini, seramai 128 orang sahaja yang kita telah tahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, yang selebihnya iaitu 208, kita telah pun tahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) di mana ini adalah satu Akta Dadah yang mungkin negara-negara lain tidak ada di mana kita gunakan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) ini, kita boleh menangkap pengedar-pengedar dadah ini tanpa bicara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 7. Sebelum jawapan diberikan, saya memohon pembetulan pada baris keempat, perkataan "VI" itu sepatutnya digugurkan. Terima kasih.

7. **Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah perkara-perkara yang menyebabkan keputusan peperiksaan utama sekolah-sekolah menengah elit Melayu (seperti MCKK, RMC, Alam Shah, Tun Fatimah, VI) kurang menyerlah setiap tahun kebelakangan ini berbanding dengan sekolah-sekolah berasrama penuh yang lain dan nyatakan apakah langkah kerajaan untuk menaikkan semula kecemerlangan sekolah-sekolah elit ini.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia berpendapat dakwaan mengatakan keputusan peperiksaan di sekolah-sekolah elit Melayu seperti yang dinyatakan kurang menyerlah adalah tidak benar. Berdasarkan kepada keputusan Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2004 di sekolah-sekolah tersebut masih menunjukkan prestasi yang cemerlang. Sebagai contoh, calon yang mendapat 7A ke atas bagi Sekolah Alam Shah (SAS) adalah 94.12%, di Sekolah Tun Fatimah – 79.86%, manakala Malay College Kuala Kangsar adalah 74.58%.

Manakala dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2004 pula, pencapaian gred purata keseluruhan (GPK) iaitu pencapaian oleh semua calon dalam semua mata pelajaran yang diambil memberi gambaran bahawa ketiga-tiga sekolah tersebut berada dalam kedudukan yang baik. Misalnya GPK bagi STF – 1.79%, SAS – 1.96% dan MCKK ialah 2.43%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan wujudnya sekolah berasrama penuh yang lain pada masa ini, penempatan pelajar-pelajar yang cemerlang diagihkan kepada semua SBP dan tidak tertumpu kepada sekolah-sekolah elit yang dinyatakan. Seperti yang kita maklum, tujuan penubuhan SBP adalah untuk menempatkan pelajar-pelajar yang mempunyai potensi untuk cemerlang sama ada dalam kurikulum atau kokurikulum. Dengan itu suasana persaingan dari segi pencapaian akademik yang semakin sengit pada masa ini menjadikan semua SBP berusaha menunjukkan kecemerlangan dan tidak tertumpu kepada beberapa buah SBP perintis sahaja.

Dalam hal ini, pengurusan dan pentadbiran semua SBP termasuklah sekolah-sekolah yang dinyatakan senantiasa melaksanakan program untuk tujuan mempertingkatkan lagi usaha akademik masing-masing. Program kecemerlangan tersebut juga mendapat sokongan dari pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah masing-masing.

Antara langkah-langkah lain yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan semula sekolah-sekolah elit dan juga SBP yang lain adalah:

- (i) mempelbagaikan kepada pembelajaran seperti pembelajaran *mastery* dan KBKK untuk melahirkan insan yang mampu

- berfikir secara kritis dan kreatif untuk mampu juga membuat keputusan dan boleh menyelesaikan masalah;
- (ii) memperluas maklumat dan memberi pendedahan kepada kaunselor, pelajar dan guru mengenai peluang kerjaya;
 - (iii) memastikan setiap pelajar mendapat khidmat bimbingan kerjaya dan pendidikan lanjutan; dan
 - (iv) meningkatkan kemahiran pengurusan sendiri pelajar SBP dengan memastikan pelajar mempunyai sikap dan tingkah laku positif serta bertanggungjawab.

Terima kasih.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, adakah benar kemerosotan atau sedikit tidak cemerlangnya pelajar-pelajar dari sekolah elit ini terutama sekali apabila dibandingkan dengan kebolehan mereka bersaing di peringkat pasaran adalah disebabkan oleh prasarana serta peralatan sekolah yang sama elitnya dengan sekolah itu sendiri iaitu apabila sekolah ini elit, peralatan pun jadi antik dan akibatnya kurang mendapat permintaan daripada ibu bapa dan pelajar.

Dan, apakah sedikit sebanyak minat guru atau tenaga pengajar untuk bertugas di sekolah-sekolah elit ini sudah berkurang dan mereka lebih berminat untuk menjalankan tugas-tugas di sekolah-sekolah menengah sains dan sekolah-sekolah menengah agama yang begitu cemerlang dan mendapat liputan yang begitu meluas dalam media massa ketika keputusan-keputusan peperiksaan diumumkan. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat mungkin ada kebenaran mungkin tidak tetapi seperti mana yang telah saya nyatakan mengenai dengan keputusan-keputusan sekolah-sekolah tersebut masih dapat dipertahankan, malah mereka juga bukan cemerlang dalam bidang akademik, *non-academic* juga mereka cemerlang. Kalau kita lihat ramai daripada mereka dapat menyertai kelas-kelas ataupun kursus-kursus matrikulasi dan juga untuk ke seberang laut dan sebagainya. Jadi, ini boleh saya katakan ukuran yang mengatakan sekolah-sekolah tadi tidak menerima tamparan yang hebat dari segi prestasinya. Tetapi kita juga jangan lepas tangan begitu sahaja menganggapkan sekolah ini sekolah elit seperti MCKK, seperti sekolah STAR dan sebagainya. Ini adalah kita kata kita lepas tangan sahaja tidak benar. Sebenarnya kita memantau dan pilihan kita kepada anak-anak yang menyertai sekolah-sekolah ini adalah berasaskan kepada akademik yang tinggi.

Mengenai dengan peralatan saya akui ada beberapa buah sekolah ini peralatan sudah tidak sesuai lagi dan kita sedang mengambil tindakan yang sewajarnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, terutama sekali dari segi, saya faham, beberapa kemudahan seperti padang, bilik air dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya tidaklah bimbang sangat kerana sekolah ini mempunyai Persatuan Ibu bapa serta Persatuan Murid-murid Tua yang begitu prihatin tentang sekolah alma mater mereka. Terima kasih.

8. **Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan kajian sejauh manakah data-data atau maklumat Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) telah sampai ke pengetahuan akar umbi penduduk luar bandar atau pedalaman. Adakah pihak kementerian berpuas hati dengan perkembangan itu?

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab serentak pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Pilah yang dijadualkan pada hari ini dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Serian yang dijadualkan untuk dijawab pada 20 Oktober 2005 kerana menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat maklumat berkaitan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) telah pun dihebahkan

oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) secara berperingkat melalui Rancangan Promosi dan Pemasaran SSPN ke seluruh negara bagi memastikan maklumat berkaitan SSPN sampai untuk pengetahuan penduduk luar bandar atau pedalaman, PTPTN telah melaksanakan beberapa pendekatan berikut:

- (i) pelancaran peringkat kebangsaan yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di PWTC pada 6 Ogos 2004 dan telah disiarkan secara langsung melalui RTM;
- (ii) mengadakan majlis-majlis pelancaran serta pembukaan akaun SSPN di peringkat negeri di seluruh negara, antaranya di negeri Terengganu, Pahang, Johor, Kelantan, Perak dan Sarawak. Pelancaran di negeri-negeri lain masih dalam perancangan;
- (iii) mengadakan majlis taklimat dan sesi penerangan serta sesi pembukaan akaun SSPN di peringkat Parlimen dengan kerjasama Ahli-ahli Parlimen di seluruh negara. Setakat ini PTPTN telah mengadakan promosi melibatkan lebih daripada 10 buah kawasan Parlimen;
- (iv) penyiaran iklan SSPN secara berkala melalui media cetak dan elektronik tempatan seperti RTM, Era dan TV3; dan
- (v) mengadakan sesi-sesi penerangan dan taklimat serta majlis pembukaan akaun kepada kumpulan sasaran di bawah seliaan kementerian dan agensi jabatan kerajaan yang terlibat secara langsung dalam Program Pembangunan Sosial Ekonomi Negara seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan agensi-agensi seperti Felda, Felcra dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kementerian berkeyakinan melalui kerjasama daripada semua pihak, terutamanya pemimpin-pemimpin masyarakat dan agensi-agensi kerajaan, SSPN mampu untuk menarik masyarakat untuk menyimpan bagi tujuan pendidikan tinggi. Sehingga 30 Ogos 2005, jumlah deposit SSPN telah mencapai RM6.5 juta melibatkan 26,575 jumlah akaun. Pecahan jumlah akaun serta amaun simpanan yang diterima mengikut negeri sehingga 30 Ogos 2005 adalah seperti berikut. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk membaca kesemua angka-angka mengikut negeri tetapi saya akan sampaikan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, kementerian masih belum berpuas hati dengan pencapaian ini dan oleh itu akan melipatgandakan lagi usaha promosi terutamanya di peringkat kawasan Parlimen. Kementerian yakin sambutan terhadap SSPN akan meningkat melalui perancangan pemasaran dan promosi secara berterusan yang melibatkan semua peringkat dan lapisan masyarakat di seluruh negara.

Datuk Haji Hassan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua, saya seronoklah bila mendengar bahawa pihak kementerian masih lagi belum berpuas hati tentang pencapaian ini. Oleh kerana itu saya rasa usaha ini mesti dilipatgandakan, diusahakan lebih terutamanya untuk kawasan-kawasan di pedalaman dan juga di Sabah dan Sarawak sebagaimana soalan daripada kawan saya.

Jadi, soalan saya ini, adakah pihak kementerian bercadang untuk hendak menaikkan ataupun mengurangkan had maksimum kelayakan untuk menyimpan ini kepada mereka yang berminat untuk membuat simpanan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional ini? Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada had maksimum telah ditetapkan. Had maksimum yang ditetapkan ialah dalam maksud *matching grant* yang diberi kepada pendeposit. Bermakna pendeposit di mana pendapatan keluarga adalah

kurang daripada RM1,200, maka segala wang yang disimpan, kerajaan akan beri *matching grant* iaitu satu persatu pada jumlah deposit yang telah diletak kepada tahap maksimum RM10,000.

9. **Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapa peratuskah pakar-pakar Melayu/bumiputera yang wajib diambil oleh syarikat Multinasional di negara kita sebagai syarat untuk mereka beroperasi di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang kompetitif dalam konteks persaingan yang sengit dalam menarik pelaburan asing, kerajaan telah mengenakan syarat-syarat yang minimum untuk menarik pelaburan asing. Ini selaras dengan inisiatif untuk menjadikan Malaysia sebuah negara, dengan izin, *business friendly*.

Walaupun tiada syarat yang mewajibkan pengambilan pakar-pakar Melayu atau bumiputera oleh syarikat-syarikat multinasional, pengambilan pakar-pakar asing atau ekspatriat adalah dihadkan mengikut garis panduan kerajaan, iaitu, bagi syarikat pembuatan dengan modal dibayar [*paid-up capital*] sebanyak USD2 juta dan ke atas hanya dibenarkan maksimum 10 jawatan ekspatriat. Bagi syarikat pembuatan dengan modal dibayar lebih daripada USD200 ribu tetapi kurang daripada USD2 juta tidak lebih daripada 5 jawatan ekspatriat dibenarkan. Untuk maklumat Yang Berhormat, multinasional menggunakan lebih sumber tenaga tempatan yang berkepakaran tinggi dibandingkan dengan syarikat milikan tempatan.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh MIDA, syarikat-syarikat multinasional telah menawarkan peluang pekerjaan kepada pakar-pakar tempatan dari kalangan pengurusan dan profesional pada puratanya seramai 179 pakar bagi setiap syarikat berbanding 23 orang pakar bagi syarikat milikan tempatan. Untuk memastikan supaya syarikat-syarikat multinasional terus menyumbang kepada pembangunan sumber manusia di negara ini di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, kerajaan juga mensyaratkan supaya semua syarikat tersebut mengadakan latihan bagi tenaga kerja supaya permintaan teknologi dan kepakaran dapat disalurkan di semua peringkat jawatan.

Syarat-syarat pelaburan yang minimum ini akan dapat menarik dan menggalakkan pelaburan dari syarikat-syarikat multinasional ke negara ini dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi serta menambahkan peluang pekerjaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan. Masalahnya sekarang, kalau sekiranya kita hendak menjadi sebuah negara yang maju tetapi tiada pakar-pakar tempatan yang diambil, bagaimanakah pengalaman-pengalaman yang didapati oleh ekspatriat daripada luar ini dapat diturunkan kepada ekspatriat-ekspatriat tempatan untuk menjadikan Malaysia pada 2020 sebagai sebuah negara maju dan juga untuk menghidupkan MSC kita ini dengan pakar-pakar tempatan. Kerana kita dapati syarikat-syarikat contohnya seperti *Dell*, *Intel*, *Comaq*, *Excel*, *Motorola* kebanyakannya mengambil pakar-pakar daripada luar negeri sebagai ekspatriat ataupun pakar-pakar yang mengendalikan syarikat tersebut, saya harap mendapat penjelasan daripada kementerian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedang mengambil perhatian terhadap latihan tenaga dalam teknologi tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat pekilang mengadakan latihan dan *transfer of technology* di semua peringkat perjawatan adalah digalakkan oleh kerajaan dan di samping itu syarikat-syarikat yang diluluskan insentif - kita bagi insentif kepada syarikat-syarikat yang menjalankan latihan di bidang berteknologi tinggi, misalnya, bagi syarikat-syarikat yang diluluskan galakan berteknologi tinggi atau galakan insentif R&D, salah satu syarat yang dikenakan ialah nisbah staf lulus ijazah dalam bidang sains dan teknikal atau diploma

dengan pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang berkaitan hendaklah sekurang-kurangnya 7 perpuluhan daripada jumlah guna tenaga. Ini bermakna syarikat-syarikat ini perlu mengadakan latihan bagi pekerja rakyat Malaysia mereka, dan bagi syarikat-syarikat yang diluluskan geran latihan (*training grant*) syarikat diwajibkan menjalankan latihan bagi pekerja rakyat Malaysia. Syarikat-syarikat yang diluluskan jawatan asing bertempoh (*time post*) disyaratkan untuk melatih warga Malaysia bumiputera dan bukan bumiputera untuk mengambil alih jawatan tersebut selepas tamat tempoh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh memaksa syarikat multinasional untuk mengambil pekerja profesional ataupun teknikal tempatan sekiranya tiada pekerja tempatan yang sesuai untuk jawatan ini. Kalau kita buat begini, pelabur-pelabur asing akan lari ke negara jiran kita. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja sesi soal jawab lisan.

[Masa untuk pertanyaan bagi jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN AHLI FARMASI (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Makanan 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2005) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 2005

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, memberi ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tiga bilion dua ratus lapan puluh sembilan juta lapan ratus sembilan puluh tujuh ribu lapan ratus sembilan puluh ringgit (RM3,289,897,890) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2005, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 2005 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan.” **[26 September 2005]**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timor, sila sambung ucapan.

11.17 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua hari ini merupakan hari keenam untuk sidang Parlimen Bajet 2006, dan setiap hari Ahli-ahli Parlimen sama ada daripada Barisan Nasional atau pembangkang dengan perasaan tidak sabar yang kian bertambah untuk menunggu kehadiran Menteri MITI...

Beberapa Ahli: Setuju, setuju.

Tuan Lim Kit Siang: ..untuk menghadiri sidang Parlimen, untuk memberi...Setujukah? Setuju?

Seorang Ahli: Setuju!

Tuan Lim Kit Siang: Untuk memberi satu penjelasan yang penuh dan memuaskan berkenaan dengan skandal AP, khususnya selepas beliau telah memberi saya satu jawapan bertulis yang paling bersifat pilih-memilih, tidak lengkap, memesongkan dan *mysterious* berkenaan skandal ini pada hari Selasa yang lepas, sekali gus mencabuli hak keistimewaan Parlimen dan menyinggung perasaan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dengan percubaan untuk *untwist* dan mengugut Ahli-ahli Parlimen supaya dapat menyembunyikan mereka.

Yang Berhormat Menteri telah pulang dari luar negara pada hari Sabtu tetapi beliau belum lagi sudi menghadiri Parlimen dengan menghormati Parlimen dengan kehadirannya semalam. Walaupun beliau masuk ke kementerian seperti yang disahkan oleh Setiausaha Parlimennya pada Nanyang Siang Pau hari ini Setiausaha Parlimen baru boleh datang untuk baca jawapan sahaja. Wartawan-wartawan yang telah pergi ke rumahnya pada hari Sabtu untuk wawancara telah dihalau oleh pegawai-pegawai keselamatannya. Yang Berhormat Menteri tidak berada di Parlimen pada hari ini dan saya difahamkan beliau akan pergi ke luar negara sekali lagi lewat hari ini.

Bulan ini merupakan ulang tahun ke-25 untuk Yang Berhormat Menteri menjadi Ahli Kabinet di mana beliau pertama sekali menjadi Ahli Kabinet pada September 1980. Beliau telah menjadi menteri yang paling imperial - *imperial minister* dalam sejarah 48 tahun Parlimen di negara ini dengan kehadiran yang jarang di Parlimen dan apabila datang semacam datanglah kemunculan "*royal presence*".

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Beliau tidak datang ke Parlimen untuk menjawab soalan-soalan atau memberi maklum balas kepada Ahli-ahli Parlimen dalam perbahasan. Beliau datang ke Parlimen untuk menunjukkan atau dengan izin, *bestow beneficence of royal personality* atau *magnetism* kepada Ahli-ahli Parlimen yang biasa. Tetapi beliau tidak bagi layanan yang begitu *shabby* kepada Ahli-ahli Parlimen sahaja, ini pun dituju kepada Ahli-ahli Menteri.

Pada hari Jumaat yang lepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata Kabinet pada hari esok akan membincangkan perasaan tidak puas hati Ahli-ahli Parlimen sama ada daripada BN ataupun pembangkang terhadap pengabaian Yang Berhormat Menteri ke atas tugas-tugas Parlimennya iaitu gagal untuk menghadiri sidang Parlimen untuk memberi satu penjelasan yang penuh dan memuaskan dalam skandal AP yang menjadi isu besar dalam UMNO, kerajaan dan negara inisejak empat bulan yang lepas serta tindakan beliau yang tidak menghormati Parlimen dengan percubaannya untuk *arm twist* dan mengugut Ahli-ahli Parlimen BN untuk jangan bercakap berkenaan dengan skandal AP melalui pengumuman senarai AP untuk Ahli-ahli Parlimen dan bekas Ahli-ahli Parlimen yang bersifat pilih memilih dan memesongkan pada hari Selasa yang lepas. Tetapi Yang Berhormat Menteri tidak akan menghadiri Mesyuarat Kabinet esok kerana beliau akan berada di luar negara.

Mesyuarat Kabinet untuk membincangkan pengabaian tanggung jawab Parlimennya adakah akan dibatalkan tanpa kehadirannya ataupun Kabinet berani untuk meneruskan dan menetakannya pada agenda Kabinet walaupun beliau tidak dapat hadir. Ini bukan kali yang pertama Yang Berhormat Menteri tidak menghadiri Mesyuarat Kabinet

apabila ianya diadakan untuk membincangkan satu agenda yang penting yang secara langsung menyentuh *portfolio* atau tingkah lakunya.

Pada 30 Julai, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memberi notis umum untuk Yang Berhormat Menteri akan ditanya untuk memperjelaskan skandal AP kepada Kabinet dalam mesyuaratnya. Tetapi agenda Kabinet perlu dibatalkan kerana ketidakhadiran Yang Berhormat Menteri yang keempat berturut-turut dalam pertengahan skandal AP yang telah berlarutan ini bahawa pada masa itu Yang Berhormat Menteri masih bercuti untuk Mesyuarat Kabinet 3 Ogos bahawa beliau mengambil kesempatan untuk mengikut *Utusan Malaysia* mengubati kakinya yang bengkok, merupakan rahsia negara yang disimpan dengan baik sekali kerana bukan sahaja Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mempengerusikan Mesyuarat Kabinet dalam ketidakhadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berada di Los Angeles tidak mengetahuinya, malahan Ketua Setiausaha, Tan Sri Samsuddin Osman juga tidak mengetahuinya sehingga kedua-duanya memberi penjelasan yang berbeza-beza berkenaan dengan ketidakhadiran Yang Berhormat Menteri.

Walaupun begitu, cuti Yang Berhormat Menteri ini kelihatan unik sekali di mana beliau bercuti dari Mesyuarat-mesyuarat Kabinet tetapi bukannya upacara-upacara rasmi kementerian kerana beliau masih menghadiri pelbagai upacara dalam beberapa hari itu walaupun beliau masih mengelakkan media dan menghadiri Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional pada 1 Ogos 2005. Walau apa juga sebabnya, Yang Berhormat Menteri telah menunjukkan pencabulannya terhadap Kabinet dalam ketidakhadiran keempat-empat yang berturut-turut daripada Mesyuarat Kabinet pada masa di mana beliau terlibat dalam skandal AP dengan izin, menjadi *eye of the storm* dan perlu hadir ke Mesyuarat Kabinet untuk memberi penjelasan penuh dan memuaskan terhadap pelbagai soalan yang ditimbulkan akibat daripada skandal AP itu.

Apabila Yang Berhormat Menteri akhirnya menghadiri Mesyuarat Kabinet pada 10. Ogos, semua pihak sama ada di dalam negara atau di luar negara menumpukan perhatian kepada Mesyuarat Kabinet tetapi *showdown* yang dinantikan berakhir dengan bisikan. Sama ada seperti untuk mewajarkan satu artikel yang sinis dalam *The Edge* di Australia yang diterbitkan pada hari yang sama dengan Mesyuarat Kabinet di bawah tajuk '*Family Ties Lubricate Malaysia Wheels of Power*' di mana penulis *Michael Backman* menulis dan dengan izin satu *paragraph*, "*Permit system will be discussed by Cabinet, several members of which are outraged by the matter. Rafidah will have 25-pages briefing paper on the system. No doubt she'll also have a file many time thicker detailing the licences, permits and contracts awarded to the families of a Cabinet colleagues. She's not the world's longest-serving trade minister for nothing.*"

So sesiapa yang telah mengugut siapa di Mesyuarat Kabinet atau Yang Berhormat Menteri telah memerangi seluruh Kabinet? *Dual-draw. Fight to dual-draw*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dilaporkan bahawa dalam Mesyuarat Kabinet itu, Yang Berhormat Menteri ada *digrill* oleh menteri-menteri yang lain tetapi dari wajahnya, *smile all over her face* selepas Mesyuarat Kabinet nampaknya *she gave more than she received*. Dan nampaknya dia bukan sahaja ada memorandum 25 muka, tetapi dia ada memorandum 29 muka, *I defence* mengenai skandal AP. Dan saya rasa bahawa Kabinet buat satu keputusan yang tidak wajar apabila mengeluarkan satu arahan bahawa tidak membenarkan untuk mengumumkan memorandum 25 muka itu selain daripada ada perkara-perkara yang perlu disembunyikan atau perkara-perkara Ahli-ahli Kabinet yang lain, Ahli-ahli Menteri yang lain takut ia diumumkan.

Dan menyapukan skandal AP di bawah karpas ini dengan satu *get order* daripada Kabinet tidak selaras dengan satu prinsip pendekatan yang *accountable*, tulus dan bertanggungjawab untuk menangani skandal AP oleh kerana ia merupakan satu *compromise* atau *trade-off* dalam satu Kabinet *still made* di mana Yang Berhormat Menteri sudah berjaya untuk meminda tanggungjawab dan *liability* mengenai skandal AP daripada beliau sendiri kepada Kabinet dan ini tidak wajar patut berlaku.

Dan adakah sekarang sungguhpun di mana Yang Berhormat Menteri sudah berjaya untuk *armtwist* Ahli-ahli Menteri di Kabinet sekarang dia mahu datang ke Parlimen

untuk *arm twist* Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional supaya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional *shut-up* dalam perkara ini. [*Dewan riuh seketika*]. How can? Mana boleh! Ya, tidak mahu bagi tahu kepada dia? Dia boleh “kau” Ahli-ahli, boleh “kau” *intimidate* menteri, tak boleh “kau”, *intimidate* Ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini, betul?

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Dan Mesyuarat Kabinet esok, esok perlulah memulihkan *credibility*, *authority* dan *integrity*nya dengan satu keputusan yang wajar dalam perkara ini khasnya untuk memaksa mengarahkan Yang Berhormat Menteri untuk membuat satu penjelasan yang sepenuhnya dalam skandal AP. Saya rasa kita perlulah menyampaikan satu mesej kepada Yang Berhormat Menteri bahawa beliau silap kalau dia rasa boleh, dia fikir dan dia percaya dan dia bertindak sebagai seorang permaisuri apabila datang ke Dewan Parlimen ini [*Dewan riuh seketika*] dalam kemunculan beliau yang begitu jarang. *The way she comes is a queen comes*, itu silap. *When she comes as a queen and ordinary MP and menteri bukan a queen, no royal presence*.

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, Yang Berhormat, minta penjelasan sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Inilah...

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat beritahu perbezaan macam mana *queen* dengan ini? Apa bezanya, *queen*, *queen* macam mana daripada tingkah laku? Cuba cerita sikit.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau *royal presence* ...

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *How does the queen behave?*

Tuan Lim Kit Siang: ..semua perlu berkhidmat, *servel*ah dan tidak boleh bertanya, tidak boleh *hold her to account*. Tetapi kalau menteri dalam satu sistem *Parliamentary Democracy*, *she comes here a servant of all MP’s* dan bukan sebagai *queen* dalam Parlimen ini, *a servant of all MP’s and people of Malaysia*. [*Dewan riuh seketika*]. Inilah abad ke 21, *21st century*. Inilah *information* abad teknologi maklumat dan di mana Malaysia perlu saing dengan dunia kalau kita mahu berjaya dan kalau kita mahu hidup *survive* dalam pasaran antarabangsa dan dunia globalisasi. Tetapi kita mahu satu masyarakat maklumat dan bukan *a throw back* kepada masa lampau satu masyarakat feudal.

Dan kita mahu semua rakyat Malaysia dibebaskan. Baru-baru ini kita ada ulang tahun yang ke 48 kemerdekaan Malaysia. Kita mahu rakyat Malaysia dibebas daripada *a factors of psychological feudalism*. Kita mahu semua *deliberated*. Dan yang Berhormat Menteri merupakan menteri yang nombor 2 lama dalam Kabinet. Dia bukan nombor satulah. Kawan saya yang baik, Menteri Kerja Raya, dia *more senior*, dia 26 tahun. Yang Berhormat Menteri MITI 25 tahun. Bulan ini ialah 25th *Anniversary* yang penuh. Tetapi nampaknya dia sudah hilang *democratic*. [*Ketawa*] *Moorings* beliau, *most of democratic moorings*.

Dan sikap yang begitu *contemptuous* mengenai prinsip *fundamental*, prinsip *ministerial responsibility* kepada Parlimen, *accountability* kepada Parlimen, kalau dia tidak terima, kalau tidak rela mengikut, mematuhi prinsip ini, *ministerial responsibility* dan *accountability* ke Parlimen dengan izin, *she has no business to be in the Cabinet*.

Beberapa Ahli: [*Sorak*]

Tuan Lim Kit Siang: *She has become a rotten apple and she must go* dan kita tak mahu itu contoh yang tidak begitu sihat, *approaches*, contoh diikuti oleh menteri-menteri yang lain atau menteri-menteri yang baru dalam satu Kabinet *reshuffle*, semua tunggu saya tahu, semua tunggu harap boleh menjadi, naik pangkat, menjadi menteri yang baru. Tetapi kita tak mahu *rotten apple* ini dengan *rotten example* ini dibiarkan.

Beberapa Ahli: [*Sorak*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Satu subjek belum habis, akan habis, saya akan habis, ada lagi subjek yang lain. Dan dengan *contempt* ini, sekarang ini nampaknya dia *on the run*, *on the run* daripada akhbar, *on the run* daripada UMNO Supreme Council, *on the run* daripada Kabinet, *on the run* daripada Parlimen, sekarang dia mahu pergi, nampaknya pun menjadi menteri *in exile*, *overseas*, *most of the time* - luar negara lebih *comfortable*. Inilah menjadi satu tanggungan, satu liabiliti kepada kerajaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khususnya mahu menjadi kerajaan yang telus, yang *accountable*, yang bertanggungjawab.

Sebenarnya kalau kita menyemak rekod Parlimen, dia boleh dikatakan Menteri yang terjarang sekali datang ke Dewan yang mulia ini. Saya ada rekod di sini, pada tahun 2000, kehadiran beliau dua hari sahaja, tahun 2001 kehadiran lima hari sahaja, tahun 2002 kehadiran dua hari sahaja, 2003 enam hari sahaja, 2004 dua hari sahaja.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Tahun ini dua hari sahaja dan satu kali sahaja dalam 5, 6 tahun untuk menjawab satu soalan, satu kali sahaja dan saya tak lihat itu rekod di mana beliau menjawab perbahasan. Apa? Nampaknya dia Menteri atas Parlimen, adakah kita di sistem Parlimen, demokrasi Malaysia, seorang Menteri atas Parlimen? *Above Parliament*, *we have to bring her down to earth*. Dan dengan rekod ini ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of Order*.

Tuan Lim Kit Siang: *Point of Order?* Okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pakaian Yang Berhormat tak kemas, baju lepas keluar, nak terlondeh.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang: Baju? Oh, tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Peraturan berapa Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Itu tak benar, itu *unnecessary interference*. *Fictitious!* [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak apa, dia pakai lawa hari ini Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya rasa kita perlulah satu sikap *zero tolerance*, *zero tolerance* mengenai dengan izin, *ministerial direction of duties* macam ini. Dan Kabinet hari esok perlulah *censure* Yang Berhormat dan meminta beliau *resign*, kalau dia tak rela untuk menghentikan kelakuannya sebagai *imperial minister*, dalam *constitution* tidak ada *imperial minister*, *only imperial majestic - the king*, Yang di-Pertuan Agong, tak ada *imperial minister*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya akan gulung perkara ini dan *two or three* atau *quick points* dan untuk Parlimen pun kita ada tanggungjawab supaya memastikan bahawa perkara ini dirujuk kepada *Committee of Privileges*, yang saya ada cadang supaya perkara ini tidak diteruskan. Sebenarnya kalau kita mahu akhirnya memastikan bahawa...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: *Credibility, authority, integrity...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain nanti, nak tanyakah?

Tuan Lim Kit Siang: Nanti saya *wind up...*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya nak minta jalan ...

Tuan Lim Kit Siang: .. *wind up* ayat ini, ayat ini. Boleh, boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timor telah meluahkan rasa tidak puas hati dia kepada Menteri - Rafidah Aziz, hebatlah, ya lah tak sebut nama, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Hebatlah Ipoh Timor, saya nak tanya Ipoh Timor, kalau Menteri berkenaan datang di Parlimen, boleh tak dia bercakap macam ini? Berdepan-depan, saya nak tanya?

Tuan Lim Kit Siang: Bukan sahaja 100%, 120%. Tapi kita mahu memulihkan *credibility, authority, integrity* kerajaan ini, kita perlulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kita perlulah ambil satu keputusan, di mana kalau tidak ada perubahan Yang Berhormat Menteri MITI perlulah dilucut daripada Kabinet. Tetapi bukan seorang sahaja, lagi seorang pun perlu dilucut, Menteri Wilayah Persekutuan. Sudah berapa bulan - *money politics*, kenapa dia masih menjadi menteri? Bukankah ini *reflection, adverse reflection* kepada kerajaan Yang Amat Berhormat, bukan sahaja Yang Berhormat Menteri MITI perlu dilucut daripada Kabinet, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan pun perlu dilucut daripada Kabinet.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung minggu depan, kalau panjang.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh, satu perkara sahaja. Oleh sebab semalam Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ada sebut mengenai tol, di mana dia lari daripada satu isu yang mustahak, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab bagi pihak beliau. Oleh sebab ini pun tanggungjawab Kementerian Kewangan, kenapa kerajaan begitu cuai dalam menandatangani *concessions* sehingga perlu membayar ganti rugi RM38.5 juta, kita perlu RM38.5 bilion - 20 tahun, dan akan datang apakah angka ini akan lebih besar? Ini satu isu yang kita perlu ambil perhatian dan akhirnya mengenai korupsi, ini mustahak. Bekas *Inspector General of Police* Tun Hanif pun ada tulis dalam *The Star* mengenai masalah korupsi. Kita, Parlimen yang mulia ini perlulah ada satu sikap yang lebih serius dalam perkara *corruption*, beliau kata bahawa dia SMS 34 orang mengenai keadaan situasi korupsi di negara ini dan 60%, saya rasa ini sangat serius. Saya ada satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Akhirnya satu ayat sahaja, sebenarnya saya ada satu *toll* dalam blog saya, Yang Berhormat Menteri boleh lawat dan kita sekarang, beberapa jam sahaja sudah 300 orang ada *toll* dan lebih daripada 80%, saya rasa *corruption* di Malaysia sangat bermaharajalela, ini patut menjadi satu panduan kepada Ahli-ahli Parlimen, ini sangat serius. *Visit my blog and visit the toll...* Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, terima kasih, nanti Yang Berhormat bagi Kinabatangan teruskan pasal AP ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma nak sentuh beberapa perkara selain daripada AP yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan yang menyentuh dalam Parlimen begitu panas.

Saya nak sentuh berhubung dengan belia, program belia yang merupakan satu perkara penting bagi perkembangan dan pembangunan belia khususnya mereka yang berpersatuan. Malah persatuan belia kini bagaikan mati dan kita tidak pasti, apakah yang sebenarnya sedang dirancang oleh Kementerian Belia dan Sukan. Berikutan itu saya menggesa Majlis Belia Daerah dinilai semula khususnya dari segi perlembagaan dan fungsi masing-masing supaya seiring dengan trend semasa dalam pembangunan belia.

Selain itu persatuan berkenaan perlu mengemukakan laporan tahunan kerana tadbir urus agensi-agensi belia ini mestilah berada pada tahap yang terbaik. Kerana kita

tahu belia pada hari ini merupakan majoriti masyarakat yang perlu diberikan perhatian dan pertimbangan seberapa serius yang boleh. Kita tidak mahu, kita hanya melihat kepada perkembangan agensi-agensi kerajaan umpamanya Tabung Haji, sebagai contoh yang pada hari ini telah tersasar dengan tujuan asalnya. Tabung Haji ini yang sepatutnya lebih mementingkan penjagaan, pengurusan wang yang telah disimpan dalam Tabung Haji untuk umat Islam mengerjakan Haji. Sebaliknya kita lihat mengecewakan, bagaimana Tabung Haji telah begitu beria-ia untuk menyenaraikan anak syarikat Tabung Haji umpamanya *TH Plantation* di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur.

Sedangkan apakah ia telah mendapat mandat, kelulusan, pandangan daripada pendeposit-pendeposit untuk mereka berbuat demikian kerana kita tahu Tabung Haji telah begitu cukup dengan modal wang yang ada dan tidak perlu untuk disenaraikan dalam usaha saham Kuala Lumpur. Oleh itu saya menggesa kerajaan supaya dapat mengkaji perkara ini sebelum mereka teruskan usaha untuk menyenaraikan anak syarikat Tabung Haji *Plantation* sebagai contohnya dalam Bursa Saham Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, seharusnya apabila Perdana Menteri membuat kenyataan mengenai pembangunan sumber manusia atau modal insan antara tumpuan telah menggerakkan belia supaya lebih aktif. Namun apa yang berlaku ketika ini seolah-olah persatuan belia patah semangat. Apakah mereka tidak berdaya, lesu atau memang sukar melaksanakan program kerana kurangnya peruntukkan untuk bergerak. Saya difahamkan masalah.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya beri ini ... Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduklah dahulu Yang Berhormat, hendak beri yang mana satu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sri Gading dahulu ya, terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tadi Tuan Yang di-Pertua sudah sebut Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah Yang Sri Gading Yang Berhormat, yang bercakap itu beri Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya memang hendak bercakap juga tentang perkara ini tetapi ada kaitan juga dengan sukan, kita kadang-kadang kecewa Tuan Yang di-Pertua terutama bola sepak, bila masa mutu bola sepak ini boleh ditingkatkan, macam-macam sudah usaha, wang ringgit sokongan dan latihan dan macam-macam tetapi tetap merosot.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak tanya siapa yang buat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bila zaman dan ketikanya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak tanya siapa dia punya Naib Pengerusi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Siapa dia punya pegawai-pegawainya agaknya yang lebih tepat Naib Presiden FAM umpamanya kan? Sebab kecewa Tuan Yang di-Pertua, kecewa, stadium kosong Tuan Yang di-Pertua, tidak ada orang hendak tengok, mutu *Astaghfirullahalazim*, apabila masa Tuan Yang di-Pertua? Memalukan negara, betul. Kadang-kadang saya hendak cadangkan dalam televisyen jangan buat siaran

langsung bola sepak ini membazir masa, lebih baik masa itu bagi Ahli Parlimen punya sesi perbincangan lebih panjang lagi baik Tuan Yang di-Pertua...

Beberapa Ahli: Betul, betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak cukup lagi? Bila masa lagi Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Okey, okey, sudah gaharu cendana pula. Yang Berhormat bagi Sri Gading ini pemegang takraw...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya cukup Yang Berhormat, cukuplah...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bagi saya jawablah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Takraw hebat Tuan Yang di-Pertua, takraw, kita kadang emas, kadang perak, kadang emas dan kadang perak..itu biasalah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading sila duduk, sila duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, saya duduk Tuan Yang di-Pertua, saya patuh Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Nanti dahulu, siapa yang hendak jawab fasal bola sepak ini Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya jawab, saya jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Siapa yang hendak jawab? Kementerian tidak payah hendak jawab rasanya yang berkaitan dengan bola sepak patut memikul tanggungjawab macam mana hendak meningkatkan mutu bola sepak yang makin hari makin turun, semua orang kata semua naik yang turun hanya mutu bola sepak Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, duduk Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini Tuan Yang di-Pertua, pertama terkeluar daripada pertanyaan, tidak apalah, Yang Berhormat bagi Sri Gading pun orang sukan pegang sepak takraw sudah lama sudah, sepak takraw Negeri Johor tetapi tidak apalah, dia sudah tahu dia tanya saya, Yang Berhormat Sri Gading sedarkah perlawanan akhir piala FA ini baru-baru ini 80,000 orang datang, 80,000 orang menonton tanpa disuruh tanpa digesa dan tanpa digerak, itu sebagai contoh. Jadi soal kemerosotan bola sepak, sepak takraw ini kita kena sama-samalah melihat dengan begitu serius, saya teruskan ucapan saya Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Mengenai dengan...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak berapa jelas Tuan Yang di-Pertua tentang bola ini dia jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa, dia boleh jawab.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Mengenai Presiden Majlis Belia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Larut hendak beri?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak habiskan ini dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dia belum beri lagi Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Nanti sekejap ya. Peruntukkan sebanyak RM20,000 setahun tidak cukup, macam saya katakan tadi, belia ini kita kena pandang serius sebab belia ini sebagai pelapis untuk meneruskan wadah perjuangan macam Yang Berhormat bagi Sri Gading sudah tidak ada di tempat-tempat lain esok tidak ada, ini serius. Menyambung wadah perjuangan yang ada pada hari ini. Jadi kita minta supaya dalam kita menyediakan bajet tambahan dan sebagainya kita mesti melihat betapa pentingnya peranan belia ini.

Pihak-pihak yang bertanggungjawab kepada program ini jangan menyamakan dengan program pergerakan belia dengan program pertubuhan bukan kerajaan NGO, ini kerana hakikatnya banyak NGO yang tidak meminta bantuan kerajaan mempunyai banyak wang. Ada di antara mereka mendapat sumbangan syarikat-syarikat berkaitan dengan kerajaan, sebaliknya kepada persatuan belia daerah, dia adalah pergerakan yang bergantung semata-mata kepada sumber berkenaan, jika berlaku kesukaran, jabatan atau kementerian berkenaan menyediakan peruntukan itu akan menjejaskan program belia di seluruh negara.

Saya memohon agensi-agensi seperti Kementerian Kewangan dan Unit Perancangan Ekonomi memahami masalah ini dan hakikat ini sudah dinyatakan lebih 70 majlis belia daerah yang mengadakan dialog mengenai perkara ini tetapi ia masih lagi berterusan.

Selain itu pendekatan program belia juga perlu diubah kepada keusahawanan dan perniagaan pertanian dan pendidikan agar aktiviti belia di daerah bukan lagi di tahap kegiatan lama seperti tarian, masak-memasak atau sekadar mengikat pertalian silaturahim semata-mata. Tadi kita membincangkan soal *Akademi Fantasia* dan rancangan-rancangan televisyen. Saya tahu, *Akademi Fantasia* ini ditiru daripada televisyen Mexico semata-mata untuk mencari keuntungan, sebaliknya apakah manfaat-manfaat yang berfaedah yang diperolehi oleh kaum belia, mereka masuk ke *Akademi Fantasia* berebut-rebut tetapi apakah yang mereka perolehi daripada hasil pendapatan yang mereka kaut oleh syarikat televisyen berkenaan, tidak ada. Oleh itu kita....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini tidak ada kena-mengena dengan dadah tetapi belia sahaja, okeylah.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Berkaitan dengan belia ini, saya ingin turut mengambil bahagian kerana kepentingannya. Semua orang bercakap mengenai isu belia yang kritikal dan *crucial* dengan izin pada masa hadapan, kita telah pun mencadangkan supaya Kementerian Belia ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sekurang-kurangnya ada peruntukan RM1.5 bilion sebagai suatu pengiktirafan kepada pentingnya belia. Apa yang saya ingin kemukakan di sini ialah saya lihat dalam semua pihak menyatakan belia lesu, belia tidak bergerak, saya lihat kepimpinan belia sendiri tidak turun padang, sama ada menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen, ketua pengarah dan seumpamanya, pengarahnya tidak turun padang ke kampung-kampung, jadi ini adalah isu yang penting dan kritikal maknanya isu kepimpinan dan bukan masalah kewangan sahaja.

Yang kedua, sebenarnya Yang Berhormat bagi Larut, saya memang sangat menyokong supaya aspek keusahawanan itu diberikan penekanan kerana kalau belia daripada persatuan itu kita dapat bantu pastinya mereka boleh membantu supaya persatuan-persatuan ini hidup.

Perkara yang ketiga, ini saya lihat ada suatu penekanan sekarang mengenai sukan untuk kecemerlangan dan sukan untuk semua. Jadi nampaknya aspek yang

diberikan lebih perhatian ialah sukan untuk kecemerlangan tetapi kita tidak cemerlang pun tetapi yang lebih penting ialah keterlibatan belia-belia kita dalam berbagai-bagai sukan kalau kita lihat di sekolah aktiviti kokurikulum itu meliputi berbagai-bagai jenis sukan tetapi apabila mereka menjadi belia mereka tidak terlibat dalam berbagai-bagai jenis sukan, ini ada relevannya dengan peruntukkan itu, apa pandangan daripada Yang Berhormat Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, saya sebenarnya hendak ke arah itu tetapi oleh sebab Yang Berhormat telah membangkitkan lebih awal. Kerana banyak sebenarnya kalau kita hendak sebut macam tadi Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bangkit soal AP, peluang-peluang ini kalau kita berikan kepada belia apa salahnya untuk berniaga, bukan untuk beri kepada individu hinggakan Ahli-ahli Parlimen dikaitkan sama seolah-olah Ahli Parlimen berniaga sedangkan kita mendapat AP untuk Ahli-ahli Parlimen dan untuk status siapa yang teringin hendak membeli kereta.

Jadi apabila disebut sektor awam akan memainkan peranan penting, menggerakkan ekonomi negara seiring dengan peranan sektor swasta, beberapa persoalan timbul khususnya dari segi keupayaan sektor berkenaan. Jelas kali ini bagi menyesuaikan peranan berkenaan ia menuntut agar sektor awam, cekap dan berfungsi sewajarnya dan erti kata lain kakitangan awam hendaklah mempunyai keupayaan dan etika yang kukuh. Bersedia menyuarakan pandangan masing-masing dan memainkan peranan sebagai rakan kongsi terutamanya kepada kerajaan. Seperti sektor korporat, perkhidmatan awam memerlukan inovasi untuk terus dan meneruskan kelangsungan hidup dalam dunia yang berdaya saing. Mereka perlu memenuhi dan berubah mengikut permintaan pasaran, keperluan rakyat dan jangkaan kerajaan. Ini bertujuan menggerakkan sektor awam agar prestasinya bergerak ke satu sistem ganjaran dan penalti untuk menjadi berdaya saing. Dengan cara lain, sektor awam perlu berdaya saing seperti perniagaan di mana baik prestasi syarikat iaitu produktiviti, kreativiti dan menaikkan nilai pemegang saham.

Berikutan itu saya mengesyorkan agar sektor awam menambahbaikkan sistem penyampaian walaupun sejauh ini sistem kita berada di tahap yang baik berbanding dengan negara-negara membangun yang lain. Dengan meletakkan rujukan kepada petunjuk prestasi utama KPI sahajalah sektor awam dapat dipertingkatkan. Berkaitan ini Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri perlu menjamin KPI bagi kerajaan dan agensi-agensi kerajaan bukan dibandingkan dengan negara membangun lain tetapi dengan negara maju kerana kita akan menjadi negara maju pada tempoh sembilan tahun dari sekarang. Saya hendak sentuh apa yang dibangkitkan oleh...

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ..sahabat saya tadi, sebentar sekejap, tentang langkah Kementerian Belia dan Sukan, baru-baru ini menteri telah membuat pengumuman di mana untuk mengurangkan beban kerajaan, semua kompleks sukan hendak diserahkan kepada syarikat-syarikat. Ini perlu kita nilai sedalam-dalamnya apakah ia boleh membantu belia-belia di kawasan luar bandar untuk menggunakan kemudahan ini sekiranya diserahkan kepada pihak-pihak swasta dan syarikat. Kerana sudah tentu apabila diserahkan kepada syarikat mereka akan mengenakan kadar sewa yang begitu tinggi. Saya bagi contoh Kompleks Sukan, Kompleks Rakan Muda yang pertama didirikan di negeri Perak iaitu di Kamunting dengan harga RM17 juta. Untuk menyewa sejam gelanggang badminton dikenakan sebanyak RM8, bayangkan.

Oleh itu, saya berharap supaya Kementerian Belia dan Sukan melihat bagaimana rancangan usaha mereka ini benar-benar menuju kepada sasarannya. Saya boleh menjawab soal Sri Gading ini tentang bola sepak tetapi mungkin masa tidak mengizinkan, cuma saya beri pandangan sedikit di sini. Betul zaman Soh Chin Aun, zaman Mokhtar Dahari, zaman Santok Singh dan sebagainya waktu itu kita naik bola sepak kita kebetulan dalam Piala Merdeka. Barang diingat pada ketika itu mungkin Jepun dan Korea diwakili oleh penuntut-penuntut *high school* maka mereka adalah mewakili negara mereka. Kita pukul mereka, tetapi ketika itu adalah peringkat *amateur*. Pemain-pemain kita ketika itu apabila selesai bermain bola sepak mereka tidak mahu bekerja. Kalau tidak ada bola

sepak mereka terpaksa duduk dalam pejabat, sudah tentu mereka tidak mahu bekerja. Tetapi pemain-pemain sekarang adalah bertaraf profesional. Mereka tidak peduli, mereka dapat gaji beribu-ribu, mereka tidak masuk ke *office*, maka sebab itu semangat mereka berbeza dengan semangat ketika zaman Soh Chin Aun dan beberapa orang yang lain.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: *[Bangun]*

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua orang bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dan saya percaya kalau mereka ini masih ada lagi tidak mungkin mereka boleh melakukan dengan apa yang telah melakukan ketika itu oleh sebab gaji pemain-pemain profesional kita pada hari ini jauh beza dengan pemain-pemain Korea dan Jepun yang berjuta ringgit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat sudah hendak habis. Ya Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Larut. Di sini saya ada dua pertanyaan dan juga meminta penjelasan daripada Yang Berhormat. Yang pertama, saya patah balik sedikit tadi yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat bahawa sistem penyampaian sekarang ini masih okay kalau dibandingkan dengan negara-negara membangun. Tetapi baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa daya saing indeks, daya saing negara kita telah jatuh daripada 16 kepada 28 daripada 60 negara yang dikeluarkan oleh *International Management Development (IMD)* di Gineva. Dan salah satu sebab ialah kerana sistem penyampaian yang ada sekarang ini adalah faktor utama yang menyumbangkan penurunan daya saing negara ini. Saya hendak minta sedikit penjelasan dari Yang Berhormat, itu satu.

Mengenai bola sepak ini, bukankah tadi yang dijelaskan bahawa untuk meningkatkan mutu negara ataupun tahap bola sepak negara kita pun pergi ke semipro dan profesional. Dan sekarang dengan profesional *game* dan sebagainya maka mutu persembahan negara kita menurun. Adakah ini bermakna sistem semipro atau profesional ini telah gagal untuk meningkatkan lagi mutu bola sepak negara. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasihlah. Yang Berhormat pun tidak tengok bola sepak bila ada peluang minta tiket *free*. *[Ketawa]* Saya hendak sebut di sini negara-negara Afrika dia bermain bermati-matian kerana dia hendak keluar daripada kemelut kemiskinan untuk mendapat pasaran di Eropah. Kalau tidak itulah rupanya dia duduk dalam negara dia. Tetapi kalau dia main bagus, dia dipilih, dia akan bermain dalam EPL, dengan Liverpool, dengan Chelsea, Manchester United dan sebagainya, Yang Berhormat pun tidak tengok juga. Tetapi pemain-pemain kita semangat dia sudah tidak ada, dia cuma hendak main untuk pasukan negeri, oleh kerana kalau dia main untuk negara dia dapat kecederaan. Bila dia cedera dia tidak dapat bonus untuk bermain di peringkat negeri, ini yang berlaku. Oleh sebab itu, kita berharap Kementerian Pelajaran terutamanya supaya memulakan proses pembangunan ini di peringkat sekolah. Ini Yang Berhormat kena tahulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dan akhir sekali saya hendak sebut di sini supaya kita sama-sama membudayakan sukan ini bukan setakat bola sepak, bukan hanya melepaskan geram, tidak ada maknanya. Kita tidak perlulah mendewadewakan kelab dekat luar. Akhirnya kita sendiri yang terkena, orang kata kita tidak sokong pasukan kita akhirnya kita yang terpalit diri sendiri. Oleh itu, saya berharap, saya menyeru, saya akui bahawa saya terlibat dengan bola sepak tetapi mustahil kalau saya duduk dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia ini tetapi selagi bola sepak tidak naik saya akan mengundurkan diri. Oleh sebab itu marilah kita bersama-sama. Mustahil Perancis

menggunakan ramai rakyat luar negara, daripada Algeria, daripada negara-negara Afrika yang lain, akhirnya dia berjaya. Tetapi kita tidak mahu menggunakan tenaga rakyat lain seperti Singapura kerana kita lebih percaya dengan ketulenan rakyat masyarakat kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ..yang ada pada hari ini. Bukan macam pembangkang hanya melihat kepada negara-negara lain untuk membandingkan Malaysia dengan dunia luar. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee: [Bangun]

Ir. Shaari bin Hassan: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Beluran.

11.56 pagi.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada dua perkara yang ingin saya sampaikan. Perkara pertama adalah soal cagaran. Kita melihat lazimnya jabatan agensi kerajaan akan mengambil cagaran dalam setiap urusan jabatan dengan pelanggan yang berlaku ketika ini. Kita lihat Jabatan Perikanan umpamanya mengenakan cagaran untuk mengeluarkan lesen alat perikanan oleh jabatan yang berkenaan. Kita lihat juga agensi kerajaan seperti TNB, SESB juga memungut cagaran terhadap khidmat yang diberi. Persoalannya, banyak jumlah wang yang dikutip daripada cagaran ini.

Saya bayangkan umpamanya TNB dan SESB serta syarikat tenaga di Sarawak kalau 10 juta pelanggan mengeluarkan cagaran sebanyak RM1,000 seorang, bererti RM10 bilion dikutip oleh syarikat ini. Soalnya di mana wang ini disimpan oleh syarikat-syarikat ini, oleh agensi, oleh jabatan dan juga syarikat kerajaan yang mengendalikan pungutan cagaran ini. Kalau ianya diberikan bunga umpamanya, dilaburkan dan mendapat pulangan 10% daripada RM10 bilion, bererti RM1 bilion boleh diperolehi daripada simpanan wang yang begitu banyak. Adakah kerajaan memikirkan bahawa pendeposit cagaran ini diberikan bunga daripada hasil simpanan wang yang dipungut oleh jabatan agensi dan juga syarikat-syarikat kerajaan ini yang melibatkan satu jumlah yang besar. Dan kita lihat lebih kerap daripada tidak cagaran ini akan kekal di dalam *coffer* jabatan dan agensi. Tidak ada ruang untuk mendapatkan kembali kerana selagi perkhidmatan itu diberi, selagi itulah cagaran itu akan disimpan di dalam simpanan jabatan dan agensi.

Tuan Yang di-Pertua saya mengajak kementerian melihat kemungkinan untuk membunkan cagaran-cagaran yang dipungut oleh jabatan dan agensi ini kepada pihak penyimpan cagaran yang ada sesuai dengan keadaan sekarang, sesuai dengan begitu banyaknya deposit yang diberikan oleh pengguna dalam bentuk cagaran ini. Saya tidak nampak kalau SESB pun banyak, TNB pun banyak mengambil deposit RM1,000 daripada pelanggan. Apabila bil itu tidak dibayar, ianya tidak memotong daripada cagaran tetapi menghendaki pelanggan membayar bil, *current* bil yang digunakan oleh pelanggan. Dan jika tidak dibayar sekalipun bekalan elektrik akan dipotong *instead of* menggunakan deposit yang telah diberikan oleh pelanggan.

Dalam erti kata deposit itu, cagaran itu akan kekal dalam jumlah yang sedemikian banyak dan tidak ada peluang untuk pelanggan menggunakan.

Pengguna akan terus berkehendakkan bekalan servis daripada TNB, SESB untuk mendapatkan khidmat bekalan elektrik, malangnya tidak ada waktu deposit ini akan dikembalikan kepada pelanggan. Ertinya dalam setiap ketika, TNB, SESB dan syarikat-syarikat ini, jabatan-jabatan ini akan terus menyimpan jumlah wang yang begini banyak. Itu yang saya katakan kerajaan harus menimbang melakukannya dalam bentuk undang-undang dan peraturan untuk membolehkan pelanggan mendapat faedah daripada deposit yang disimpan ini. Saya inginkan penjelasan daripada kementerian dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang benar-benar menjadi harapan besar, sebahagian besar daripada rakyat Malaysia di Sabah, adalah khidmat yang diberikan oleh SESB, Sabah *Electricity Sdn Bhd*. 25 tahun yang lalu, apabila Lembaga Elektrik Sabah diperbadankan dan di TNBkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui anak syarikat SESB, rakyat Malaysia di Sabah mengharapkan agar bekalan api yang diberikan oleh anak syarikat TNB ini akan benar-benar satu perkhidmatan yang memuaskan. Tetapi, selepas 25 tahun, kita melihat hari ini, keadaannya tidak banyak berubah seperti apa yang dilakukan oleh LLS seperti juga 25 tahun yang lalu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bererti tidak ada penambahbaikan dari segi servis, dari segi bekalan, *regularity of* bekalan yang diberikan oleh SESB terhadap rakyat Malaysia di Sabah. Minggu lalu kita melihat satu soalan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Kalabakan. Kementerian menjawab bahawa disebabkan oleh kerosakan penjana kuasa, disebabkan oleh talian yang tidak sempurna, disebabkan kekurangan rangkaian pembahagian, makanya kawasan-kawasan Pantai Timur Sabah dan seluruh Negeri Sabah diganggu bekalan elektrik hampir setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya mengapa masalah-masalah ini yang sepatutnya diambil kira, dibaiki oleh pihak SESB 25 tahun yang lalu tidak dilakukan oleh syarikat berkenaan untuk menentukan bekalan elektrik di Sabah baik dan sempurna. Kita juga diberitahu oleh menteri bahawa ketika ini kementerian sedang dalam usaha untuk melaksanakan sistem *grid* di Sabah untuk menentukan bahawa talian pengagihan dapat dilakukan secara baik.

Soalannya mengapa perkara ini tidak diambil 25 tahun yang lalu, kenapa menunggu ketika ini baru ianya dilakukan diambil perhatian oleh kementerian dan seolah-olah disebabkan oleh tindakan yang ketika ini dilakukan oleh SESB bererti SESB telah membuat yang terbaik untuk rakyat Malaysia di Sabah, *in fact they failed*, mereka gagal untuk melihat keperluan tenaga keseluruhannya di Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat tindakan-tindakan TNB di Semenanjung ini. 3 jam *black out*, merupakan satu masalah yang besar. Masalah gangguan bekalan elektrik di Melaka umpamanya. Hari ini kita melihat penguasa *general manager*, pengurus TNB Melaka ditransfer diambil tindakan begitu cepat dan dipastikan bahawa tidak berlaku gangguan bekalan elektrik di Negeri Melaka.

Kita lihat kepakaran transformer yang berlaku di Bukit Bintang *within hours* transformer baru diberi, dibekalkan, diganti, tetapi semua tindakan ini tidak diperlihatkan oleh SESB ketika gangguan bekalan elektrik berlaku di Negeri Sabah. *What is this indifferent approach attitude?* Mengapa di Semenanjung begitu dijaga keperluan bekalan elektrik ini, mengapa di Sabah ia tidak dilakukan sedemikian. Kita bukan tiga jam sahaja berlaku gangguan elektrik di Sabah, *almost everyday*, setiap hari. Saya berada di Beluran *black out*, berada di Sandakan *black out*, berada di rumah saya di Inanam, *black out*. *Black out the whole state every day, you will see every day*. Tidak ada tindakan yang serius daripada SESB.

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Maran dan Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

Datuk Ronald Kiandee: Yang Berhormat bagi Tuaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Rintihan Yang Berhormat bagi Beluran ini, kalau kita tengok *Hansard*, bermula dari beberapa tahun yang lalu, soal elektrik ini sudah menebal saya ingat. Setiap Ahli Parlimen dari Sabah, dari dahulu pembangkang atau kerajaan sudah membangkitkan isu ini. Tetapi kenapakah tidak ada tindakan konkrit yang pertama. Tidakkah Yang Berhormat sedar, bahawa pengkorporatan penyerahan LLS kepada TNB

sebenarnya tidak membuat apa-apa kesan. Persoalan dia sekarang kenapa, apa sebab dikorporatkan, diserahkan kepada TNB, lepas itu dia ambil tindakan yang hanya melahirkan apa yang dipanggil IPP, IPP, IPP. LLS pun boleh buat. Apakah cadangan Yang Berhormat bagi Beluran untuk menyelesaikan kemelut ini. Kita pun banyak cerita. Persoalan-persoalan Ahli Parlimen, apakah cadangan Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah ini, terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee: Sikap *indifferent attitude*, soal Sabah dibelakangkan, endah tidak endah merupakan masalah besar yang dihadapi oleh SESB, daripada masalah teknikal yang dilaporkan di Parlimen ini. Tuan Yang di-Pertua, nombor satu...

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Maran bangun.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Saya hendak menyokong Sabah. Saya berjumpa seorang kawan dari Sabah berhubung dengan keputusan bekalan elektrik ini. Dia memberitahu saya bahawa kadar kegelapan di Sabah ini lebih teruk berbanding dengan Semenanjung. Saya minta kepada Yang Berhormat, kalau boleh turunkan perangkaan ini berapakah jumlah masa yang terpaksa orang Sabah bergelap berbanding dengan orang Semenanjung supaya kerajaan nampak bahawa sokongan, pembaikan segera perlu dibuat, terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Saya tidak ada data Tuan Yang di-Pertua. Tetapi hanya hakikatnya Sabah memang gelap. Kalau hendak tulis satu buku pun penuh dengan masa-masa dan waktu-waktu hari-hari Sabah itu gelap satu buku pun boleh penuh. Sebab itu ramai di kalangan kita tidak lagi menulis fasal menjadi sebahagian daripada hidup elektrik di Sabah begini. Saya balik kepada soal endah tak endah. Nombor 15454, inilah *hotline* SESB di Sabah. *You call*, panggil apabila ada *black out*. Jawapan yang diberi oleh pegawai mengendalikan nombor itu, setiap kali, sama ada hujan tidak hujan, angin tidak ada angin, sama ada malam ke siang ke, *you call the number, they will answer you all wire* putus. *You know intelligent people* bukannya bodoh-bodoh kita panggil, kita pun tahu juga *current surge* kita tahu, transformer rosak kita tahu, tetapi wire putus.

Soal jawapan yang diberi pada peringkat bawah pun *unprofessional*, endah tidak endah. Keseluruhan *management* itu endah tidak endah. *Look* dari segi *ministry*, dikatakan kita telah banyak membelanjakan wang RM200 juta setahun rugi, *what?* Adakah kerana SESB rugi, kementerian harus mengatakan bahawa Sabah tidak layak mendapatkan bekalan elektrik yang baik? *Is that the reason? No. You tell me that is the reason where the ministry? I say no!* Itu jawapan yang salah. Jangan kerana *management* SESB, pengguna di Sabah dianiaya. Jangan kerana kelemahan dalaman syarikat TNB ini pengguna di Sabah, dianiaya. *It's wrong*. Jawapan menteri ketika itu kementerian adalah salah. Saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua. Mengapa SESB yang begini di bawah TNB....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Datuk Ronald Kiandee: ..Kerajaan Persekutuan, tetapi masalah begini amat ketara sekali.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Saya ikuti Tuan Yang di-Pertua, saya ikuti dengan penuh rasa insaf, Ahli-ahli Parlimen Sabah seingat saya, Tuan Yang di-Pertua, dari pada tahun 1999 bermula saya menjejakkan kaki di Parlimen ini, inilah suara yang dibangkitkan saban kali Parlimen bersidang. Apakah suara Ahli Parlimen ini tidak ada harga, Tuan Yang di-Pertua? Siapa yang hendak mendengar rintihan yang dibawa oleh Ahli Parlimen yang mewakili rakyat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak tanya kepada Yang Berhormat bagi Beluran atau hendak tanya kepada saya

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hendak tanya kepada Yang Berhormat bagi Beluran dan Tuan Yang di-Pertua sekali. *[Ketawa]* Siapa yang hendak dengan rintihan ini, kalau daripada tahun 1999, nada suara, irama yang sama rakyat Sabah, Serawak dianaktirikan dari segi kemudahan-kemudahan asas ini, kenapa dan mengapa? *[Tepuk]* Siapa yang hendak ambil perhatian dalam perkara ini? *[Disampuk]* Apakah Parlimen ini tidak berfungsi? Apakah suara Ahli Parlimen yang mewakili rakyat diketepikan begitu senang. *[Disampuk]* Ini serius, Tuan Yang di-Pertua. Masalah kemudahan asas ini, tidak boleh kompromi lagi. Sabah, Sarawak masuk Malaysia dari tahun 1963, menjelang hari ini masih tidak boleh selesai, kenapa dan mengapa, di mana silap dan salahnya, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, apakah soalnya sekarang?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalnya inilah dia. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak tanya, Yang Berhormat bagi Beluran, apakah agaknya dalam masalah elektrik di Sabah ini, Pengarah Urusan Sabah ini harus ditukarkan macam COD Melaka? Tetapi soalnya siapa yang berani ambil tindakan? Kadang-kadang pegawai yang tinggi di peringkat bawah ini telah berakar umbi, macam Kastam juga, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Apakah tidak ada kuasa-kuasa yang tertentu dan kita sebagai Kerajaan Barisan Nasional ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Beluran boleh jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ..yang bermatlamatkan membela rakyat tidak boleh memainkan peranan untuk mengambil tindakan. Nanti soal Menteri MITI, soal lain lagi.

Datuk Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, kalau ramai pegawai TNB yang berperasaan dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading, masalah kita mungkin dapat diselesaikan. *But they just don't understand* dan tidak mahu untuk faham, masalah bekalan elektrik yang dihadapi di Sabah. Di sini lain pendekatan, di Semenanjung lain pendekatan, di Melaka lain, di Bukit Bintang lain, tetapi di Sabah keseluruhannya pendekatan yang diambil oleh TNB, SESB berbeza dengan pendekatan yang diambil di sini. *Exactly!* Kalau soal menurunkan Pengarah Pengurusan itu akan memberi menyelesaikan masalah ini, saya sokong. Macam yang dilakukan di Melaka, tetapi keseluruhannya, masalah elektrik di Sabah harus diperbaiki.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sandakan.

Datuk Ronald Kiandee: Ya, bagi dia.

Tuan Chong Hon Min: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Saya ingin menambah sedikit tentang masalah gangguan bekalan elektrik di Sabah, khususnya Sandakan. Jadi, patutkah situasi ini berlaku di sebelah Sabah. Apa yang saya fahami, tempoh masa gangguan bekalan elektrik di Semenanjung adalah 130 minit *per consumer per annum*. Jadi, di sebelah Sabah angkanya ialah 2,300 minit *per consumer per annum* dan khususnya di kawasan Sandakan, bilangannya ialah 4,000 minit *per consumer per annum*. Inikah yang patut berlaku di Sabah? Yang Berhormat bagi Beluran. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee: *Exactly*, itu merupakan data yang diberi oleh SESB, itulah data, itulah kenyataannya, Tuan Yang di-Pertua. Memang setuju, *exactly*, itulah kenyataan yang berlaku. Sudahlah klinik kita, doktor, pesakit kita begitu besar, sudahlah jalan raya kita yang di Semenanjung ini lapan kilometer sudah hu ha ha semua, sedangkan kita beribu kilometer belum di tar. *Exactly, that is what happened*, inilah yang berlaku. Di Sabah ini, Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya memang faham masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ...

Datuk Ronald Kiandee: Saya ingin habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ..tetapi kerana masa. Boleh gulung, ya?

Datuk Ronald Kiandee: Bekalan elektrik yang ada di Sabah sekarang ini menerusi generator SESB dan generator IPP, hanya mampu membekal tenaga sehingga tahun 2007 di Sabah. *After that*, kita akan *shortage* bekalan elektrik begitu ketara sekali. Kalau dua puluh tahun dahulu, sekarang ini baru buat gred, baru tukar transmometer, baru tukar transformer, baru tukar talian dan sebagainya, saya risau esok, tahun 2007 nanti kalau tidak ada perancangan yang rapi dilakukan oleh SESB, TNB ini, Sabah akan menghadapi masalah kekurangan bekalan yang ketara sekali.

Apa perancangan yang dilakukan oleh SESB, dikatakan Liwagu akan diadakan hidro, tidak ada nampak pun, dikatakan Hidro Pangi akan *direfurbish* untuk mendapatkan tambahan *the 30% of power*, tidak ada tindakan yang diambil. Tuan Yang di Pertua, saya ingin perkara ini dilihat oleh Kementerian Kewangan secara teliti dan dekat. Rakyat Malaysia di Sabah merupakan rakyat Malaysia ...

Seorang Ahli: Yang terpinggir.

Datuk Ronald Kiandee: ..yang benar-benar menyumbang kepada negara ini dan berhak mendapatkan bekalan elektrik yang baik seperti yang diperolehi oleh rakyat Malaysia di Semenanjung ini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Yang Berhormat saya faham kehendak Yang Berhormat. Sebaliknya saya juga berharap Yang Berhormat juga kena faham kesulitan yang dihadapi oleh kami sebagai Speaker.

12.15 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sama-sama faham. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta dalam perbahasan Bil Perbekalan Tambahan. Tahun ini mungkin tahun yang lebih dukacita bagi negara kita, [Disampuk] di mana banyak isu yang berlaku dan isu ini kita lihat adalah anjuran tangan kotor sebilangan manusia dalam negara kita.

Justeru itu, pada saya, saya tidak bersetuju dengan Ketua Pembangkang yang menyatakan bahawa kita Ahli Parlimen Barisan Nasional tutup mulut, bahawa kita mendiamkan diri, bahawa kita 'kautim'. Saya ingin jelaskan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu 'kautim'? [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin: 'Kau' pun tidak ada, 'pok' pun tidak ada, 'tim' pun tidak ada. Kita wakil rakyat Barisan Nasional akan menyuarakan kemungkarannya yang dilakukan oleh mana-mana pihak. [Tepuk] Isu AP memang jelas. Saya selepas Menteri berkenaan memberi penjelasan dalam Persidangan UMNO dan telah ditemui oleh *reporter The STAR*, saya menyatakan saya tidak puas hati dan saya akan menyatakan dalam persidangan Parlimen. Hari ini, peluang ini akan saya ambil. [Disorak]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sebenarnya Speaker boleh tidak membenarkan Yang Berhormat bangkitkan masalah AP kerana hari ini yang dibangkitkan oleh kita tidak melibatkan kementerian yang berkenaan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya lihat ada jalan di masuk sebab ada Perbendaharaan. AP ini kerajaan rugi. Jadi wang itu ke Perbendaharaan, situlah saya masuk. [Disorak]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hah! Catat, catat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Persoalan yang saya bangkitkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak cadangkan supaya kewangan negara kita ditambah, itu cara Yang Berhormat. Saya mungkin boleh benarkan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya hendak bangkit kenapa kita rugi fasal AP, sebab kewangan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin. *[Ketawa]* Saya melihat kementerian yang mengeluarkan isu AP, dia bersubahat dengan pegawai-pegawai Kastam. Persoalan yang ingin saya kemukakan bukan seperti Pembangkang, tuduhan melulu, tidak ada cadangan. Saya ingin mengatakan kepada Ketua Pembangkang, *this country is not are queen control, we are king control and this country* Raja yang berkuasa, bukan permaisuri. Saya mahu nyatakan kepada dia tidak ada permaisuri yang berkuasa dalam negara ini tetapi Raja yang berkuasa.

Justeru itu saya minta wakil - tidak ada wakil Kewangan? Perbendaharaan? Tidak tahu pegawai dia, kalau ada harap-harap sampai, kalau tidak sampai bukan sahaja mereka dipertuduh di dunia ini bahkan di akhirat nanti mereka juga akan dipertuduh, akan dibangkit untuk menjawab sebab mereka tidak bertanggungjawab.

Negara kita menghadapi kewangan yang tidak baik ekoran daripada kegiatan kotor tangan manusia. Sebab apa? AP yang seharusnya dikeluarkan kenapa dia jenama baru tetapi masuk ke pelabuhan, masuk ke *port* dikeluarkan dengan kereta terpakai (*used car*)? Ini satu sabotaj ekonomi! Kenapa ini berlaku kalau bukan pegawai daripada kementerian dan juga pegawai Kastam itu yang bersekongkol untuk melenyapkan pendapat ekonomi negara kita?

Justeru itu, saya meminta jawatankuasa khas dibentuk untuk menyiasat bagaimana kejadian ini boleh berlaku, boleh memalukan dan telah mengancam ekonomi negara kita. Penguat kuasa kita, orang buka gerai di tepi jalan tidak berlesen disita barang-barang mereka. Mereka dapat RM10, RM20 satu hari tetapi mereka yang memasukkan, mengimport kereta jenama *BMW, Mercedes* baru dia boleh *under declared* kereta terpakai. Bezanya terlalu jauh. Mereka tidak ambil tindakan. Rakan saya Yang Berhormat bagi Jasin, saya beri peluang.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Adakah Yang Berhormat bercadang meminta supaya Kementerian Kewangan mengutip balik kerugian kerajaan oleh sebab pengimport-pengimport ini telah menipu kerajaan dengan *under declared* dan lari cukai supaya Kementerian Kewangan pergi jumpa mereka untuk mengutip apa yang mereka telah *under declared* ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin, Soalan yang baik. Ini mesti. Kita menuntut supaya mereka membayar balik apa yang telah mereka lakukan. Mereka yang buat salah, mereka kena bertanggungjawab. Kementerian Kewangan - Perbendaharaan, apabila didapati berapa banyak jumlah wang itu kena dibayar balik dan menteri yang berkenaan kena bertanggungjawab. Saya tidak meminta supaya dia diberhentikan tetapi dia kena bertanggungjawab. Kalau di negara lain dia tahu apa mahu buat. Dia tahu mahu buat sebab saya ini sudah "*famous*" untuk meminta menteri letak jawatan. Saya tidak minta dia letak jawatan tetapi dia kena bertanggungjawab. Kalau dia tidak bertanggungjawab dia akan menghadapi tentangan yang hebat daripada kita dari masa ke semasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah. Cukuplah. Isu ini cukuplah. Beralih kepada perkara lain kerana Yang Berhormat, cuba perhatikan...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Belum habis Tuan Yang di-Pertua. Masalah di kastam. Baru-baru ini kita menegur pegawai-pegawai kastam, pengarah-pengarah kastam sebab ada sumber menyatakan bahawa mereka tidak bekerja dan kehilangan wang satu hari lebih kurang RM1 juta. Kalau kita tidak tegur perkara ini akan berlarutan apakah kita akan menunggu "*sudah terhantuk baru tengadah, sudah terlanjur baru hendak pulang*" Ini tidak betul. Saya mahu pihak-pihak Kastam jangan cepat melatah.

Kalau ditegur teguran kita untuk membina untuk membawa kebaikan kepada negara kita bukan untuk kepentingan mereka sebab perkara ini berlaku dalam institusi kepolisan apabila ketua mereka berlaku skandal dan sebagainya tetapi anggota polis tidak

pernah mempertikaikan dan mereka menjalankan kewajipan mereka akhirnya keamanan dalam negara kita dapat dibawa.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang telah mengheret negara kita ke arah kerugian sebetulnya dan saya akur dengan Yang di-Pertua supaya isu ini kita berhentikan. Insya-Allah akan kita sambung dalam bajet nanti.

Saya mengambil sedikit peluang ini sebab ada kementerian dia iaitu Kementerian Pelajaran. Saya hairan satu ketika dulu iaitu Guru Besar Sekolah Rendah Cheng Meng telah ditukar oleh Ketua Pengarah mengeluarkan surat dan surat pelantikan untuk guru besar baru telah dikeluarkan oleh Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri Sabah. Yang anehnya guru besar yang hendak ditukar ini tidak mahu keluar daripada sekolah tersebut. Sudah satu bulan dia masih duduk di situ dan ada dua guru besar. Guru besar yang telah melaporkan diri tidak ada pejabat terpaksa duduk di tempat lain menjalankan kewajipan sebagai guru besar. Guru besar yang ditukar itu pula tidak mahu pindah. Saya hairan kenapa Pengarah Pendidikan tidak boleh menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Putatan bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Jangan lama, ya? Masa tidak ada.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih tadi Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berkongsi pendapat sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan soal Kementerian Pelajaran ini tetapi Tuan Yang di-Pertua saya bermesyuarat PIBG di kawasan saya, di kampung saya dekat dengan halaman rumah saya, sekolah SK Tansau.

Selepas saya melawat kawasan Kinabatangan pagi hari minggu - Ahad. Soalan dia? Nanti. Ini saya sedih, Tuan Yang di-Pertua. Sedih sekali. Marah dan sedih dengan keadaan sekolah saya. Pada tahun yang lepas saya telah berjumpa dengan pengarahnya, tolong lawat sekolah itu. Sudah daif...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah berkaitan dengan...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Ini soalan kena dengan guru besarnya ini juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan sama?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Ya, soalan yang sama. Sama sekolah juga, sama guru besar. Pegawai ini - *attitude* pegawai ini, tabiat pegawai ini, sikap pegawai ini yang kita marah. Saya berjumpa dengan pengarah sendiri. Pegawainya tidak melawat sekolah itu. Pengarahnya berjanji pada saya melawat sekolah itu tengok *beam*.. sekolah itu jatuh - kalau jatuh gajah pun mati. Tuan Yang di-Pertua, keadaannya teruk sekali, *septic tank* tidak boleh dipakai, permainan tadika tidak boleh dipakai, padangnya macam padang kerbau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan ...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Ini soalan ini. Soalan, ini penting.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Okey. Faham, faham.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Jadi saya mahu minta pendapat, bagaimana pendapat sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan, tabiat pegawai, Pengarah sendiri tidak melawat dan tidak menunaikan janji. Langsung tidak melawat. Jawab pun tidak jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Inilah sebetulnya salah satu contoh. Sebab bagaimana keadaan ini kalau berlaku dengan agensi-agensi kerajaan yang lain? Contohnya Pengarah dia ditukar tetapi Pengarah tidak mahu keluar, Ketua Polis Daerah ditukar tidak mahu tukar. Apakah ini akan menjadi satu *trademark* ataupun jadi ikut-ikutan pada masa akan datang? Saya hairan dengan Kementerian Pendidikan yang sebegini, tidak boleh menyelesaikan. Pengarah tidak boleh menyelesaikan masalah ini. Kalau

Pengarah tidak boleh menyelesaikan masalah sekecil ini, bagaimana kita hendak menyelesaikan isu pendidikan di negara kita.

Saya simpati tengok. Ini betul. Inilah kerenah dia pegawai-pegawai, surat pun tidak balas. Telefon - kalau Pengarah Pelajaran Sandakan, telefon dia tukar! Sebab saya tahu telefon dia, *handphone* dia tukar. Dia tidak mahu saya hubungi lagi. Ha, inilah. Saya minta kementerian ini lebih berhati-hatilah melantik pegawai-pegawai sebab agenda pendidikan ini agenda nasional, sehingga kerajaan membuang wang ringgit dan sebagainya tetapi apakah hasil pulangan yang kita peroleh dengan tingkah laku pegawai-pegawai yang sebegini. Mereka seperti yang saya katakan, kita harapkan mereka boleh memperbetulkan keadaan tetapi merekalah pencetus keadaan yang memungkarkan segala sistem pendidikan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta kementerian supaya menyelesaikan isu pertukaran guru besar ini sebab hangat diperdebatkan di Sandakan khususnya. Memalukan! Pegawai dia, guru besar ini, ingkar dengan arahan yang setahu saya apabila ingkar kena ambil tindakan. Tetapi dia di situ juga. Sudah satu bulan dia duduk situ - guru besar. Saya ada surat, nanti saya bagi kepada Tuan Yang di-Pertua, bantahan guru besar yang melapur diri itu. Dia tidak boleh menjalankan tugas sebab guru besar yang lama cakap dia juga pengetua, dia panggil mesyuarat juga. Ada komplikasi dan harus diselesaikan dengan segera. Satu isu lagi isu, Tuan Yang di-Pertua, masa saya masih ada. Saya masa tujuh minit mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, isu yang terakhirlah

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya ada tujuh minit lagi saya tengok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua minit.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, isu dadah. Baru baru ini yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan dadah ini musuh utama negara dan saya difahamkan Agensi Dadah Kebangsaan mendapat peruntukan satu kepala RM12 lebih. Sementara Kementerian Belia dan Sukan satu kepala dapat RM2.10, jauh beza dia. Kalau ini peruntukan dia, tidak ada sebab kalau ada program memerangi dadah, pegawai-pegawai agensi dadah ini tidak dapat menghadiri diri. Saya tahu mereka tumpukan wang tersebut ke arah pemulihan, ke arah pencegahan tidak ada, sebab mungkin di situ mereka ada keuntungan.

Beberapa Ahli: Ooh!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sedangkan yang kita pertikaikan dalam pemulihan tersebut, cuma 10% sahaja yang dipulihkan itu pulih seperti orang biasa 90% jadi penagih balik. Jadi, ini kena dikaji. Kalau boleh, peruntukan ini jangan dibagi *direct* kepada agensi dadah tersebut. Bagi kepada satu kementerian yang mengurus secara berkesan, sebab itu penagih-penagih dadah kita bertambah dari hari ke sehari, bukan mengurang.

Sementara peruntukan di Kementerian Belia dan Sukan pula, bagaimana hendak menyelesaikan masalah belia kalau peruntukan satu kepala RM2.10 sedangkan belia ini ada hubung kaitnya dengan najis dadah ini. Jadi, kena ada perbincangan lanjut. Saya sebetulnya ingin mengatakan kadang-kadang saya terkilan dengan kerajaan yang sedia ada, sebab mereka tidak tahu meletakkan bagaimana keutamaan peruntukan itu hendak diselaraskan. Yang tidak utama diberi peruntukan yang banyak, yang keutamaan terlepas pandang. Jadi, inilah masalah yang kita hadapi dan saya harap Kementerian Kewangan boleh melihat kepincangan-kepincangan yang sedia ada ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

12.32 tgh.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk sama-sama berbahas tentang bajet tambahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah mengalami kemerdekaan kali yang ke 48 tahun. Ini bermakna telah hampir setengah abad British telah keluar daripada tanah air kita. Perjuangan untuk menegakkan kemerdekaan untuk diperintah oleh anak peribumi ialah merupakan perkara yang menjadi suatu agenda besar kepada pejuang-pejuang kemerdekaan. Dalam masa yang singkat ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan setelah 48 tahun kita merdeka, yang pertama yang ingin saya katakan ialah tentang tahap perpaduan yang ada, yang wujud dalam negara kita.

Baru-baru ini Parlimen ini telah menubuhkan satu jawatankuasa mengenai perpaduan. Saya diamanahkan sebagai salah seorang daripada jawatankuasanya. Kami telah mengadakan *public hearing*, pendengaran umum ke seluruh negara. Dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, dibangkitkan kembali masalah DAP. Kalaulah isu DAP ini gagal keluar daripada mulut saya atau parti-parti pembangkang, mungkin ini dianggap satu fitnah ataupun satu lontaran, atau satu tohmah yang cuba memburuk-burukkan pihak UMNO itu sendiri. Tetapi tokoh-tokoh yang saya temui seperti Prof. Diraja Ungku Aziz, Prof. Ismail Salleh dan Dr. Norishah sendiri memperakui bahawa di antara sebab utama gagalannya DEB ialah kerana rasuah, kerana salah guna kuasa dan penyelewengan yang berlaku.

Mengikut statistik yang diberikan oleh seorang tokoh korporat negara, Dato' Salleh Majid, saya ambil petikan beliau, *"Pada masa yang sama kalau kita ambil kira sejak DEB telah diperkenalkan, ada lapan Rancangan Malaysia lima tahun dan kalau dikira mudah setiap tahun RM20 bilion dibelanjakan dan untuk selama 40 tahun, DEB 20 tahun, DPN 10 tahun, sebanyak RM800 bilion telah dibelanjakan oleh pihak kerajaan untuk menjayakan DEB."*

Tetapi DEB masih menjadi suatu isu yang dipertikaikan dan yang lebih malang lagi bila UMNO sendiri yang mengutarakan dan gagalannya DEB. Pemuda UMNO sendiri memperjuangkan tentang DEB perlu untuk dibangkitkan kembali, dihidupkan kembali, maka lahirlah suara-suara daripada parti-parti komponen Barisan Nasional sendiri, daripada MCA yang mempertikaikan tentang hasrat Pemuda UMNO ini. Yang lebih malang lagi apabila Presiden Gerakan, Tuan Yang di-Pertua, mula mengungkit tentang kontrak sosial.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini ada berkaitan dengan mana satu kementerian?

Tuan Salahuddin bin Ayub: Pada peringkat dasar Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Habis, ini perbekalan tambahan.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hanya boleh membenarkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kementerian-kementerian yang kita bangkitkan.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Baiklah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Maka persoalan yang saya ingin ajukan di sini adalah, kalau masalah ini gagal, Tuan Yang di-Pertua, ia bukan sahaja melibatkan masalah UMNO, masalah parti-parti komponen Barisan Nasional, tetapi yang paling bahaya adalah tentang rakyat keseluruhan negara kita, termasuk kita yang ada pada hari ini. Maka, oleh itu pada saya, Tuan Yang di-Pertua, masalah DEB yang untuk memperjuangkan matlamat pencapaian 30% bumiputera. Bila dimaksudkan dengan bumiputera bermakna kita perlu melihat tentang bumiputera yang Islam dan bukan Islam.

Acap kali, untuk ke sekian kalinya di Dewan yang mulia ini, dibangkitkan masalah tentang perbekalan yang tidak mencukupi di berlaku di Sarawak dan di Sabah. Kalau dikatakan Kelantan sebagai negeri yang mundur, hujahnya PAS memerintah, okey secara objektifnya saya boleh terima, secara objektif. Mungkin ada halangan-halangan yang tertentu yang kami tidak dapat melaksanakannya. Tetapi di Sabah dan Sarawak, apa masalahnya, apa *constraint*nya, apa *obstacle*nya, dengan izin, sehingga masalah elektrik, masih ada lagi sekolah-sekolah yang tidak dapat bekalan elektrik, masih lagi ada anak

bangsa yang tidak dapat makmal komputer, komputer di sekolah-sekolah mereka, jadi apa masalahnya, Tuan Yang di-Pertua?

Adakah bajet tidak cukup, defisit yang semakin membesar, peruntukan yang mencukupi? Maka, inilah yang dinamakan 'ketirisan', bahasa baru yang diperkenalkan untuk mengambil alih agenda sebenar pengkhianat bangsa inilah masalah rasuah yang sedang berlaku dalam pentadbiran kerajaan.

Kalau hari ini rakan-rakan yang lain secara rasional memperkatakan tentang telah sampai tahap ada mana-mana jabatan yang kita lihat pada hari ini mula bersuara, mula menjadi *outspoken* terhadap masalah yang ditegur kepada mereka, Jabatan Kastam sebagai contoh. Hari ini ada Pengarah Pendidikan ataupun daripada jabatan kerajaan yang ingkar dengan arahan kerajaan. Esok kementerian yang mana? Esok jabatan yang mana pula yang berani bersuara menentang suara kerajaan? Ini masalah kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, yang mesti kita selesaikan pada hari ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membicarakan kembali tentang perkara asas dalam Perlembagaan Negara, tentang Perkara 150, 151, 152 dan 153 dan yang paling penting di sini ialah tentang hak, tentang suatu kontrak sosial yang telah dipersetujui bersama oleh apa yang dikatakan datuk, nenek moyang kita dahulu.

Perkara yang paling besar dalam isu pendidikan adalah masalah biasiswa yang mesti diberi kepada mana-mana anak bumiputera yang lahir daripada perut ibu mereka untuk mereka mendapat pendidikan yang sempurna. Dan juga menjadi dasar dalam keadilan, dalam suatu yang kita tulis secara nyata dalam manifesto, Barisan Alternatif ialah bukan sekadar bumiputera, tetapi orang-orang lain, kaum-kaum lain yang miskin, orang-orang Cina yang miskin, orang India yang miskin, anak mereka juga mesti mendapat bantuan pendidikan daripada pihak kerajaan.

Ke mana pergi hak ini setelah 48 tahun kita merdeka? Kita bukan merdeka satu tahun, 5 tahun, 10 tahun tetapi telah 48 tahun. Dua tahun sahaja lagi kita mencapai umur setengah abad, tetapi di mana pendidikan yang diberikan hak kepada anak bangsa kita atas nama bumiputera? Dalam laporan tahunan Petronas baru-baru ini Ketua Eksekutifnya telah memberikan statistik angka keuntungan RM58 bilion Petronas untung. Negara kita, sejak Petronas ada tahun 1975 mengeluarkan hasil yang pertama, waktu itu minyak mentah dunia dalam pasaran adalah USD14 setong, tetapi hari ini harga minyak mentah dunia USD65 setong. Mana perginya kekayaan negara ini?

Kata Profesor di-Raja Ungku Aziz, kalau Petronas membayar zakat sahaja, saya balik dan bertanya kepada alim ulama, berapakah zakat untuk minyak ini? Mereka menjawab, "20%", maka daripada RM58 bilion maknanya kita ada lebih kurang RM11.8 bilion duit zakat yang boleh digunakan untuk orang Melayu Islam, kalau kita bercakap tentang bumiputera. Maka dengan duit yang sebanyak ini tidak perlu ada PTPTN, tidak perlu ada. Tidak perlu ada suara dalam TV3, tidak perlu ada suara dalam NTV7, tidak perlu ada cerita-cerita masih ada lagi orang Melayu yang makan siput babi, tidak ada lagi cerita yang memperlihatkan ada lagi bumiputera yang terpaksa mengutip makanan di tempat-tempat pembuangan sampah. Dengan duit zakat yang sebanyak ini anak orang bumiputera sejak lahir daripada mula mereka masuk tadika sampai mereka keluar dari universiti untuk mendapat ijazah PhD, kerajaan boleh membiayai dengan duit ini secara percuma. Tidak perlu lagi penoreh getah, tidak perlu lagi pesawah padi, tidak perlu lagi drebar-drebar teksi, tidak perlu lagi peneroka-peneroka Felda perlu risau kalau anak mereka dapat masuk universiti yang khuatir sama ada anak-anak mereka mendapat pinjaman PTPTN ataupun tidak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian minta penjelasan. Terima kasih sahabat. Saya mendengar hujah Yang Berhormat dan mungkin saya hendak memberi sedikit pandangan tentang Petronas.

Kita sedia maklum Petronas adalah syarikat milik kerajaan sepenuhnya dan kita dapat lihat keuntungan dari Petronas bukan sahaja keuntungan dalaman, tetapi hari ini Petronas telah pergi ke peringkat antarabangsa dan pergi ke negara-negara Islam untuk *joint venture*, usaha sama dari segi cari gali minyak, di Sudan dan di negeri-negeri Islam yang ketinggalan. Tetapi hari ini kita dapat lihat Petronas telah berjaya, dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa Petronas juga telah mengadakan bantuan biasiswa kepada anak-

anak kita untuk melanjutkan pelajaran ke universiti. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa keuntungan Petronas itu balik kepada kerajaan? Dan hasil daripada kutipan keuntungan itulah yang kita mungkin *subsidize*kan harga minyak yang melambung di dunia hari ini, untuk memberi kesejahteraan dan kesenangan supaya rakyat tidak membayar lebih kepada barang-barang, mungkin juga daripada peruntukan Petronas itu.

Mungkin juga daripada peruntukan itu disalurkan untuk belanjawan negara kita yang akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi kita lihat dari skop dan kita percaya Petronas, dan saya sanjung Petronas kerana hari ini mereka di hadapan dengan syarikat-syarikat minyak yang lain seperti Esso, Shell dan sebagainya dengan ahli-ahli profesional dan kita bangga. Mereka adalah anak Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pandangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pandangan tidak perlulah. Soalan ada?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalannya, adakah Yang Berhormat juga bersetuju dengan pandangan saya bahawa Petronas adalah '*anchor*' ataupun salah satu bantuan kekuatan ekonomi pendidikan dan juga memberi peluang kepada anak-anak bangsa kita menjadi *expatriate* di negara-negara asing dari segi cari gali minyak yang berjaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat tahu jawapan akan diberikan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pandangan Yang Berhormat. Bila berucap dia mesti faham. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju tetapi bukannya hanya segelintir yang dapat keuntungan ini, dan kalau boleh, kalau Yang Berhormat Jerai juga bersetuju kita boleh mendesak dan terus mendesak supaya akaun Petronas ini dibentangkan dalam Parlimen ini, bukan bertaraf *private and confidential*. Mesti dibentangkan untuk ketelusan di mana wang ini pergi, itu pandangan saya. Yang penting pada saya semua yang miskin, yang berhak ini mesti mendapat bukan segelintir.

Saya faham, saya juga tahu Petronas membiayai pelajar-pelajar yang cemerlang dalam negara kita tetapi jangan mereka sahaja. Yang berhak mesti diberikan hak mereka. Kalau tidak sampai bila matlamat 30% ini akan tercapai, sampai bilakah jurang perbezaan kekayaan di antara miskin dan kaya ini dapat kita rapatkan, kalau tidak ada satu bentuk keadilan, ketelusan yang mesti kita amalkan dalam pentadbiran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak sebut pada tengah hari ini, ialah tentang apa yang saya sifatkan sebagai masalah perpaduan yang mesti kita ambil kira untuk masa depan negara kita. Pada saya Tuan Yang di-Pertua, masalah yang berlaku dalam negara kita, ialah apabila berlakunya perbincangan yang menjurus kepada kaum-kaum tertentu, ini adalah perkara yang mesti kita elakkan. Dan umur parti-parti komponen dalam BN ini bukan berumur setahun jagung, malah mereka telah menjadi parti-parti komponen, menjadi anggota dalam Barisan Nasional dalam jangka masa yang lama.

Jadi saya mengharapkan supaya perbincangan-perbincangan mengenai ekonomi dan politik ini mesti kita letakkan dalam asas yang kukuh, iaitu bagaimana kita melihat keadilan itu sebagai satu teras yang mesti kita bina bersama. Kalau tidak saya bimbang tragedi 13 Mei yang amat kita geruni dan tanda-tanda yang berlaku seperti mana yang disebut oleh Menteri Perpaduan Negara lebih kurang 5 tahun yang lalu, bahawa terdapat 10 kawasan merah dalam negara kita yang pada bila-bila masa kalau masalah ini tidak boleh selesai, ia akan menjadi ancaman yang besar terhadap negara kita. Itulah pandangan saya Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan terima kasih di atas peluang diberikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

12.46 tgh.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap tentang Perbekalan Tambahan Tahun 2005. Di sini kita telah mendengar beberapa hujah daripada Sabah dan negeri Kelantan, kita singgah di Parlimen sekejap untuk berbincang dan membahaskan Perbekalan Tambahan ini. Saya merasa pasti negeri Kelantan juga mempunyai beberapa masalah yang timbul berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat negeri Kelantan.

Di Sabah tadi kita dengar berkenaan dengan bekalan elektrik dan di negeri Kelantan juga mempunyai masalah dari segi bekalan elektrik, bekalan air, infrastruktur, jalan raya dan sebagainya. Dan sebelum saya sentuh secara *detail* berkenaan dengan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia yang telah banyak memberi bantuan ataupun pembangunan kepada rakyat negeri Kelantan. Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Persekutuan kepada negeri Kelantan di bawah Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di mana kemudahan asas ini telah pun disediakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Dalam konteks bekalan air contohnya, ini merupakan tanggungjawab kerajaan negeri. Tanggungjawab kerajaan negeri untuk menguruskan bekalan air kepada rakyat negeri Kelantan.

Kita tahu masalah air ini sentiasa berlaku, khususnya semasa musim kemarau di mana pada bulan April lepas satu tempoh kemarau yang panjang berlaku di negeri Kelantan menyebabkan rakyat negeri Kelantan khususnya di kawasan Parlimen Tanah Merah menghadapi masalah yang kritikal berkenaan dengan bekalan air sehingga ada yang mati ataupun terkorban akibat mencari punca air yang mana perigi yang digali di kawasan Tanah Merah iaitu di Gual Ipoh di mana penggali perigi ini meninggal dunia kerana perigi yang digali tertimbus semasa beliau sedang menggali ataupun arwah ini sedang menggali perigi untuk mendapatkan air.

Ini yang kita tahu bahawa air merupakan keperluan asas, walaupun perigi digali, walaupun telaga tiub disediakan, kita juga perlukan bekalan air yang bersih kepada rakyat negeri Kelantan. Hari ini 60% daripada rakyat negeri Kelantan menerima bekalan air yang bersih dan selebihnya 40% lagi tidak menerima bekalan air yang bersih. Ini saya memohon kepada kementerian supaya membantu Kelantan, supaya membantu rakyat Kelantan untuk menyediakan bekalan air bersih kepada seluruh rakyat negeri Kelantan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [Bangun]

Ir. Shaari bin Hassan: Kalau sejauh mana peningkatan di dalam perkhidmatan kesihatan sekiranya bekalan air bersih tidak disediakan, sudah pasti penyakit-penyakit berjangkit akan terus merebak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Ir. Shaari bin Hassan: Silakan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya tertarik Yang Berhormat bagi Tanah Merah, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, 40% lagi sudah yang tidak bersih. Saya hendak tanya apakah rakyat Kelantan, pembangkangkah, yang memerintahkan dia sedar tidak Kerajaan Persekutuan bagi beratus-ratus juta hendak bersih air, dia sedar tidak? Yang mana adalah tanggungjawab kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan membantu sahaja, apakah sedar tidak? Hendak tanya itu sahaja.

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih sahabat saya dari Pasir Puteh. Pada pandangan saya kerajaan Kelantan sedar, mestilah sedar kerana Kerajaan Persekutuan menghulurkan geran sebanyak RM325 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk mempertingkatkan perkhidmatan air, perkhidmatan bekalan air, loji-loji pembersih air untuk memberi perkhidmatan ataupun memberi kepada rakyat negeri Kelantan. Dengan itu kerajaan negeri seharusnya, semestinya mengambil pendekatan yang sama dengan mendapatkan peruntukan-peruntukan ataupun

membelanjakan wang daripada negeri untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan bagi bekalan air ini.

Tuan Yang di-Pertua negeri Kelantan, tahap kesihatan rakyat negeri Kelantan sekarang ini kalau mengikut statistik sekarang ini berada dalam tahap yang terkebelakang sekali di mana berbagai-bagai penyakit direkodkan sebagai antara yang terbanyak sekali berlaku di negeri Kelantan. Contohnya penyakit kepialu yang baru sahaja melanda negeri Kelantan beberapa bulan lepas. Penyakit taun, penyakit denggi dan sebagainya.

Ini menunjukkan satu tahap di mana rakyat negeri Kelantan masih lagi terdedah dengan perkara ataupun penyakit-penyakit yang merebak ini. Saya pasti Kementerian Kesihatan dengan membina hospital-hospital, klinik-klinik kesihatan untuk menjaga kesihatan rakyat khususnya di negeri Kelantan. Kalau kita tengok penglibatan, pemimpin-pemimpin masyarakat, pemimpin-pemimpin untuk memastikan klinik-klinik kesihatan, klinik desa, klinik ibu ini dikunjungi ataupun klinik ini dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat ataupun masyarakat sekitar. Beberapa kaedah telah pun dibuat dengan melantik ahli lembaga pengarah hospital, contohnya kepada hospital bagi klinik kesihatan, jabatan Kesihatan negeri ataupun jabatan Kesihatan daerah melantik panel penasihat kepada klinik kesihatan yang berkenaan.

Di sini kita tengok penglibatan pemimpin-pemimpin masyarakat di dalam membantu klinik-klinik kesihatan ini sebagai pemudah cara daripada doktor ataupun pegawai-pegawai kesihatan dengan masyarakat. Masyarakat yang tidak tahu berkenaan dengan penjagaan kesihatan, masyarakat yang takut untuk mendapat perkhidmatan di hospital, di klinik kesihatan tetapi di sini kita kena lihat sumbangan panel kesihatan ataupun panel penasihat klinik kesihatan ini, kerajaan, kementerian kena beri tumpuan supaya diberilah satu keistimewaan ataupun sedikit bantuan sebagai sumbangan kepada mereka ini yang bekerja secara sukarela yang banyak membantu masyarakat dan juga pihak klinik kesihatan.

Di sini saya menyarankan kepada Kementerian Kesihatan supaya beri sedikit elaun, elaun mesyuarat untuk mereka ini supaya bergiat lebih aktif lagi. Setakat ini yang saya tahu mereka ini diberi kemudahan wad kelas kedua secara percuma. Mungkin beberapa lagi perkara yang boleh difikirkan untuk membantu mereka ini supaya menggalakkan mereka ini banyak memberi sumbangan kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua saya juga mencadangkan supaya mereka yang terlibat ini ataupun klinik-klinik kesihatan yang terlibat ini diberi sedikit peruntukan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan bersama-sama dengan panel kesihatan ini kerana banyak perkara yang dibuat di klinik kesihatan. Contohnya, ceramah kesihatan, pengindahan klinik kesihatan dan sebagainya. Adakan pertandingan, dan kita tidak larilah sebagai wakil rakyat banyak membantu mereka ini, banyak memberi sumbangan kerana tidak ada orang lain lagi yang boleh memberi sumbangan. Kerana di Jabatan ataupun di peringkat klinik kesihatan tidak ada peruntukan, maka wakil rakyatlah yang menjadi tumpuan kepada mereka-mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua bahawa, peruntukan rancangan Malaysia Kelapan, contohnya di Kementerian Kerja Raya yang mana peruntukan sebanyak RM2.4 bilion telah pun diluluskan sebagai peruntukan tambahan. Daripada projek-projek yang dilaksanakan di bawah kementerian tersebut saya tengok tumpuan ataupun pengagihan projek-projek ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulungkah? Boleh gulung?

Ir. Shaari bin Hassan: Gulung? Ya, terima kasih. Tumpuan projek ini tidak sama rata. Kita lihat di negeri Kelantan, di Sabah, di Sarawak, kawasan-kawasan yang masih lagi tidak membangun, banyak lagi tempat-tempat yang tidak membangun tidak diberi tumpuan.

Saya sarankan supaya tempat-tempat yang sudah membangun yang telah meninggalk negeri-negeri contohnya negeri Kelantan ini diagihkan peruntukan-peruntukan yang tersebut kepada negeri-negeri yang belum membangun. Kerana kerajaan saya pasti perlu bersikap adil kepada semua negeri yang memerlukan pembelaan, yang memerlukan perkhidmatan daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu peruntukan pengurusan, kerajaan kena lihat, Jabatan Perkhidmatan Awam kena lihat di mana kakitangan-kakitangan perkhidmatan awam yang khususnya di bawah perkhidmatan teknikal. Contohnya di JKR, JPS di mana mereka ini bermasalah dari segi kenaikan pangkat, sehinggakan gred dua ini memakan masa 15 tahun. Contohnya di JPS, di JKR di mana ada satu usaha untuk merayu kepada kerajaan supaya penyandang ataupun pangkat secara khas ini ataupun KUP diberi pertimbangan khas kepada jurutera-jurutera daripada JPS kerana mereka ini banyak memberi perkhidmatan teknikal kepada jabatan ataupun agensi pelaksana tersebut. Saya kira kerajaan kena memandang serius kerana dari segi pentadbiran pegawai-pegawai daripada jabatan-jabatan lain yang bukan teknikal diberi kemudahan, diberi kenaikan pangkat secara automatik ataupun dalam tempoh yang singkat berbanding dengan pegawai-pegawai daripada kementerian ataupun jabatan teknikal yang saya sebutkan tadi.

Jadi saya mintalah, jabatan-jabatan berkenaan, kementerian-kementerian berkenaan supaya mengambil perhatian yang serius kepada perkara yang dibangkitkan. Jadi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan saya mohon menyokong.

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Yang Berhormat boleh berucap pada 2.30 petanglah nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

2.31 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin terlibat sama dalam perbincangan berhubung dengan perbekalan tambahan 2005 dan dalam konteks ini saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita dapati dua tokoh remaja yang sentiasa dapat perhatian dan idola masyarakat kita. Baru-baru ini, saya ada satu pengalaman bertanya dengan pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Agama di Kuala Terengganu, siapakah yang menjadi pilihan di antara Mawi dengan Nuramalina binti Bakri? Mawi lah, memang betul. Itu adalah merupakan persepsi anak-anak muda kita.

Sesekali saya memikirkan bahawa berlaku kekeliruan di antara matlamat kerajaan sekarang yang mempunyai visi untuk membangunkan *knowledge worker* dengan izin, ataupun pekerja-pekerja berilmu, sedangkan yang menjadi idola dan yang menjadi ingatan remaja kita ini bukan kepada *knowledge worker* yang diwakili oleh watak Nuramalina. Tetapi kepada Mawi yang mewakili *entertainment worker*. Ataupun, pekerja hiburan, begitu. *Show beach World*. Tetapi bila saya teliti dan saya memikirkan secara mendalam, saya kira tidak ada salahnya Akademi Fantasia Malaysia dan Mawi ini. Bila saya lihat dari segi pendidikan, saya lihat ada keistimewaan. Ada sesuatu yang boleh dipelajari dari Akademi Malaysia ini, yang barang kali Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia boleh memanfaatkannya.

Mari kita lihat dari sisi yang positif daripada Akademi Fantasia Malaysia ini. Kalau kita lihat Akademi ini mengambil tempoh kira-kira empat bulan, satu tempoh yang begitu panjang sekali. Yang boleh mentransformasikan satu watak menjadi seorang manusia penghibur. Makna ini adalah merupakan suatu yang berjaya. Dia telah membawa satu transformasi kepada suatu watak, Mawi. Daripada seorang anak kampung yang cuma pandai mengaji Al-Quran sahaja, dengan saf imej yang agak rendah, tiba-tiba muncul sebagai idola remaja-remaja di Malaysia, mempunyai ketrampilan diri, mempunyai *self* imej, mempunyai suara, mempunyai minat dan sekarang ini sumber pendapatan yang begitu lumayan sekali.

Maka ini perkara yang penting, harus dilihat oleh pegawai-pegawai kita ataupun daripada Kementerian Pelajaran sendiri. Yang penting kepada pendidikan, ialah satu proses transformasi. Mari kita lihat di sini, peserta-peserta dan pelajar-pelajar Akademi Fantasia ini dipilih daripada satu kumpulan remaja-remaja yang berminat dengan begitu ramai sekali. Ada saringannya. Ada proses diagnostiknya, diagnosis nya. Ada proses pertemuan secara berkala dengan mentor-mentee nya. Ada runding caranya. Ada komentatornya. Ada pengulas-pengulasnya, dan ada *do head* pula. Ini adalah merupakan nilai tambah yang saya kira boleh dipelajari dan boleh dimanfaatkan.

Alangkah baiknya kalau sekiranya sistem pendidikan kita boleh mengambil sisi-sisi yang baik daripada Akademi Fantasia ini. Barangkali tidaklah dipanggil Akademi Fantasia, barang kali Akademi Malaysia. Kita mengumpulkan pelajar-pelajar kita yang buat A-Level barang kali yang akan belajar keluar negara. Tergarap pemikiran mereka, kita transformasikan pemikiran mereka ini dengan pemikiran, dengan ilmu-ilmu, dengan kemahiran-kemahiran, katakan kemahiran berbahasa Inggeris, Sains dan serba macam lagi. Maka ini boleh kita lakukan. Bukan hanya kita memandang serong melihat Akademi Fantasia dari sudut '*the sunset culture*' ataupun budaya hawa nafsu sahaja. Sekadar berhibur sahaja...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Razali bin Ismail: ..tapi boleh dimanfaatkan. Sepertimana yang kita tengok *The Apprentice* adalah merupakan satu program *reality* juga, tapi ada kurikulum-kurikulum yang begitu bagus yang mencabar akar budi, yang mencabar akal dan budi peserta-peserta itu. Pasir Puteh, saya ada masa 10 minit ya.

Tuan Yang di-Pertua: 10 minit sahaja.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Masa kecemasan ditambah, kuasa Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat dan Boss saya *backbencher*, jarang disebut *boss backbencher* ini.

Terima kasih banyak. Saya nak tanya setuju, saya menyokonglah *Akademi Fantasia* ini dalam masa enam bulan boleh mendidik tapi kalau kita balik kepada masyarakat Islam Hadhari, kalau kita tanya Ibn-Khaldum, itukah yang kita nak capai, Ibn-Khaldum kata kalau nak tengok masyarakat remaja akan datang, tengoklah masyarakat hari ini. Maka saya nak bubuhkan bahawa Fantasia itu ubah sikit sahaja. Mesejnya ada. Saya setuju Yang Berhormat sebut tadi. Mesej ada, tetapi akhlaknya *very bad* bagi saya. Kalau aqidah, syariah, akhlak, dia ada tiga, asas yang *foundation* kepada pembentukan ummah.

Kalau kita bina dari segi aqidah, tidak berapa kuat, syariat tidak berapa kuat, walaupun kuat sembahyang tak tinggal, tapi akhlaknya *very bad*, kita tidak akan bina keutuhan jati diri masyarakat pembinaan masa akan datang. Setuju tak, kita ubah sikit dari segi akhlak tu kita betulkan balik dalam kurikulum. Panggil saya, panggil orang-orang agama tokoh beri ceramah sikit. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih banyak, kalau tidak Hadhari, kita 'Hadharikan'. Kita hadirkan dalam program Islam Hadhari itu. Maaf dalam program Akademi Fantasia itu dengan nilai-nilainya. Dengan atur caranya, dengan ramuan aspek-aspek ketuhanan, aspek aqidah, syariah dan akhlak itu. Sebab Hadhari di sini erti hadir ciri-ciri Islam dalam erti kata yang sebenarnya, yang boleh membawa kepada satu martabat dan tamadun yang cemerlang.

Saya kira tidak ada masalah. Yang kita lihat ialah dari segi metodologinya itu, dari segi *operation*nya itu, cuma dari segi perkara-perkara yang bertentangan sekiranya terdapat pertentangan dengan ciri-ciri Hadhari itu kita perbetulkan. Yang penting ialah kita mengambil falsafah di sebalik aktiviti-aktiviti itu yang boleh melakukan satu proses transformasi yang penting kepada seorang pelajar menjadikan dia cemerlang, menjadikan dirinya terkenal, menjadi ianya sekarang ini dikagumi.

Saya hendak mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran mengambil barang kali ada pakar-pakar pedagogi di sini, ada pakar-pakar kurikulum di sini, ada pakar-pakar dari segi metodologi di sini untuk memetik beberapa perkara yang penting sebab di dalam *Akademi Fantasia* itu ada saringannya, ada diagnostiknya, ada penilaian formatifnya, ada penilaian *summative*nya, ada pula mentor-menteenya, ada keceriaannya, ada kegembiraannya, berbanding dengan kebosanan anak-anak kita, pelajar-pelajar kita di sekolah sekarang ini.

Yang baru-baru ini pula membawa natijah-natijah yang negatif dari segi disiplin sehingga ada remaja-remaja kita membuat kerja-kerja yang tidak senonoh, ada yang ponteng sekolah, ada yang pelbagai macam kerana tidak tertarik dengan aktiviti-aktiviti dan metodologi pedagogi pengajaran itu. Yang penting bagi saya sekarang ini ialah memetik mana-mana yang baik, mengambil iktibar benda-benda yang baik daripada program *Akademi Fantasia* itu.

Perkara yang kedua yang hendak saya timbulkan di sini ialah mari kita renung bersama, terutamanya kepada kementerian-kementerian yang berkenaan dalam Perbelanjaan Mengurus Tambahan dan juga Pembangunan Tambahan ini iaitu Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Pelajaran, semak kembali sejauh manakah kita dapat merealisasikan matlamat kita untuk kita menghasilkan generasi modal insan yang boleh menepati kehendak pembangunan ekonomi yang berteraskan kepada pengetahuan.

KBE, dengan izin, *Knowledge Based Economy* ini, setakat manakah infrastruktur komputer telah dapat disiapkan? Semak balik, bagaimanakah status sekolah bestari kita? Dari segi apakah kekurangan-kekurangan pengagihan komputer, barangkali sekolah-sekolah di Sabah, saya kira wakil-wakil Ahli Parlimen dari Sabah hendak banyak bertanya tentang perkara ini. Usahlah kita banyak mendedahkan dan ditimbulkan beberapa kali.

Saya kira dalam konteks ini hendaklah disemak balik dari segi infrastruktur-infrastruktur komputernya, dari segi peratusan daripada penggunaan komputer seluruhnya, komputer untuk setiap penduduk kita. Kuasa komputer *per capital* dan juga sambungan-sambungan internet, *connectivity* dan bermacam-macam lagi. Jadi, saya kira dalam konteks perbelanjaan mengurus dan juga pembangunan ini harus diambil kira dan semak balik prestasi yang lalu. Selain daripada itu ialah infrastruktur maklumat pelaburan dalam telekomunikasi, pelaburan dari segi penggunaan talian telefon untuk setiap penduduk kita bagaimana? Bagaimana pula dari segi *accessibility* maklumat-maklumat ini? Apakah telah dapat dicapai?

Seterusnya dari segi pendidikan dan juga latihan, sejauh manakah anak-anak kita melalui proses asuhan dan didikan supaya anak-anak kita tahu, *learning to know*, supaya anak-anak kita ini dapat berbuat, *learning to do*, supaya anak-anak kita ini dapat menjadi manusia yang baik, *learning to be*, supaya anak-anak kita dapat hidup bersama, *learning to live together*. Setakat manakah proses latihan dan pendidikan ini telah mencapai hasrat dan matlamatnya? Saya kira semakan-semakan ini perlu dilakukan. Selain dari itu ialah dari segi RNDK kita, *Research, Development* dan *Commercialization* kita.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Apakah Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dahulu berada di dalam Kementerian Pendidikan, dalam Kementerian Pelajaran. Adakah sewaktu Yang Berhormat dahulu itu tertinggal semuanya ini? Dan, apakah *approach* yang sama Yang Berhormat akan lakukan dalam Kementerian Pengajian Tinggi Pelajaran? Minta sedikit penjelasan.

Dato' Razali bin Ismail: Ini sudah jadi soalan *personel* pula, boleh saya jawab, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Dato' Razali bin Ismail: Baik, terima kasih. Sebenarnya keadaan sudah berubah. Dua tahun sebab dunia sekarang berubah dengan begitu pantas sekali. Dalam

dunia global ini ada konotasi dan ada kaitan dengan *speed and velocity*. Oleh yang demikian, sekarang *speed* kepantasan dan kecepatan ini membawa perubahan-perubahan. Mungkin dulu tidak ada lagi Akademi Fantasia, sekarang sudah ada, kita harus mengambil iktibar. Mungkin dulu PTPTN tidak menggunakan sistem-sistem yang canggih untuk memastikan kita *collect* balik, pungut balik segala hutang piutang daripada keliatan remaja-remaja kita lulusan IPTA, IPTS untuk membayarnya. Kita terpaksa *install* ataupun kita terpaksa memasukkan kemudahan-kemudahan ICT, komputer, portal dan bermacam-macam lagi ini untuk membolehkan kita meningkatkan prestasi kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada tiga minit lagi.

Dato' Razali bin Ismail: Seterusnya...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sebenar bukan personel, saya nak bagi *floor* Yang Berhormat menjelaskan.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih banyak. Saya juga ingin tarik perhatian sidang Parlimen hari ini, yakni hari ini guru-guru kita agak bimbang dan gusar dengan apa yang akan berlaku kepada anak-anak tingkatan 3 PMR yang akan menduduki peperiksaan, yakni pada 3 hari bulan akan datang ini. Di mana mata pelajaran Matematik dan Sains itu akan diuji dalam bahasa Inggeris. Ada sedikit kegusaran, waswas, kebimbangan dan rasa dukacita di kalangan guru-guru ini, terutama yang duduk jauh di pedalaman sana. Sejauh manakah prestasi mereka itu dapat menandingi, dapat memenuhi hasrat dalam usaha kita memperkenalkan Pelajaran Matematik dan Sains ini dalam bahasa Inggeris.

Ini adalah merupakan satu kegusaran dan saya minta juga pegawai-pegawai dari Kementerian Pelajaran, khususnya senantiasa memantau, senantiasa membantu guru-guru kita ini. Lihatlah, tinjaulah sejauh manakah guru kita sudah bersedia, kokurikulum kita sudah bersedia, nun yang jauh sana itu. Apakah ada *accessibility*, apakah ada ekuiti dari segi kualiti pengajarannya itu? Harus disemak.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [Bangun]

Dato' Razali bin Ismail: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya ingin tanya kita tidak boleh lari daripada konsep memperkasakan bahasa Inggeris. Benda ini telah pun diperkasakan dan dijelaskan lebih jelas oleh bekas Perdana Menteri kita. Bersetujukah Yang Berhormat bahawa fenomena realiti ini tidak boleh kita lari bahawa penggunaan bahasa Inggeris dalam *Math's and Science*? Dan, bagaimanakah pelajar-pelajar di luar bandar ini, yang dikatakan tadi satu isu yang begitu membimbangkan kita?

Bagaimanakah pelajar ini boleh dipertingkatkan kemahiran mereka dalam bahasa Inggeris dan apakah nasihat Yang Berhormat kepada Kementerian Pendidikan untuk memperkasakan dari peringkat sekolah rendah? Kerana tingkatan 5, tingkatan 3 sudah terlalu lambat. Baik, apakah pandangan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Razali bin Ismail: Sekarang ini sebenarnya harapan kita supaya anak-anak kita mahir dalam Bahasa Inggeris dan Matematik, terutama dalam Matematik dan Sains ini, itu harapan kita. Tetapi realitinya guru-guru yang mengajar pun bukan daripada aliran bahasa Inggeris, kebanyakannya. Mereka sekarang ini pada peringkat awal menghadapi masalah yang disebut sebagai masalah gigi ini, *the teething problem*. Mungkin peringkat awal ini mereka masih belum sedia, saya kira dengan latihan-latihan yang berterusan, saya kira dengan input dari segi kursus-kursus yang diberi. Itu pun hadir kursus menimbulkan masalah pula di sekolah, guru meninggalkan kelas.

Datuk Ronald Kiandee: Belum bersedia?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya, satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, sekejap, sekejap. Di sekolah rendah ini, Yang Berhormat, masih penggunaan bahasa Melayu sahaja dalam subjek-subjek ini, bukan bahasa Inggeris. Itu permintaan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ya, Yang Berhormat bagi Beluran.

Dato' Razali bin Ismail: Yang Berhormat bagi Beluran pula, ya.

Datuk Ronald Kiandee: Belum bersedia, Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik. Saya mempunyai anak buah, perempuan, yang akan menduduki peperiksaan tingkatan 3 penggal ini, tahun ini. Disebabkan oleh pelaksanaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Matematik dan Sains, apabila saya ternampak keputusan Sainsnya teruk. Saya tanya mengapa? Dia kata tak faham bahasa Inggeris, langsung tak faham.

Jadi, adakah ketidaksediaan kementerian, anak-anak muda yang begini, yang akan duduk PMR tahun ini akan jadi mangsa? Ini pekan Beluran, yang jauh di pedalaman Beluran lagi teruk, guru yang mengajar bahasa Inggeris, yang pergi kursus tiga bulan dihantar oleh kementerian, balik mengajar bahasa Inggeris di sekolah luar bandar. Adakah ini, adakah kita biarkan *student*, penuntut jadi mangsa kerana ketidaksediaan kementerian?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Saya mengambil masa yang begitu ringkas sekali untuk menjawabnya. Dari segi kesediaan, ini adalah merupakan satu persoalan yang cukup besar, yang harus difikirkan dengan sungguh-sungguh. Dan, kita sekarang ini telah membuat satu perubahan, bagi saya, saya melihat adalah sebagai satu yang menyeluruh, yang bersifat revolusi, bukan dalam sifat evolusi begitu. Jadi, ini akan menimbulkan beberapa kekangan-kekangan tertentu.

Saya juga merasa gusar ini untuk melihat apakah hasilnya, pada bulan November ataupun pada bulan Januari nanti apabila keputusan PMR tingkatan 3 kita ditunjukkan kepada *public*. Saya rasa *public* sekarang sedang menunggunya, dan ini adalah merupakan satu rasa kegusaran kepada semua pihak. Harapan kita ialah supaya guru-guru kita, sistem pendidikan kita, *alert*, siap siaga untuk berdepan dengan pelbagai kemungkinan yang sedang sekarang ini menimbulkan keraguan di kalangan masyarakat, termasuk Yang Berhormat sendiri.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, iaitu kemahiran berfikir ini, *thinking society* ini, saya kira kurikulum kita terutama Kementerian Pendidikan dan juga Sumber Manusia dan juga Pengajian Tinggi ini harus memberi penekanan yang sungguh-sungguh terhadap kemahiran berfikir. Terima kasih banyak kepada anak-anak yang turut serta ini, setidaknya di sini boleh kita lihat di mana Ahli-ahli Parlimen kita mengungkapkan pemikiran mereka. [Ditujukan kepada murid-murid di galeri awam] Harapan kita supaya ungkapan-ungkapan ini adalah ungkapan yang bersifat kritis, yang bersifat kritikal, yang bersifat *probing*, dan pemerhatian anak-anak kita ini adalah sesuatu yang cukup baik bagi mereka. Terima kasih di atas kehadiran anak-anak kita ini.

Dan, di sinilah saya menganggap, saya meletak harapan supaya kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif memberi penekanan yang begitu serius sekali, mendapat penekanan yang begitu serius sekali di kalangan guru-guru dan pendidik dan juga di kementerian kita ini. Sebab karam kita hidup dalam dunia ataupun dalam planet *thinking*, *the thinking planet*, *brain cell* kita ini hendaklah sentiasa diaktifkan supaya kita dapat berdepan dengan pelbagai cabaran, dengan pelbagai ancaman, dengan pelbagai gelora globalisasi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT**

2.52 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua,

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam ini dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

2.56 ptg.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh, selamat sejahtera masyarakat Islam Hadhari. Rakan-rakan saya dan sahabat saya dari pembangkang nescaya mereka restu apabila saya menyebut masyarakat Islam hadhari.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Yang Berhormat bagi Seputeh juga setuju. Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mengambil peluang keemasan ini untuk membincang semasak-semasaknya Anggaran Belanjawan Mengurus (Tamb.) (Bil.1) 2005 dan saya akan bersetuju dengan belanjawan ini. Sebelum itu saya akan menyampaikan beberapa pandangan terutamanya ialah yang paling besar mengenai dengan Kementerian Pelajaran. Saya ingin tahu apakah sekolah bestari dan juga penyediaan komputer kepada sekolah-sekolah ini mengikut kaedah ataupun mengikut sesetengah sekolah tidak menggunakan sepenuh komputer tetapi komputernya ialah diperuntukkan begitu besar, oleh sebab dalam Islam kalau kita balik kepada masyarakat Islam Hadhari pembaziran itu adalah satu benda yang dikutuk oleh Allah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta penjelasan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Yang kedua, ialah belia dan sukan...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Boleh minta penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Ya, kena beri kepada orang tua, tidak boleh ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat menyedari bahawa bajet tambahan ini sama ada kita setuju atau tidak sudah dipakai. Ini bermakna kita ini seperti melukut di tepi gantang, ada tidak lebih dan tidak ada tidak pula kurang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Itulah dari segi masyarakat hadhari, erti masyarakat moden, dia boleh belanja mengikut peraturan walaupun duit belum ada dia sudah belanja sudah. *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Oh! ini bahasa hadharilah.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Cuma satunya ialah jangan kita cuba keluarkan LO sebelum waran sampai, itu sahaja kena jaga tetapi bagi saya Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya baru setahun jagung dalam politik, saya tahu bagaimana kaedah-kaedah peraturan dalam hal-hal arahan pentadbiran kewangan ini. Arahan perbendaharaan juga peraturan-peraturan mesti dipatuhi, iaitu selain daripada undang-undang, peraturan, *circular*, pekeliling mesti dipatuhi. Bagi kita yang politik ini Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak tunggu kaedah itu dalam buku yang macam itu tidak guna pemikiran kita yang waras kita akan menghadapi masalah risiko yang tenat dengan rakyat. Minta maaflah timbalan menteri ada di sini.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Pasal Islam Hadhari.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Allah Yang Berhormat bagi Pasir Mas, rasa-rasa macam tidak mahu beri, tetapi berilah, berilah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Daripada mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pasir Puteh saya mendengar sekejap tadi di mana ada istilah baru iaitu masyarakat Islam Hadhari. Saya tidak tahu sebenarnya bila istilah ini diperkenalkan, yang saya tahu iaitu Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tiba-tiba sekali gus Yang Berhormat bagi Pasir Puteh ini berani menonjolkan masyarakat Islam Hadhari. Saya minta definisi di antara masyarakat Islam Hadhari dengan Islam Hadhari dengan sejelas-jelasnya supaya masyarakat kita tidak timbul keraguan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih abang saya Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Walaupun beliau di Kelantan kerajaan saya pembangkang tetapi di sini dia pembangkang saya kerajaan. *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]* Jadi saya akan jawab Islam Hadhari, hadhari itu hadir ertinya semasa zaman ini, zaman nabi sudah hadhari sudah, zaman Khalifah Ar Rasyidin, sahabat-sahabat masa itu sudah hadhari sudah tetapi pada masa itu cukup maju. Tetapi selepas 400 tahun lebih kita dijajah, tujuh raksasa menjajah kita, kita jadi lemah. Masa Abasiyah masih moden lagi, Umaiyyah masih kuat lagi tetapi pada zaman kita masa itu dijajah kemudian kita lemah sebab itulah Yang Amat Berhormat atas kebijaksanaan dia, era dia, dia balikkan Islam Hadhari ini, maka saya menamakan masyarakat itu ialah yang hendak dimajukan masyarakat bukan Islam. Ustaz Wan ini lebih faham, dia belajar pun di Timur Tengah, kaedah pun dia faham.

Jadi yang hendak majukan ini ialah masyarakat, bukan Islam. Sebab itulah hari ini parti pembangkang kata, Islam ada satu lagi, dahulu sudah ada Islam, ada satu lagi bawa Islam baru, mazhab baru, ajaran baru. Sebenarnya kerana kita keliru apabila kita kata hendak majukan masyarakat ini baru dia terima Islam Hadhari. Itu kebijaksanaannya buat pemikiran itu. Saya bawa dalam Dewan ini hendak supaya semua terima, parti pembangkang pun terima, masyarakat Islam Hadhari, ada yang hendak lagi? *[Dewan menjadi riuh seketika]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya rasa selesai Tuan Yang di-Pertua kerana sahabat saya lulusan dari Timur Tengah dan dia dapat menjawab dengan sebaik-baiknya. Saya boleh setuju Tuan Yang di-Pertua apabila istilah ini yang disebut dengan masyarakat hadhari - masyarakat maju boleh kita terima tetapi apabila kita kata Islam maju, maknanya Islam ini yang dibawa oleh Rasulullah itu Islam tidak maju kerana apabila disebut Islam Hadhari ada 'Islam Badawi' *[Disampuk]* Nanti dahulu.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya hendak bincang dengan sahabat saya. Bila sebut Islam Hadhari sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, di sana ada 'Islam Badawi' bukan 'Islam Badwi' bukan, 'Islam Badawi' kalau 'Badwi' itu...

Seorang Ahli: Orang kampung!

Tuan Haji Ismail bin Noh: ... orang kampung. Badawi, 'Islam Badawi', maknanya ada *oppositenya* bila kita sebut Islam Hadhari, 'Islam Badawi', maknanya Islam yang kita bawa ini ialah Islam Hadhari, Islam maju, Islam Tamadun, maknanya Islam lama itu Islam tidak tamadun. Tetapi kalau kita kata masyarakat tamadun tidak ada apa, barangkali ada satu ketika masyarakat yang tidak tamadun. Ada, saya boleh bersetuju yang masyarakat tamadun, tetapi kalau Islam tamadun sekarang ini bermakna Islam dahulu tidak bertamadun. Ini kita mesti memahami walaupun ia istilah memberi suatu pengertian kerana itulah ada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana ada istilah memberi satu petunjuk kepada makna yang lebih realiti dan relevan. Apa pendapat Yang Berhormat?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Itu yang saya tunggu-tunggu lama. Saya setahun lebih angka sumpah, orang lain semua sudah. Yang Berhormat angkat sumpah lama sudah. Jadi saya tidak dengar lagi perkataan yang setuju, hari ini saya terima, dia setuju masyarakat Islam Hadhari. Sebenarnya saya dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kecil Islam Hadhari *Backbenchers*, maka saya ada idea untuk melahirkan idea tadi dengan namakan masyarakat Islam Hadhari tetapi dalam tajuk besarnya Islam Hadhari.

Maka tidak ada kekeliruan yang timbul 'Islam Badawi', Islam Hadhari ataupun Islam sekerat hari, Islam mazhab baru, Islam baru, sudah tidak timbul, maka kita tutup cerita Tuan Yang di-Pertua hari ini.

Kita gelarkan masyarakat Islam Hadhari ini ialah yang ditonjolkan oleh kerajaan satu agenda kerajaan untuk memperhebatkan deklamasi kita dalam soal Islam Hadhari. Maka rakan-rakan daripada parti pembangkang khususnya daripada DAP pun, Yang Berhormat bagi Seputeh tidak usahlah lawan saya lagi bab-bab ini. Kalau lawan pun tidak menang sudah sebab Yang Berhormat tidak faham bahasa Arab. Saya boleh bahasa Arab, saya boleh bahasa Inggeris, saya boleh Hindustan, saya boleh Jepun, saya boleh Siam.

Tuan Haji Ismail bin Noh: [Bangun]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Tidak bagi peluang dahululah fasal masa tidak ada. 10 minit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Itu hal Kementerian Pendidikan saya ulang balik. Tengok balik apakah komputer yang kita bekal itu benar-benar manfaat kepada pembelajaran dan pengajaran. Kita kalau tidak, *revise* semula. Dan kita tengok bilik-bilik makmal itu berfungsi ataupun tidak, ini yang kedua.

Yang ketiga ialah saya hendak sebut di sini ialah Kementerian Kerja Raya ada buat tambahan. Saya hendak supaya jalan-jalan naik taraf, hendak tampung jalan, hendak tar semula ini kalau boleh sebelum raya ini. Saya tengok Pasir Puteh teruk, Yang Berhormat Pasir Mas. Bukan PAS tidak hendak buat jalan, PAS tidak ada duit, dia cerita kepada saya. Dia ada nafsu hendak buat jalan tetapi duit banyak tidak ada untuk bayar gaji, minta maaf Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Saya minta supaya tar segera jalan-jalan yang teruk, beri *priority*.

Saya setuju pada Sabah tadi, beri *priority* kepada Sabah Sarawak, beri *priority* kepada Kelantan. Johor sudah maju apa, berhentilah dahulu. Ambil kaedah kalau tidak tahu kaedah ambil kaedah. [Menyebut dalam bahasa Arab] Yusof Qardawi, mana yang perlu di dahulukan, dahulukan, mana yang kemudian di kemudikan. Setuju tidak?

Beberapa Ahli: Setuju.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Jangan hak yang kemudian didahulukan. Beri hak kemudian didahulukan kerana dia kepentingan. [Membaca sepotong ayat al-Quran] Maknanya kerajaan membuat satu kerja ini benda yang besar dia tengok, yang

global, jangan fikir sempit dalam skop yang dalam tempurung. Ini cara saya, bukan hendak mengajar minta maaf. Kemudian Kementerian Belia dan Sukan...

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Hendak sokong? Allah, hendak lagi, kena bagi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, saya bersetuju dan mengalu-alukan sebarang sumbangan daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Kelantan, khususnya pembesaran jalan kerana saya tahu bahawa cukai jalan tidak kira parti, tidak kira PAS atau UMNO. PAS pun kena juga cukai dan UMNO pun kena juga cukai dan pengguna jalan raya ini tidak terlibat dengan parti. Tok Guru Nik Aziz pernah sebut bahawa tidak ada apa-apa pun. Kita memerintah, Kerajaan Pusat bagi duit, senang. Kerajaan Pusat bagi duit ke Kelantan, yang memerintah negeri Kelantan adalah PAS, bila-bila pun tidak apa dan kita pakai dasar ini, insya-Allah. Dan saya rasa dan saya setuju pandangan Yang Berhormat iaitu minta kepada kerajaan supaya mengutamakan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sekejap tadi.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa senang hati sekali lagi. Kerana hari inilah saya dengar Yang Berhormat bagi Pasir Mas menyatakan bahawa sokongan penuh peruntukan Kerajaan Persekutuan yang selama ini Kerajaan Persekutuan sudah bagi banyak sudah tetapi tidak berapa bersungguh, dia kata ini hak negeri. Sekarang tidak timbul sudah. Hak Persekutuan, Persekutuan, hak negeri, negeri tetapi membantu negeri walaupun negeri Kelantan itu satu-satu negeri yang membangkang. Betul tidak?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Allah, sebelah jiran, tidak boleh buat apalah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jiran saya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Cuma hendak tanya satu sebab sudah sebut tadi. Agaknya kalau kita bergantung 100% kepada bayaran daripada *road tax* ini, maknanya kita kumpulkan duit *road tax* semata-mata dan tanpa pengurusan yang baik kepada ekonomi Kerajaan Malaysia, agaknya Kerajaan Malaysia mampu atau tidak bina jalanraya dan sebagainya. Terima kasih.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Tidak cukup, Yang Berhormat bagi Ledang. Ikut mana pun kita kerajaan atas kebijaksanaan mencari, mengumpul wang ini kalau kita tengok hari ini berapa bilion kita hendak lulus ini? Saya ingat-ingat ratus bilion pula ini dalam belanjawan hendak bincang akan datang ini, hak ini tambahan sahaja. Jadi kalau harap kepada *road tax*, harap kepada *tax* ataupun cukai-cukai kepala bakul sahaja, saya rasa enam bulan kita boleh bayar gaji. Bagaimana Yang Berhormat Pasir Mas, bagaimana Yang Berhormat Rantau Panjang, boleh enam bulan bayar gaji di negeri Kelantanlah, jangan banding Malaysia ini, untuk Kelantan dikutip.

Saya faham walaupun saya tidak ambil bab ekonomi secara terus menerus tetapi saya ambil satu bab ekonomi di Al-Azhar dahulu. Belajar ekonomi antarabangsa bagaimana hendak mengumpulkan wang, bagaimana kerajaan hendak belanja dia tidak ada duit. Negara kalau dia tidak berhutang itu tidak nama negara. Dia berhutang tetapi dia berhutang barang, dia tukarlah minyak hantar pergi. Sebab itu kalau kita faham soal minyak naik ini, tidak timbul sudah, Tuan Yang di-Pertua, tetapi dia dok main isu-isu minyak naik kerana Pak Lah memerintah. Siapa memerintah pun naik minyak dalam era global. Ini bukan kita menentu dunia, bagaimana? Dunia menentukan harga minyak. Minyak kita cari gali sendiri ini betul tetapi minyak kita minyak yang *class* paling tinggi, ha itu dia. Kalau pakai kepada kereta kita meletup. *[Ketawa]* Dia kena pakai kapal terbang. *[Ketawa]* Ini cerita ini hendak suruh faham.

Minyak kita di Malaysia ini kalau kita pakai kepada kereta-kereta kita, dia akan meletup dengan kita-kita, maka kita jual kepada dunia dengan harga yang mahal, subsidi kepada minyak kereta, ambil minyak daripada Saudi kerana minyak dia tidak berapa molek. *[Ketawa]* pakai ke kereta. Jangan dengar, Saudi marah. Tetapi untuk keretanya, minyak

daripada Arab kita beli, subsidi, Maka hari ini jangan kita kata minyak di Malaysia diesel mahal atau tidak, banding negara jiran, kita lebih murah kecuali Brunei. Brunei itu fasal dia tidak ramai. Jadi antara negara-negara lain, kita lebih murah sebab itu minyak kita dok selalu habis, kita jual kerana hendak ambil untung berniaga atas angin.

Jadi sebab itulah saya minta supaya penguat kuasa tangkap mana-mana ada di Kuala Besut, Tok Bali di kawasan saya, tangkap kalau dia buat tidak betul, kalau dok isi minyak hantar ke Thailand, tangkap.

Dan di sempadan-sempadan Golok, sempadan Rantau Panjang mari dok isi banyak sangat itu, tolong tengok. Jangan dua, tiga kali mari dok isi *full tank*, *full tank* dia buat *double tank* macam mana? *Double tank* minyak, dia isi satu *tank* tetapi pergi kepada *tank* lain, gi balik jual di sana. Itu contoh sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Ada sedikit sahaja hendak gulung. Jadi sebab saya hendak minta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tadi Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini cukup-cukup penting bagi saya di Kelantan. Saya minta maaflah, Yang Berhormat Menteri saya sudah gosok belakang. Saya hendak tengok beberapa jalan yang teruk-teruk, sebelum raya ini comel sebab kalau kita minta tambahan ini sebenarnya peruntukan saya sudah minta supaya kita tidak "pilih bulu", negeri Kelantan negeri yang satu-satunya dalam Malaysia yang diperintah oleh pembangkang, kita terima kasihlah. Kalau tidak ada pembangkang pun kita mengantuk juga. Ada pembangkang ini kita segar sedikit. Bagi saya dia bangkang hak tidak betul. Hak betul jangan bangkang lah tetapi DAP hak betul pun dia bangkang juga.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Ada hak tidak betul, hak betul, hak tidak betul itu comellah dia bangkang tetapi hak betul pun dia bangkang juga. Bagi Yang Berhormat bagi Seputeh. Bagi seminit kepada Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hanya hendak minta Yang Berhormat bagi Pasir Puteh berikan contoh dan juga bukti, perkara apakah yang mana tidak patut bangkang tetapi DAP bangkang. Adakah ini termasuk isu AP, isu tentang RM38 bilion ringgit, tol yang diberi kepada itu *toll operator*, adakah ini semua tidak patut bangkang?

Tuan Chow Kon Yeow: [Bangun]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Yang Berhormat bagi Tanjong dok diam dahulu. Comel soalan dia. Dia pun orang comel [Ketawa] tetapi orang rumah saya tanya masa pergi Australia, pergi New Zealand dia kata siapa dalam gambar? Saya kata, Yang Berhormat bagi Seputeh, dia belum ada suami tetapi dia bagus. [Ketawa] Bab AP tidak masuk dalam cerita ini sebab isu UMNO, UMNO akan selesai dalaman.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Tidak, nanti dahulu, nanti hendak jawab. Bab AP ini betul dibangkit tadi tetapi isu ini akan diselesai oleh UMNO, oleh kerajaan. Tetapi saya hendak ceritanya hak saya bawa tempoh hari, Saya kata Malaysia sebuah negara Islam contoh, Ketua Pembangkang bangun lawan dengan saya. Sebenarnya kerana dia silap faham tentang pagar dia. Pagar dia, dia seorang yang orang katakan veteran dalam *common law*, saya *Islamic law*. Apabila saya bercakap *Islamic law*, dia bawa kepada *common law*, dia sudah lari. Maka dalam *Islamic law* apabila kerajaan mengatakan Malaysia sebuah negara Islam, *automatically* tidak ada orang boleh bangkang sudah, Malaysia sebuah negara Islam. Boleh terima tidak itu?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Tetapi dia bangkang sampai-sampai habis.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Mintak penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh tentang kenyataan dibuat oleh Bapa

Kemerdekaan Malaysia, Tunku Abdul Rahman yang pernah berkata bahawa Malaysia bukan sebuah negara Islam. Jadi kalau kita rujuk kepada Perlembagaan Persekutuan kita yang Islam ini hanya adalah agama rasmi negara sahaja. Jadi bila Ketua Pembangkang kata negara kita bukanlah negara Islam, dia memang tidak salah, yang salah adalah pihak UMNO seperti Yang Berhormat bagi Pasir Puteh yang cuba putar belitkan status sebenar negara kita.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik, baik.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Mahkamah itu bukan dia kata tidak negara Islam. Saya baca *statement* dalam bahasa Orang Putih, saya faham bahasa Orang Putih. Saya buka kamus tempat-tempat yang tidak faham itu. Dia sebenarnya dia bercakap itu adalah dalam *common law*, dia kata Malaysia sebuah negara sekular, dia tidak kata bukan negara Islam, *what is secular?* Sekular Islam tidak tentang. Yang kita tentang ialah sekularisme, materialisme, kerana memisahkan antara agama, gereja dengan pentadbiran, memisahkan masjid dengan pentadbiran, memisahkan pejabat agama dengan pentadbiran, kita akan tolak. *It is a wrong way*, dak? Yang *right way*nya saya hendak cerita ialah sekular boleh pakai, materialisme boleh pakai, bagaimana ustaz, setuju tidak, ke hendak bangun? [Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Pasir Mas]

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Ustaz tidak bangun itu setujulah itu. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Jadi kalau PAS dengan DAP sudah bersatu, boleh terimalah pandangan saya tadi. Tidakkah DAP tidak terima, PAS terima? Jadi saya hendak katakan bahawa dalam buku itu Tun Salleh Abas dia kata supaya hendak bawa dalam Mahkamah Syariah, tidak boleh putus dalam Mahkamah Sivil. Dia kata tidak boleh *because* kita adalah negara sekular. Itu kisahnya, bukan dia kata bukan negara Islam, betul tidak. Sabah sokong, cukuplah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit lagi kalau boleh kementerian yang paling pentingnya ialah yang saya sebut tadi luar bandar, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pelajaran kemudian Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Saya hendak mintalah supaya Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ini supaya betul-betullah di Sabah, Sarawak termasuk Kelantan. Saya, api empat kali sehari mati. Saya tidak tahu apa sebab, "*I don't know*", kata orang putih dengan izin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Orang tanya saya, I kata, "*I fail that*". Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya kata, "*I fail that*". Saya kata inilah, mintalah supaya kita perbaiki, dalam Islam Hadhari ini kita hendak memajukan api air, tanah, angin, biarlah betul berjalan. Kalau tidak betul tanah, air, api, angin kita tidak boleh hidup, itu sahaja. Ini hendak bagi sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Masa cukup belum?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

3.12 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengambil bahagian sedikit dalam perbahasan ini, iaitu berkenaan dengan FELCRA yang berada di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar

dan Wilayah. Perkara yang saya hendak sebutkan di sini ialah perkara lama. Walau bagaimanapun, oleh kerana perkara ini masih lagi tidak selesai, maka perlu saya persoalankan kembali perkara ini. Masalah KESEDAR hampir-hampir selesai perundingan antara kerajaan negeri dengan pihak KESEDAR, dan saya berterima kasih di atas penghormatan yang diberi kepada kerajaan negeri bagi mengusahakan tanah di bawah KESEDAR. Tetapi apa yang persoalankan di sini ialah masalah FELCRA. Masalah FELCRA ini berlanjutan. Perundingan demi perundingan di antara Kerajaan Negeri Kelantan khususnya dengan pihak FELCRA.

Barangkali di lain-lain negeri masalah FELCRA juga masih belum selesai, dan saya minta supaya Menteri memberi sedikit jawapan kepada saya berapa banyak tanah yang diusahakan oleh FELCRA di seluruh Malaysia ini? Kalau boleh mengikut negeri-negeri dan di Kelantan sendiri berapa banyak yang telah diterokai dan berapa banyak yang telah ada dalamnya dan berapa banyak lagi, berapa luas lagi tanah yang diterokai oleh FELCRA yang tidak mempunyai peneroka-peneroka di dalamnya?

Saya dimaklumkan juga ada peruntukan di bawah PPRT 5 tahun lepas, saya telah sebut di Parlimen ini di mana FELCRA menjadi *lead agency* kepada peruntukan PPRT sebanyak RM2 juta berada di Jajahan Pasir Mas. Sehingga sekarang ini pihak FELCRA masih lagi tidak mencairkan wang tersebut dan pihak Pejabat Tanah Jajahan Pasir Mas telah pun peruntukan (*reserve*) tanah beberapa kali untuk dimasukkan peneroka-peneroka di dalam rancangan yang khusus diberi kepada PRT ini, tetapi wang yang RM2 juta itu masih dcairkan.

Saya minta penjelasan dari pihak Menteri ini supaya mendapat makluman yang jelas bagaimana duit peruntukan RM2 juta ini tidak digunakan. Saya bimbang takut berlaku seperti apa yang telah berlaku kepada bekas menteri dahulu iaitu Anwar Musa dahulu, Ahli Parlimen yang menjadi menteri berkaitan dengan ini, di mana penyelewengan telah berlaku dan sehingga sekarang ini pihak kerajaan masih lagi tidak dapat menyelesaikan bagaimana penyelewengan itu berlaku, dan beliau masih bergerak dengan cergas lagi. Saya dimaklumkan syarikat yang mengusahakan projek ikan di Bukit Sireh Kuala Krai itu, sebenarnya nama isteri beliau menjadi salah seorang Ahli Lembaga Pengarah tersebut dan pihak BPR masih lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bagi Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Sedikit sahaja hendak sokong. Ada penting, takut lupa.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya minta supaya pihak BPR menjalankan penyiasatan terus di atas perkara ini, oleh kerana saya dimaklumkan oleh pihak tertentu mengatakan, saksi utama di dalam kes ini mendapat kerakyatan Thailand sekarang ini, dan saya minta pihak kerajaan berusaha untuk mendapatkan orang yang bertanggungjawab yang menjadi saksi utama, yang telah melarikan diri ke sana, yang telah dilindungi oleh Kerajaan Thai bagi menutup kes BPR terhadap penyelewengan yang berlaku projek di Bukit Sireh tersebut.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Kita hendak macam inilah berterus terang. Jadi, satunya bukan lagi di bawah FELCRA, PPRT ini kita letak balik di bawah JPPK. Pasir Puteh pun belum dapat lagi, sabar dahululah. Sebab itu kita tidak pilih bulu, kita bagi ini orang miskin, tidak pilih bulu Tuan Yang di-Pertua. Soal PPRT, bukan menteri, wakil menteri. Jadi jangan buat pertuduhan dahulu, yang cerita Yang Berhormat Dato' Anwar Musa pasal dia sebagai Pengerusi Perhubungan Kelantan, kita tengok apa yang kalau betul, salah atau tidak salah kita jangan hukum sebelum mahkamah hukum. Buat siasatan, pertuduhan mahkamah banyak lagi *step*. Jadi kalau tidak betul, tidak ada timbul apa-apa kita senyap dahulu, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, saya memohon kepada pihak Kerajaan Pusat – khususnya BPR ini supaya meneruskan siasatan terhadap peristiwa yang berlaku, skandal yang berlaku di Bukit Sireh Kuala Krai dan kalau sekiranya pihak kerajaan menutup, oleh kerana orang yang bertanggungjawab ini sekarang sudah menjadi Ketua Perhubungan UMNO amatlah tidak adil perkara ini ditutup dengan begitu sahaja. Jadi saya berharap perkara ini akan diteruskan, dan berkenaan dengan FELCRA

lagi, oleh kerana Timbalan Menteri yang berkaitan ini ialah orang Kelantan, saya minta supaya satu penyasatan rapi dibuat oleh pihak kerajaan terhadap penyelewengan yang berlaku dan tiga FELCRA yang berada di dalam Jajahan Pasir Mas, iaitu FELCRA Gual Tambun, FELCRA Gual Dalam dan FELCRA Bukit Tanduk.

Saya minta pihak Menteri bagi sedikit penjelasan, sejauh manakah kedudukan perundingan atau penyasatan dilakukan bagi mendapat sedikit penjelasan berkaitan dengan hasil yang diperolehi oleh FELCRA ini, yang telah menanam kelapa sawit dan telah pun dapat hasil selama lima belas tahun, tetapi hasilnya tidak jatuh ke tangan rakyat, pada pengukur atau tuan tanah asal pun tidak diberi. Jadi saya harap hasil-hasil ini dapat dikesan, di manakah wang ini berada sekarang ini? Kalau sekiranya wang ini ada, maka pihak kerajaan hendaklah berusaha supaya memberi kepada mereka yang berhak dalam rancangan tersebut. Kalau sekiranya pihak kerajaan gagal, untuk memasuki peneroka-peneroka tanah ini, saya mengharapkan supaya kerajaan negeri mengambil balik FELCRA, terutama sekali FELCRA Gual Tambun yang telah mendapat hasil begitu lama, tetapi pihak FELCRA sendiri tidak berjaya ataupun gagal untuk memberikan nama-nama peneroka ataupun nama mereka yang sepatutnya dimasukkan sebagai peneroka di dalam kawasan tersebut. Ini berkenaan dengan FELCRA.

Saya berterima kasih kepada sahabat saya berkaitan dengan air tadi, sahabat dari Tanah Merah yang bercakap dengan sedih kerana kedudukan air di Kelantan masih lagi ada tidak bersih kononnya. Saya hendak maklumkan di sini walaupun saya bukan kerajaan, tetapi saya hendak maklumkan supaya Ahli Parlimen Tanah Merah itu mengerti sedikit, bahawasanya Kerajaan Pusat telah pun memberi pinjaman kerajaan negeri dan kerajaan negeri sedang membuat loji-loji air, tengah berusaha sekarang ini. Saya dimaklumkan beliau adalah seorang *engineer* patut mengetahui sejauh mana kedudukan, untuk membina loji ini bukan buat satu hari boleh siap, walaupun beberapa loji sudah siap sekarang ini, saya ingat loji di Kubang Kerian, di Panji dan sebagainya. Tetapi di Tanah Merah loji untuk membersihkan air sedang dibuat, barangkali kerana gelojoh ataupun oleh kerana beliau ini berasa hendak ambil hati rakyat, maka dia menggunakan provokasi melalui surat khabar ambil gambar bersama-sama, ini satu keadaan yang tidak cerdik bagi saya, kalau tidak mengetahui keadaan ini. Saya tidak kata, "bodoh", tetapi tidak berapa cerdik. Orang boleh menilai, air sekarang ini bukan sahaja Kelantan menjadi masalah, negeri-negeri lain lebih teruk sekarang ini.

Ir. Shaari bin Hassan: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Masalah air Kelantan boleh dikatakan... kalau ada lagi cakap pasal air Kelantan, malu. Perkara ini berlaku tiga tahun dahulu....

Seorang Ahli: Bagi Yang Berhormat bagi Tanah Merah cakap dahulu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: .. tetapi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya hendak masuk dahulu. Jadi masalah air Kelantan ini kalau hendak banding negara lain boleh dikatakan media massa pun tidak boleh sekarang ini, kerana negeri lain lebih teruk daripada Kelantan sekarang ini. Semua orang mengetahui Kerajaan Kelantan sekarang sedang berusaha sedaya-upaya dan melalui kontraktor-kontraktor berpengalaman sedang berusaha untuk mendapatkan bekalan air yang baik ini.

Yang kedua ialah berkenaan dengan projek sekolah. Saya terkejut apabila kerajaan meluluskan RM150 juta untuk membayar hutang 50 buah sekolah yang telah siap lama dah. Maknanya selama ini Ahli-ahli Parlimen menyuarakan pandangan mengatakan kontraktor sedang berada dalam keadaan yang teruk sekarang ini kerana pihak kerajaan tidak membayar hutang walaupun pembinaan sekolah telah siap. Dulu menteri senyap sahaja. Barangkali waktu itu menteri tidak boleh atau tidak mahu mengaku bahawa kerajaan tidak mempunyai wang untuk membayar hutang kontraktor tersebut. Tetapi sekarang ini, baru terdedah kepada kita kerajaan telah memperuntukkan peruntukan-peruntukan sebanyak RM150 juta untuk membayar hutang kepada kontraktor-kontraktor

yang telah membina 50 buah sekolah yang telah siap lama. Saya berterima kasih kepada Menteri Kewangan di depan ini kerana telah memperuntukkan duit yang begitu banyak, insya-Allah kontraktor-kontraktor yang menderita selama ini, khususnya kontraktor UMNO yang ada kereta S kelas telah pun ditarik orang, boleh beli yang baru, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tanah Merah.

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Rantau Panjang. Kita berbahasa, kalaulah sahabat kita itu menuduh kita macam-macam, kita tidak cerdik, macam mana kalau tidak cerdik saya mendapat ijazah, dapat berada dalam Dewan ini. [Ketawa] Saya rasa tidak tepat, minta Rantau Panjang tarik baliklah, pasal apa yang saya katakan tadi adalah kebenaran. Saya ada bukti dan kalaulah...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Ir. Shaari bin Hassan: ..projek-projek yang menaik taraf bekalan air, loji air dan sebagainya dalam pembinaan, itu saya tahu, kenapa cakap saya tidak tahu, kerana ini salah, fakta yang diberi tidak betul. Negeri Kelantan sekarang ini mempunyai masalah tentang bekalan air bersih. Jadi kalaulah Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, walaupun sempadan dengan Golok, mungkin dia hendak menunjukkan dia ini 'gedebe'. Jadi sebenarnya tidak patutlah kita sama-sama untuk membangunkan rakyat negara ini. Terima kasih. [Ketawa]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasihlah. Kita janganlah menganggapkan ada ijazah, seorang *engineer*, kita cerdik dalam semua bidang. Apa yang saya sebut di sini tak cerdik dalam bab ni, sebab dalam menganalisis dalam membuat satu tinjauan mengenai bekalan air ini memang tak cerdik sebab media massa dah tutup cerita dah, lama dah. Menteri Kerja Raya dulu mengamuk, kondem Kelantan, kononnya kerajaan Kelantan tidak pandai mentadbir Kelantan, masalah air tak dapat, reti politik sahaja, lama dah cerita ni oleh Menteri Kerja Raya, tapi akhir sekali mengakui apabila negeri lain pun berada dalam keadaan yang sama, akhir sekali Kerajaan Persekutuan mengetahui keadaan itu, dia beri pinjaman kepada kerajaan negeri dan kerajaan negeri membuat sesuatu mengikut apa yang dikehendaki oleh Kerajaan Persekutuan, bukan buat begitu-begitu saja dengan peruntukan yang diberi, dengan pinjaman yang diberi.

Sebab itulah pihak kerajaan sendiri pun sekarang, terutama sekali menteri yang berkaitan pun tidak kondem banyak, kerana mereka melihat bahawa kerajaan Kelantan memang berusaha bersungguh-sungguh dan memberi kepada kontraktor yang berwajib untuk melaksanakan projek untuk mencari punca air bersih ini ataupun membersihkan loji-loji yang telah rosak.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Cukup, sekejap. Kesimpulannya saya minta sekali lagi kepada pihak kerajaan sewaktu kita meluluskan peruntukan ini, dan insya-Allah peruntukan ini akan diluluskan dalam masa yang pendek petang ini supaya semua ataupun sebahagian besar daripada apa yang kita luluskan ini digunakan, walaupun duit ini telah digunakan, tetapi hendaklah memantau balik sama ada peruntukan yang diberi ini digunakan dengan tepat atau tidak khususnya FELCRA. Kita perlukan peruntukan tambahan banyak RM112 juta untuk pinjaman, sedangkan peruntukan pinjaman RM112 juta ini sepatutnya pihak kerajaan cuba mencungkil wang yang begitu banyak dapat dari hasil kelapa sawit yang tidak diagihkan kepada peneroka berapa banyak. Sepatutnya digunakan wang itu dulu, tak perlu dipinjam banyak. Yang telah ada disorokkan, yang lain diminta pula dengan kerajaan. Ini tidak patut. Jadi saya minta sekali lagi kepada pihak kerajaan dalam kita meluluskan peruntukan ini, walaupun peruntukan telah digunakan supaya kita mengkaji balik, setiap peruntukan yang kita luluskan ini adalah hak rakyat maka rakyat perlu memerhatikan apa yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya hanya boleh membenarkan seorang lagi sahaja berucap di peringkat dasar ini, yang lain boleh buat di peringkat Jawatankuasa. Yang Berhormat Ledang.

3.28 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk juga berbahas di dalam meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2005. Saya hanya ingin menyorot tentang satu perkara iaitu Tabung Haji. Saya telah pun menerima maklumat dan tadi telah pun dapat pengesahan bahawa Tabung Haji Plantation yang di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri, Tabung Haji Plantation akan disenaraikan di BSKL. Satu persoalan yang rata-rata telah pun menjadi buah mulut di kalangan rakyat Islam terutama pendeposit-pendeposit dalam negara kita, untuk apa? Adakah untuk mencari aliran tunai tambahan atau untuk memberi peluang kepada orang luar, maksudnya bukan pendeposit melabur di dalam Tabung Haji Plantation atau untuk memberi peluang kepada Pengurus, Pengarah membeli saham di dalam Tabung Haji Plantation yang akan disenaraikan. Itu satu persoalan yang sebenarnya saya sendiri pun tidak boleh menjawab.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya ialah Tabung Haji Plantation, anak syarikat Tabung Haji, di mana Tabung Haji adalah kepunyaan orang ramai, kepunyaan pendeposit-pendeposit orang Islam yang ramai bilangannya tidak kurang dari 200,000 orang, mungkin lebih, mempunyai harta yang saya tidak dapat sebutkan di sini dan lebih membanggakan tetapi menjadi satu keuntungan kepada Tabung Haji Plantation, kebanyakan ladang-ladang kepunyaan Tabung Haji Plantation adalah anugerahkan daripada kerajaan-kerajaan negeri, di Johor dan sebagainya. Anugerah daripada kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai nilai yang sangat tinggi. Tiba-tiba Tuan Yang di-Pertua, Tabung Haji akan disenaraikan di BSKL yang akan memberi peluang kepada pihak lain, tidak kira siapapun untuk sama-sama melabur apabila Tabung Haji Plantation itu disenaraikan. Sedangkan tadi saya sebut ia adalah kepunyaan pendeposit-pendeposit. Saya yakin pendeposit-pendeposit Tabung Haji tidak rela sekiranya Tabung Haji Plantation ini, anak syarikat Tabung Haji ini disenaraikan atau diapungkan untuk melibatkan orang lain melabur di dalam Tabung Haji Plantation tersebut.

Ini adalah satu perkara pada saya memeranjatkan kita sebagai pendeposit, saya dan ramai rakan-rakan di sini juga pendeposit, Pasir Puteh, Katerah juga pendeposit, ramai, tiba-tiba kita hendak beri peluang kepada orang lain, sedangkan Tabung Haji mempunyai kewangan yang kukuh, kalaulah tujuannya untuk mencari aliran tunai, untuk mencari pelaburan tambahan, mencari cash yang berlebihan ia masih mampu. Sekadar untuk membesarkan operasi atau aktiviti plantation. Sekarang ini pun Tabung Haji Plantation tidak ada kilang kelapa sawit, kalau ada pun dua, tiga tidak cukup, mereka mungkin boleh bergabung dengan FELDA untuk menghasilkan *end product* atau hasil hiliran kepada aktiviti kelapa sawit. Jadi, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Adakah Yang Berhormat bimbang seperti mana yang berlaku kepada Syarikat Telekom Malaysia Berhad di mana 20% daripada sahamnya telah terlepas kepada syarikat daripada Singapura sekarang ini. Adakah Yang Berhormat bimbang seperti itu?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Saya rasa itu kes lain Rantau Panjang [Ketawa]. Saya rasa saya bercakap tentang Tabung Haji Plantation, semua orang bimbang jatuh kepada pihak-pihak yang tidak berkepentingan. Ini adalah keistimewaan kepada pendeposit-pendeposit. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya memohonlah supaya suara yang disampaikan kepada saya daripada orang ramai ini didengari dan ditimbang semula walaupun katanya hendak diapungkan pada bulan Disember ini supaya tidak jadi disenaraikan, supaya ia terus benar-benar menjadi hak mutlak pendeposit-pendeposit orang Islam dalam negara kita. Biarlah Tabung Haji dengan saiznya sendiri, tidak perlu mengambil risiko yang besar kerana akhirnya kalaulah ia menerima risiko yang besar apabila diapungkan, ia sudah pasti akan mewujudkan satu suasana yang membimbangkan. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat kita ada petang ini dan esok untuk berbahas dalam Jawatankuasa dan oleh sebab kita berurusan dalam ruang masa yang terhad, saya terpaksa menamatkan perbahasan di peringkat dasar ini. Oleh itu saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjawab.

3.30 ptg.

Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Pertama 2005 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2005 di Dewan yang mulia ini. Kerajaan sangat menghargai akan cadangan, pandangan, teguran yang telah diberi terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam rang undang-undang tersebut.

Terdapat pelbagai isu yang menyentuh dasar kerajaan yang telah dibangkitkan termasuklah Pelajaran, Kesihatan, Perkhidmatan, Utiliti, Kemudahan Asas, Perpaduan Ekonomi dan Perkhidmatan Awam. Insya-Allah saya akan menjawab dan memberi penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan yang menyentuh perbekalan tambahan yang dibentangkan ini. Bagi isu-isu khusus, ia akan diberi perhatian oleh rakan-rakan saya semasa perbahasan di peringkat Jawatankuasa kelak dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, suka saya mahukan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya akan diberi bagi menangani perkara tersebut.

Antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasaan ini ialah Yang Berhormat Ipoh Timor, Kinabatangan, Jerai, Tuaran, Tanjong, Beluran, Sri Gading, Tanah Merah, dan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang saya ingin bangkitkan ialah tentang *under declaration* isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan juga terpampang dalam *Berita Harian* dan *News Straits Times* pada pagi ini. Saya ingin meneruskan bahawa perkara yang disebutkan dalam *Berita Harian* dan *News Straits Times* pada pagi ini adalah tidak begitu tepat sebab laporan ini memetik Laporan Audit Negara, Ketua Audit Negara bagi tahun 2004. Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2004 belum dibentangkan, belum diumumkan dan belum dibentangkan di Parlimen dan saya difahamkan bahawa akan dibentangkan pada hari Jumaat ini.

Laporan yang disebut itu belum wujud, belum ada dan saya juga difahamkan dalam laporan tersebut perkara ini tidak dibangkitkan. Saya juga cuba mendapat sumber yang digunakan oleh surat khabar pagi ini dan saya diberitahu bahawa ini adalah sumbernya adalah *website* Jabatan Audit Negara dan melalui *website*, laporan ini ialah bagi tempoh Januari 2000 hingga bulan Jun 2001. Masalah yang ditimbulkan atau isu yang ditimbulkan adalah isu lama bagi tempoh khasnya Januari 2000 hingga bulan Jun 2001 dan memang wujud perkara ini dalam laporan bagi tempoh tersebut dan angka 27 juta juga disebut.

Saya ingin menjelaskan bahawa masalah *under declaration* telah pun diambil perhatian oleh kerajaan dan banyak langkah-langkah telah pun diwujudkan, telah pun diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah ini dan banyak perkara *under declaration* telah pun diselesaikan. Baru-baru ini kerajaan telah membentuk satu jawatankuasa di peringkat Kementerian Kewangan dan juga di peringkat Kastam satu jawatankuasa untuk meneliti perkara ini dan jawatankuasa tersebut telah pun menaikkan harga bagi kereta-kereta yang diimport.

Misalan Tuan Yang di-Pertua, misalan ada kereta XLK 20K dahulu yang harga yang diikrar dulu hanya RM47,000 dan kami jawatankuasa ini telah menaikkan harga untuk maksud cukai ke RM102,000 dan banyak misalan seperti ini. Masalah pokok tentang *under declaration* bagi CBU kereta baru telah pun diselesaikan dan juga memang kita mengakui bahawa ada sedikit *under declaration* mungkin bagi kereta-kereta lama (*second hand car*) dan kerajaan bercadang bahawa skop jawatankuasa yang diwujudkan ini diperluaskan untuk juga mengambil perhatian tentang ambil tindakan tentang kereta-kereta lama ataupun kereta-kereta baru yang diisytiharkan sebagai kereta-kereta lama.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, hari ini *News Straits Times* - *Custom made fraud Auditor General reports abuses in levy of important duties* yang ada sebut antara lain *customs officers gave discounts on duties to car importers in two states although they were eligible for the privilege. They also failed to follow procedures on the duties to be*

levied on used imported cars, causing the Government to lose millions of ringgit in revenue. The revelations were made by the Auditor General in his report on a agencies responsible for revenue collection for the Government dan di bawah ialah bahawa 2004 Auditor General Tan Sri Hadenan Abdul Jalil *in the 2004 report said the discounts and the orang yang terlibat orang daripada Kastam daripada luar.*

Ini 2004 *report*, saya percaya ini benar. Ini benar sungguhpun ini belum dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini selain daripada Yang Berhormat kata ini tidak benar. Tetapi kalau kata begitu apabila laporan yang dikeluarkan ini saya rasa benar ini pun tidak betul. Saya percaya ini benar saya percaya *News Straits Times* ada satu skop. Saya bukan kata ini kita mahu mencegah skop tetapi laporan ini patut di bentang dalam Dewan yang mulia ini. Ini sebenarnya mungkin timbul isu-isu *privilege* yang lain tetapi kita mahu tahu *since* dengan izin laporan ini sudah siap di mana *News Straits Times* itu boleh buat satu laporan kenapa laporan ini belum dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini *at the earliest opportunity*. Sekurang-kurangnya apabila laporan ini dikeluarkan hari ini laporan patut dibentangkan oleh jika ditanya kita ditanya bukan sahaja pemberita-pemberita, kita ditanya oleh orang ramai.

Mana itu laporan? Kenapa Ahli Parlimen belum terima? Saya harap boleh tahu saya tidak mahu kata *News Straits Times* tindakan perlu dibuat kita *encourage* skop *encourage investigator reporting* tetapi apa yang patut dibuat ialah Ahli-ahli Parlimen perlu diberi laporan *at the earliest opportunity*, prinsip itu perlu dipatuhi. Bila laporan itu boleh di bentang dalam Dewan yang mulia ini?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, tadi yang Berhormat Ipoh Timur masuk lambat sedikit saya dah beri penjelasan tetapi tidak apa [*Ketawa*]. Tidak mengapa. Tidak mengapa [*Dewan riuh*] Sebagai menghormati Yang Berhormat saya akan memberi penjelasan sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkas.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Sedikit, sedikit. Laporan 2004 akan dibentangkan dalam Parlimen pada hari Jumaat ini dan laporan yang dikeluarkan yang terpampang dalam surat khabar ini bukan dari Laporan Auditor General 2004. Laporan ini dipetik dari *website*. Saya dah cek dengan *News Straits Times* sendiri mereka mengakui bukan dari Laporan Auditor General 2004 yang masih belum wujud dan dalam laporan ini perkara ini tidak timbul.

Mereka telah memetik dari *website* Auditor General bagi tempoh Januari 2000 hingga bulan Jun 2001. Itu satu fakta disahkan oleh *News Straits Times* sendiri saya sendiri bercakap dengan *News Straits Times* minta sumber.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ini dari laporan yang lama tetapi saya tidak menafikan bahawa mungkin pada masa ini juga mungkin ada sedikit *under declaration* tetapi banyak perkara-perkara isu dengan *under declaration* kerajaan telah menyelesaikan dan kalau ada sedikit lagi tentang kereta terpakai kerajaan akan terus mengambil tindakan dengan meluaskan skop jawatankuasa yang telah wujud untuk juga mengambil tindakan tentang kereta-kereta yang terpakai.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang dalam memberi sebarang import, sebarang *concession*, sebarang permit, kerajaan memang berhasrat murni untuk memajukan rakyat, untuk memberi rakyat perniagaan. Kita memang harap bahawa rakyat yang diberi kemudahan ini, selain dari mendapat keuntungan akan juga membayar cukai. Banyak dari kita membayar cukai tetapi ada sedikit satu, dua. Tetapi kata pepatah, "*nila setitik rosak susu sebelanga*", ada setitik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tetapi, kita harap mereka lebih beramanah dan kerajaan memang akan mengambil langkah yang perlu untuk mengatasi masalah ini. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membentuk ...

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Pendang.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Okey.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak kaitkan di antara *under declaration* ini dengan sebuah pemberitahuan tentang penamatan import kenderaan disiasat. Apakah *under declaration* ini mempunyai jenama-jenama tertentu terhadap jenis-jenis kereta yang diimport, misalnya WALD yang diimport oleh *Amazing Tempo*, iaitu sebuah syarikat yang mengimport jenama WALD, pelbagai jenis kereta yang ditamatkan pengimportan jenama ini iaitu sebuah syarikat yang hanya membuat *tuning* iaitu 'penalaan' semula kereta-kereta daripada jenis bermacam-macamlah kereta ini, Volkswagen, Toyota, Honda. Apakah sebab *under declaration* yang menyebabkan WALD ini diberhentikan pengimportannya dan berapakah nilai jumlah kerugian yang ditanggung oleh kerajaan disebabkan oleh *under declaration* oleh kereta jenama WALD ini? Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, faktor untuk menamatkan import permit ada dua, tiga faktor dan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan mungkin *under declaration*, mungkin adalah satu antara banyak sebab. Mungkin sebab lain ialah mengimport kereta yang tidak dibenarkan, tidak masuk dalam permit yang diberi. Tetapi, perkara ini akan dijelaskan oleh kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang *supplementary bill* yang kita bincangkan ini. Banyak dari permintaan tambahan oleh kerajaan ialah untuk menanggung subsidi dan saya ingin menjelaskan bahawa subsidi untuk tahun ini dan juga kehilangan cukai untuk petrol, diesel telah meningkat sehingga RM16 bilion. Ini adalah satu faktor yang menyebabkan kerajaan meminta tambahan perbelanjaan. Subsidi yang 16, subsidi dengan kehilangan cukai...

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya terpenggil dengan kenyataan Tan Sri bahawa kerajaan terpaksa menanggung berbilion-bilion disebabkan kenaikan harga minyak dan subsidi oleh kerajaan. Sebab itulah, kita lebih *concern*. Apabila ini berlaku, maka kerajaan kena mencari *option* lain di mana kita melihat melalui cukai kereta import ini, kita mendapat pulangan yang banyak. Tetapi oleh sebab kita dipermainkan oleh orang dalam kita sendiri, kereta yang jenama baru seperti *Mercedes* baru tetapi dia punya penyertaan di bawah harga yang sebenarnya.

Jadi, ini sudah merupakan satu penipuan. Kalau ini, duit subsidi kepada rakyat, lagi baik sebab diperolehi oleh rakyat. Tetapi dimakan oleh orang-orang tertentu. Selain daripada tindakan, apakah kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan akan meminta syarikat-syarikat berkenaan mengganti, membayar balik wang *under declaration* itu supaya dipenuhi dan dipulangkan kepada kerajaan. Dalam tahun-tahun berapa, mereka kena membayar balik seharusnya yang mereka bayar sebab ini merugikan rakyat dan kerajaan. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, teguran itu adalah satu teguran yang baik dan kerajaan memang telah pun membentuk satu jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, mempengerusikan jawatankuasa ini dan juga dianggotai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat beberapa kali dan tidak lama lagi akan mengumumkan satu dasar yang akan juga melibatkan isu yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Ini kerajaan telah mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebut tadi, jumlah subsidi dan kehilangan cukai ialah RM16 bilion. Selain dari itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan beberapa tindakan untuk mengelakkan kenaikan harga pada masa terdekat dan juga telah mengumumkan cukai jalan kenderaan persendirian di bawah 1,000 c.c diturunkan kepada RM30, cukai jalan semasa kenderaan komersial dikurangkan sebanyak

25%, cukai jalan bas sekolah yang kini RM10 dikurangkan lagi, cukai jalan motosikal dikurangkan dan jaminan juga telah diberi bahawa tol bagi tahun ini dan tahun hadapan tidak akan meningkat. Tuan Yang di-Pertua,...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan, Tan Sri.

Tuan Yang di-Pertua: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tan Sri. Ini pasal *road tax* ini. Banyak, saya hendak mintalah kalau boleh, kementerian ataupun Yang Berhormat Tan Sri boleh timbang balik, teksi-teksi kita ini. Teksi-teksi kita ini, dia merungut banyak. La ini, *cost of maintenance* tinggi, *spare part* tinggi. Boleh atau tidak boleh la ini, kos cukai jalan mereka itu dimansuhkan untuk teksi supaya sekurang-kurangnya mereka mendapat subsidi daripada kerajaan, termasuklah teksi-teksi kampung yang *maintenance* dia cukup tinggi. Kadang-kadang tengok teksi kampung Tan Sri, memang teruk. Tetapi dok gagah berjalanlah, hendak *repair* duit tidak ada. Jadi dia orang minta, merayu supaya cukai jalan bagi teksi-teksi ini dimansuhkan. Jadi, itulah pandangan saya daripada orang-orang pemandu teksi Se Malaysia.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan menimbang cadangan tersebut.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sekali Jasir?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, Tan Sri Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat bagi Jerai mengatakan teksi. Sekarang ini harga diesel dengan harga petrol sudah tidak banyak beza. Tetapi *road tax* untuk kereta diesel masih tinggi lagi. Tidakkah kerajaan bercadang untuk menurunkan balik? Atas sikit lagi daripada petrol, okeylah itu. Jadi orang-orang kereta diesel macam saya ini, dapatlah sikit, Yang Berhormat. Pasal hari ini dua, tiga kali ganda daripada petrol, harga *road tax* diesel ini. Kalau dapat kementerian timbangkan supaya banyak lagi orang-orang kita selain daripada teksi, tetapi kenderaan diesel yang lain. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, *road tax* untuk diesel ialah empat kali ganda berbanding dengan petrol tetapi *road tax* untuk *green diesel* ataupun *environmental friendly diesel*, dengan izin, hanya dua kali ganda. Tetapi cadangan Yang Berhormat itu cadangan yang baik. Kita cuba agar dapat selesaikan masalah ini dan kita doalah kalau-kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan umumkan perkara ini dalam bajet pada hari Jumaat ini. Kita doa.

Tuan Tan Kok Wai: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya Cheras.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri. Bukankah ia mengelirukan dan satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab oleh pihak kerajaan dengan memberi jaminan tiada kenaikan tol bagi tahun ini dan tahun depan. Dengan pengetahuan semua, bahawa antara 20 konsesi lebuhraya-lebuhraya dan jabatan-jabatan yang diswastakan, selain daripada Jambatan Pulau Pinang yang layak dinaikkan tol tahun depan, kesemua yang lain telah menaikkan tol mereka, baik pun PLUS pada tahun yang lepas dan hanya layak semula pada tahun 2007 ataupun lebuhraya-lebuhraya yang lain ada yang akan menyemak semula kadar tol mereka pada tahun 2009 atau *beyondnya*.

Bukankah ini satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab kerana begitu terhad pengguna-pengguna jalan yang dapat menikmati jaminan ini walaupun jika Jambatan Pulau Pinang dikecualikan tol pada tahun depan.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja pada tahun 2005 dan tahun 2006 kerajaan telah membuat keputusan untuk menaikkan kadar tol tetapi sejak dahulu lagi beberapa kali rakyat telah membantah tentang kenaikan tol dan kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak menaikkan tol dan juga untuk menangguhkan tarikh kuat kuasa akan kenaikan tol.

Seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang dalam Dewan ini, ada angka yang menunjukkan RM38 bilion ialah kos yang ditanggung oleh kerajaan kerana kerajaan tidak mahu rakyat dibebankan dengan kenaikan itu tetapi ini memang satu angka yang tidak begitu tepat sebab dari segi *cash* yang dibayar kepada *concessionaire* hanyalah RM1.4 bilion dan selain dari itu RM2.7 bilion di *set off* dari segi memanjangkan tempoh konsesi di *set off*.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Krai.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada sedikit sahaja kerana ditanya oleh rakyat sebilangan besar di kawasan saya. Dia kata, "Kita terima kasih banyak kepada pihak kerajaan yang telah menurunkan *road tax* tetapi mengapa pula Yang Berhormat, peningkatan insurans terlampau tinggi. Kita kereta banyak tetapi insurans pula yang tinggi". Ini tidak dapat hendak saya jelaskan. *Road tax* bagi kereta Kancil RM30 manakala insurans RM1,000. Jadi macam mana kita hendak terangkan kepada rakyat yang mana insurans terlampau tinggi manakala *road tax* itu dia berterima kasih. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, insurans ini diuruskan oleh syarikat swasta dan dari segi cukai jalan (*road tax*) itu dalam bidang kuasa kerajaan, kerajaan boleh menetapkan dan boleh mengurangkan tetapi insurans ini diuruskan oleh syarikat swasta. Walau bagaimanapun, kita akan bincang dengan Bank Negara Malaysia yang menjadi badan kawal selia untuk syarikat-syarikat insurans untuk mengkaji perkara ini.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Sebab pihak ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang tertarik dengan jawapan Yang Berhormat tadi. Sebenarnya rakyat memang menyambut baik apabila cukai jalan itu dikurangkan, bas sekolah daripada RM10 dikurangkan sampai RM2. Dari segi peraturan memang banyak yang diturunkan tetapi apa yang saya hendak mengutarakan di sini, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah faktor yang mendorong kerajaan mempunyai anggapan bahawa mereka yang menggunakan c.c. 1600 ke atas itu adalah orang kaya.

Saya mengambil satu contoh, kalau orang hendak beli kereta baru 1.6 liter harganya mungkin RM85,000 tetapi bagi mereka yang golongan sederhana dia membeli *masterpiece* kereta Mercedes RM30,000 tetapi c.c.nya 2000. Saya rasa dalam soal ini harga itu kita tidak boleh tengok kepada c.c, kalau mereka menggunakan c.c. yang tinggi mereka dianggap orang yang kaya. Saya tidak tahu apakah faktor yang mendorong bahawa kerajaan membuat keputusan 1600 c.c. ke atas tidak dipertimbangkan kerana untuk keluarga yang ramai anak-anak, mereka juga kena menggunakan kereta yang besar sedikit macam van dan sebagainya. Ini kesemuanya memerlukan c.c. kuasa kuda yang lebih tinggi.

Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengkaji semula sekurang-kurangnya cukai jalan untuk 1600 c.c ke atas pun juga dikaji sedikit kerana kita lihat dari segi cukai yang perlu dibayar itu memang tinggi. Yang keduanya, apa yang saya sebutkan tadi tentang bas sekolah, daripada RM10 sampai RM2, itu nampaknya pengurangan RM8. Adakah kerajaan bercadang untuk membantu secara subsidi untuk diesel kerana kita lihat ibu bapa menanggung kos pengangkutan yang tinggi, kalaulah mereka gunakan bas sekolah daripada RM13 sampai ke RM33. Adakah lebih baik *win win situation* supaya ibu bapa tidak payah menanggung kos yang tinggi, maka kita bagi subsidi kepada pengusaha bas sekolah. Minta penjelasan, terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit penjelasan tentang falsafah konsep perbelanjaan kerajaan. Memang benar kalau kerajaan mempunyai sumber yang tidak terhad maka kerajaan boleh buat macam-macam, kerajaan boleh memberi pengecualian cukai kepada semua, boleh bagi subsidi kepada semua dan boleh membelanjakan untuk pelbagai tujuan. Tetapi keadaan yang nyata ialah kerajaan mempunyai sumber kewangan yang terhad. Jadi kerajaan telah terpaksa menguruskan sumber kewangan yang diperolehi dari cukai, dividen dan lain-lain dalam satu rangka yang dapat mengoptimumkan penggunaan sumber ini.

Oleh yang demikian kalau kerajaan memberi katakan pemotongan cukai jalan untuk semua kereta, belanja akan meningkatkan berbanding dengan belanja sekarang dan belanja tambahan - peruntukan tambahan akan datang dari mana? Mungkin kita terpaksa mengurangkan jalan-jalan yang dibuat yang patut dibina, jambatan-jambatan kampung yang patut dibina, isu air yang telah disebutkan di Kelantan yang harus diberi pertimbangan. Kerajaan tidak mempunyai peruntukan atau hasil atau sumber yang tidak terhad, hasil ini terhad. Jadi kerajaan telah terpaksa membuat satu keputusan secara bijaksana untuk mengalihkan wang tersebut.

Kerajaan berpendapat bahawa rakyat yang harus diberi keutamaan adalah rakyat yang berpendapatan rendah, rakyat miskin, rakyat daif dan kerajaan terpaksa dengan izin, *draw a line somewhere* kena *draw a line* kalau tidak duit habis macam itu sahaja. Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menolong mereka yang kerajaan berpendapat memerlukan lebih bantuan dari kerajaan. Sebab itu kerajaan telah dengan izin, *draw a line* setakat 1000 c.c. Mungkin kita boleh *debate* tentang perkara ini tetapi yang patut, yang harus kita sedar ialah sumber yang ada pada kerajaan bukanlah sumber yang tidak terhad.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut bahawa saya ada memberi angka yang begitu tepat tetapi tidak begitu tepat mengenai bayaran RM38 bilion oleh kerana *concessionaires* lebuhraya tidak dibenarkan untuk menaikkan tol. Sebenarnya angka ini bukan saya cipta tetapi angka ini diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dalam *front - head line* "*Government paid RM38.5 billion to toll operators*", bukan angka saya. Ini daripada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya yang sebut bahawa RM1.76 bilion was paid in cash while the balance was for a matters like exemption of interest for loans supported by the Government tax dividends and extension of the concession period".

Angka RM38.5 bilion itu saya percaya benarlah. Selain daripada Yang Berhormat Menteri kata angka yang diberi oleh rakan beliau Yang Berhormat Menteri Kerja Raya tidak benar mengelirukan rakyat, mengelirukan Kabinet sendiri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Soalan ialah, sungguhpun ada langkah-langkah penting diumumkan bahawa tidak akan membenarkan kenaikan tol tahun ini dan tahun depan dan akhirnya dalam kebelakangan ini, 20 tahun kerajaan perlu bayar ganti rugi RM38.5 bilion secara tunai atau cara yang lain. Isu ialah akhirnya kerajaan bayar, kerajaan bayar ialah rakyat bayar, bukan kerajaan murah hati, kerajaan baik tetapi ini akibat disebabkan oleh kerana satu, kenapa perjanjian dibuat oleh pihak kerajaan yang dengan 20 *concessionaire* di mana *one sided exploitative* dan pun sangat *predictory one sided* sahaja di mana akhirnya kalau kerajaan tidak benarkan naik tol, kerajaan bayar, rakyat bayar.

Bukankah ini *unfair, one sided* dan perlu dikaji semula, *review* semula kenapa ini boleh berlaku? Adakah ini oleh kerana menteri-menteri yang bertanggungjawab cuai? Khasnya Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, 20 tahun menjadi Menteri Kerja Raya, adakah dia cuai atau dia di bawah arahan, dia tidak ada pilihan. Tetapi itu hal yang lain, hal yang masa dahulu. Sekarang bukankah perlu kita ambil tindakan untuk perbetulkan keadaan ini dengan satu kajian yang menyeluruh, semua *concession* lebuhraya-lebuhraya termasuk PLUS (North South Expressway) supaya tengok bagaimana perkara ini oleh kerana 20 tahun sudah RM38.5 bilion. Masa depan? Mungkin lagi 10 tahun, RM40 bilion, RM100 bilion, satu tahun RM2 bilion mahu membayar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Kedua, akhirnya kedua bukankah masa sudah sampai di mana semua *concession* ini diumumkan, transparensi supaya rakyat tahu kenapa satu tahun RM2 bilion, kerajaan bayar ganti rugi, kenapa rakyat perlu hari-hari mahu bayar tol yang tinggi. Apa ada dalam *concessionaire* itu? Kenapa begitu *secrecy*, sindrom kerahsiaan. Adakah Yang Berhormat Menteri rela bawa perkara ini kepada Kabinet supaya semua *concession* boleh diumumkan, rakyat boleh faham, boleh tahu apa yang berlaku di dalam sehingga kepentingan mereka digadaikan, bukan satu generasi, dua generasi atau tiga generasi.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan sedikit tentang konsep penswastaan sebab perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah isu yang berkaitan dengan penswastaan.

Kerajaan telah membuat satu keputusan dalam tahun 80-an khususnya, bahawa untuk memajukan negara dalam konteks mencapai taraf negara maju, satu kaedah ialah penswastaan. Kita tahu bahawa sungguhpun ada sedikit kelemahan kaedah penswastaan yang diamalkan oleh bank, yang diumumkan oleh kerajaan telah mencapai hasil yang banyak. Kita nampak dengan jelas bahawa penswastaan pada umumnya saya mengakui ada sedikit kelemahan, pada umumnya telah mencapai kejayaan dan kita...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Kelemahan, kita ada sedikit kelemahan dan tiap-tiap kali kita buat perjanjian, tiap-tiap kali kita cuba memperbaiki perjanjian, memperlihatkan kelemahan perjanjian dengan *concessionaire*. Saya bersetuju bahawa pada masa depan kita perlu teliti perjanjian mungkin dengan pensel yang lebih *sharp*, dengan lebih mendalam dan kita patut juga mempunyai pakar-pakar dalam bidang ini yang dapat mengkaji perkara ini dan perkara ini akan dikaji dan kerajaan terbuka mengambil satu...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Saya habiskan dahulu...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ok, ok.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: ..mengambil satu sikap yang terbuka dalam perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, semasa syarikat membuat perjanjian dengan kerajaan, syarikat itu mengumumkan bahawa dia tidak akan dapat, dia punya *business model* dibentuk sedemikian rupa dan dia dapat begitu banyak untung dan dia kena membuat sebegitu banyak pinjaman dan dia kena belanja begitu banyak dan untuk membolehkan *business model* itu menjadi satu *business model* yang *viable*, dengan izin, mereka terpaksa menaikkan tol sedemikian rupa.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Sedikit lagi, saya habiskan dahulu, habiskan dahulu. Mungkin kita kena kaji *business model* ini dengan lebih teliti tetapi mengikut perjanjian yang telah ditandatangani oleh kerajaan dan kerajaan ini, Kerajaan Barisan Nasional adalah satu kerajaan yang mengotakan perjanjian. Kalau kerajaan telah membuat satu perjanjian, perjanjian itu harus dikotakan. Kalau kerajaan tidak mengotakan perjanjian, pelabur-pelabur akan risau, mungkin akan tarik balik pengeluaran.

Jadi angka yang disebut tadi RM38 bilion ataupun saya berfikir dari *net* itu sahaja dari teknikal kita kerajaan tidak bayar RM38 tetapi itu teknikal tidak apa, kerajaan memang telah bayar pampasan. Kerajaan telah membayar pampasan sebab kerajaan tidak mahu rakyat menanggung beban kenaikan tol sebab itu kerajaan kata dan beritahu syarikat *concessionaire* jangan menaikkan tol dan jumlah yang harus diberi pampasan, kerajaan memberi pampasan. Itu bukan kerugian, itu faktor sahaja. Angka itu tidak penting tetapi konsep. Itu bukan merupakan satu kerugian akibat dari kecuaian kerajaan. Itu adalah satu jumlah yang diberi, yang ditanggung oleh kerajaan atas sikap keprihatinan kerajaan tentang bebanan rakyat. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Saya bagi laluan dahulu, bagi, bagi Yang Berhormat bagi Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat dia tidak bagi, dia bagi Yang Berhormat bagi Jerai dahulu, Yang Berhormat duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, boleh terus dari tajuklah nanti boleh *directly rising*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh bagi laluan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh bagi *chance* sudah minta tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya sudah minta dengan menteri, menteri bagi saya dahulu, saya bangun dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh *directly*, *directly* Ok, ok, ok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk, duduk nanti Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Jerai sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Cuma satu, satu lagi tentang penswastan iaitu dari segi *cross subsidy project*. Kita dapati banyak perjanjian *cross subsidy* ini dia *lopsided*.

Contohnya, ada berapa banyak projek-projek yang kerajaan *cross subsidy*kan tetapi pemaju ataupun pemohon itu mendapat keuntungan dan mereka tidak *fulfill* tanggungjawab mereka untuk menyelesaikan beberapa masalah-masalah yang telah mereka persetujui. Jadi ambil contoh macam di Kedah, tanah pasukan polis hutan 100 ekar lebih telah dibangunkan sebagai kawasan perumahan dengan persetujuan syarikat itu membina tiga ibu pejabat polis daerah – Ibu Pejabat Polis Daerah Sungai Petani, Pendang dan Yan. Tetapi Ibu Pejabat Daerah Sungai Petani pun siap dengan tidak sempurna, yang di Pendang hanya *piling* dan di Yan tidak ada apa-apa.

Jadi syarikat itu hari ini dia lepas tangan dan dia projek sudah siap, kerusi sudah dapat, sudah jual semua. Jadi apakah tindakan-tindakan kerajaan, bukan sedikit, banyak, Tuan Yang di-Pertua, yang saya dapati bahawa banyak projek-projek *cross subsidy* yang diberikan atau bukan saya akui penswastan itu tidak bagus, betul, bagus tetapi kadang-kadang cara kita memberi itu tidak adil kepada kerajaan dan yang satu lagi saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh kita *spread*kan projek-projek itu bagi semua orang merasa. Jangan kadang-kadang kita hanya percaya kepada satu-satu orang, saya tengok lama sudah, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kerajaan pun percayai satu-satu orang korporat ini sampai dia sendiri tidak mampu, dok bagi lagi dekat dia dan dia minta tidak habis-habis.

At the end of the day, Tuan Yang di-Pertua, apa pun tidak berlaku, hanya yang dia bawa pelan besar, dia tunjuk, dia fokus, dia belanja itu ini panggil menteri buat *launching*, tembak belon, tembak asap keluar, dapat tanah beratus-ratus ekar hari ini apa pun tidak ada. Contoh, Pulau Bunting saya, tidak pasal-pasal pulau itu pindah milik kepada orang dan depa buat jalan kampung bagi rosak, bila kita minta duit untuk hendak *repair* depa kata ini tanggungan kerajaan. Jadi di mana keadilan kalau syarikat macam ini tidak bertanggungjawab, Tuan Yang di-Pertua, saya harap pada masa depan - ini banyak yang ada anak-anak kita yang berjaya, bagi depa peluang.

Dan satu lagi *last* Tan Sri, dari segi lebuhraya ini, tak bolehkah kita, masa mereka buat dulu Tan Sri, mereka kira katalah 120 ribu kereta sehari, contoh. Tapi sekarang ini dia datang sampai 4, 5 kali ganda. Dia punya kutipan *double*. Jadi, apabila kutipan *double*, di mana yang dia *trouble* tu? Jadi, saya pun berasa tak berapa faham. Kalau dulu dia baca, sehari *collection* katalah 1 juta. Tetapi hari ini *collection* dia 5 juta ataupun 3 juta.

Jadi okey, *payback* masalah macam mana, sebab apa pula kerajaan kena tambah, jadi seolah-olah dia untung. Tapi saya tengok lebuhrayapun *maintenance* dia teruk. Sebelah Utara-Selatan, kalau kita tanya menteri, menteri kata okey, kita akan buat. Tapi sebelah Utara-Selatan, di persimpangan Pendang nak sampai ke Gurun, Tan Sri, kalau ada ibu nak melahirkan anak, dia akan beranak dalam motokar sebelum dia sampai ke Hospital Sungai Petani. Ha, yang ini cerita betul. Kalau tak percaya kita bawa ibu yang mengandung tu. Ha, betul? *[Ketawa]* Orang Perak pun mengaku betul, Tan Sri. Jadi inilah perkara-perkara yang minta tolong tengok. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, saya bagi peluang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri mengakui ada kelemahan-kelemahan dalam penswastaan. Sebenarnya, saya tidak gunakan kelemahan, saya katakan penyelewengan. Dalam perkara ini, ada kes saya akan gunakan perkataan lebih keras. "Pengkhianatan!" Pengkhianatan. Tetapi apa-apa perkataan kita guna, akhirnya Yang Berhormat kata mengakui RM38 bilion. Itu *concession* sahaja.

Dia kata mungkin tak begitu tepat. Ini bererti bahawa Yang Berhormat daripada kerja raya tidak tepat. Kalau tidak tepat, apa angka yang tepat. Kita harap kita boleh dapat satu angka. *Convert* dalam *cash* apa angka yang spesifik? Mungkin bukan sekarang, mungkin esok atau bila-bila. Dan tak kira apa-apa angka, itu angka berpuluh-puluh bilion ringgit yang menunjukkan harga kelemahan, harga penyelewengan penswastaan sangat tinggi untuk rakyat. Satu generasi, dua generasi, oleh kerana ini bukan sahaja untuk 20 tahun yang lampau, masa depan lagi. Dan untuk *North-South Express Way*, Lebuhraya Utara Selatan untuk 50 tahun sampai 2038, 2038. Asalnya ialah untuk 25 tahun.

Sekarang, *times two*, 50 tahun. Lagikah, akhirnya ganti rugi mungkin beratus-ratus bilion ringgit. Bukankah ini satu harga yang sangat tinggi? Dan adakah kalau Yang Berhormat Menteri bersetuju, ada kelemahan, saya kata "penyelewengan". Bukankah kita perlu belajar, apakah kelemahan itu, apakah penyelewengan itu, dan Ahli-ahli Parlimen perlu diberi peluang untuk mendalami perkara ini, kaji dalam perkara ini, adakah Yang Berhormat Menteri rela mempersetujui penubuhan satu Jawatankuasa Pilihan mengenai penswastaan. Penswastaan bukan terhad kepada lebuhraya, tetapi semua penswastaan yang beribu-ribu, berbilion-bilion ringgit.

Oleh kerana kita tidak mahu generasi-generasi akan datang bayar harga yang tinggi, dan saya boleh ingat lagi, saya percaya Yang Berhormat Menteri pun boleh ingat dalam tahun 80-an, apabila saya bantah dengan keras, bukan penswastaan, tapi cara penswastaan, menteri yang berkaitan ada kata apabila menyoalkan kenapa bagi kepada satu syarikat, 2 ringgit sahaja. Ya, *paid-up capital* 2 ringgit, *two dollar company*. Dan apa beliau kata, "apa guna, apa guna satu syarikat 2 juta ringgit, *paid-up capital* RM2 juta kalau tidak ada *connection*. Tapi kalau satu syarikat, *paid-up capital* modal berbayar dua ringgit ada *connection*. Ha, apa boleh buat? Apa pun boleh buat. Kalau dengan falsafah itu, dengan pendekatan itu, bukankah berlaku penyelewengan, pengkhianatan, di mana generasi demi generasi dikorban.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Konsep penswastaan, saya masih berpegang kepada kenyataan saya, bahawa konsep penswastaan telah memberi lebih kejayaan kepada kerajaan dari kelemahan ataupun keburukan. Tetapi saya mengakui, saya mengakui, seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Parlimen tadi, bahawa mempunyai sedikit kelemahan, kelemahan. Dan tiap-tiap kali kerajaan membuat perjanjian, kerajaan belajar dari kelemahan yang sebelum itu untuk mempertingkatkan, untuk memperbaiki perjanjian.

Dan saya bersetuju bahawa kerajaan harus dan kerajaan akan mengkaji semula *concessions* untuk mendapat, untuk memastikan bahawa tidak berat sebelah. Dan kerajaan bimbang dalam sebarang perjanjian yang dibuat oleh *private sector* oleh *concessionaire*, memberi tumpuan kepada tujuan supaya wang rakyat tidak dibelanjakan, dihilangkan dengan begitu sahaja. Dan tiap-tiap kali kita cuba untuk mengatasi sebarang masalah, sebarang keraguan yang timbul, kini kita telah melantik lebih banyak pakar dalam bidang ini.

Kita menggunakan lebih banyak konsultan dalam bidang ini untuk memastikan bahawa perjanjian yang dibuat dengan pihak swasta dibuat sedemikian rupa supaya kepentingan rakyat, kepentingan kerajaan dapat diberi keutamaan. Dan sebarang kelemahan yang terdapat dalam *PLUS Highway*, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada yang bangun.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: .. akan kita kaji dan saya sendiri akan bercakap dengan PLUS selepas ini supaya dapat mengatasi masalah-masalah tersebut.

Tuan Lau Yeng Peng: Boleh, bolehkah?

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lau Yeng Peng: Boleh? Bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi siapa?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri nak bagi siapa, nak bagi siapa?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Menteri nak bagi mana? Puchong?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Larut!

Seorang Ahli: *You sit down, sit down!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi seorang - seorangleh bercakap. Yalah bagi peluanglah. Siapa yang nak jawab, nantilah.

Tuan Lau Yeng Peng: Puchong, Puchong!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut duduk, Puchong, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri jawab dulu mengenai *select committee* - penswastaaan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya bangun dahulu. Bagi *chancelah* Timbalan Pengerusi Backbencher.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bukan tambah, saya minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng: *Sit down, sit down!*

Tuan Lim Kit Siang: *You shut up, shut up ...*

Tuan Lau Yeng Peng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ingat sahaja Yang Berhormat Menteri sudah lupa jawab. Saya bukan minta penjelasan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: *You sit down. You shut up.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, Ipoh Timor. Sila gulung.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tanya, saya sendiri tanya, saya ada hak,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi dia tidak bagi, dia tidak bagi.

Tuan Lim Kit Siang: ..dia lupa, dia lupa, itu sahaja. Adakah setuju *select committee* - penswastaaan?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Okey, okey, saya minta maaf, sebab saya tak jawab soalan itu, saya minta maaf. Saya tidak fikir bahawa adalah penting kita untuk melantik jawatankuasa tersebut. Kerajaan masih boleh mengatasi masalah ini tanpa jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, nak bagi Puchong, okey.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingat bukan semua proses penswastaan itu gagal. Ada banyak sudah berjaya. Tetapi saya *straight to the point*, mengenai PLUS ini. Kerana kalau dari report-report yang kita sudah baca, PLUS sudah untung lebih dari RM600 juta, lebih daripada itu.

Tadi Yang Berhormat Jerai menyatakan bahawa kenderaan yang ada di jalan raya pun sedang bertambah, semakin hari, semakin bertambah. Dan sekarang satu persoalan yang aneh ialah, mengapakah kerajaan tidak boleh mengambil alih *debt* ... yang ada di *concession* ini. Walaupun *figure* dia mungkin berbilion-bilion. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa kita mungkin menggunakan *financial model* yang berlainan.

Saya nak tanya Yang Berhormat bolehkah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk membeli balik *debts* dengan bon dan sebagainya, dan *debt* itu kita jual balik kepada *international market*? Dan ini mungkin boleh membantu pengguna jalan raya ini atau lebuhraya ini, jadi boleh mengurangkan bebanan mereka di masa hadapan. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, mungkin itu juga satu kaedah yang harus diberi perhatian. Tetapi kita juga patut sedar bahawa kerajaan juga mempunyai cara yang tidak terhad untuk meminjam dengan jumlah yang begitu banyak. Dan kerajaan kalau meminjam satu jumlah yang besar, *rating* kerajaan akan turun. Kerajaan juga harus meminjam untuk tujuan-tujuan pembangunan untuk buat air, api, jalan-jalan kampung. Kalau kerajaan meminjam, memperolehi satu pinjaman yang begitu besar untuk membeli balik *concession*, jadi macam mana kerajaan nak buat, nak dapat belanja untuk tujuan-tujuan yang lain. Jadi kerajaan kena kaji perkara ini dengan mendalam.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta sedikit penjelasan?

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat, nak bagi siapa Yang Berhormat? Yang Berhormat bagi Larut atau Yang Berhormat bagi Puchong? Larut ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong sila duduk. [Ketawa]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kita faham bahawa tujuan kerajaan adalah untuk memperbaiki ataupun menambahkan lagi pendapatan. Cuma saya ingin bertanya kadang-kadang menimbulkan kekeliruan tentang projek penswastaan. Dari sudut *direct nego*, dengan izin, perundingan terus, dikeluarkan duit dia dulu untuk satu projek.

Masalahnya di sini apabila menteri telah mengarahkan projek ini diluluskan dengan *direct nego*. Masalahnya apabila menteri bertukar, projek itu ditukarkan juga konsepnya. Jadi saya ingin bertanya di manakah kuasa yang ada? Menteri ataupun pegawai untuk mengubah segala kelulusan yang telah diberikan, ini sebagai satu contoh. Maknanya keseluruhan termasuklah sama ada projek PLUS kah ataupun projek-projek kontrak yang lain. Jadi saya minta penjelasan sikit. Kalau ini berterusan, apa Yang Berhormat katakan tadi kita akan memperbaiki tentang kelemahan-kelemahan yang ada, tapi kalau itu berterusan saya ingat Yang Berhormat kalau tak keterlaluanlah, sepuluh kali kita kata *sorry, the game is over*. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, kaedah untuk sebarang *concession* penswastaan ialah perkara ini akan diteliti, dikaji oleh Unit Perancangan Ekonomi (UPE) dan diangkat untuk kelulusan Kabinet. Jadi *authority* untuk memberi kelulusan ialah kabinet, bukan pegawai, bukan juga menteri. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang saya sebut ini, saya bagi contohlah yang spesifik. Okey, pada pilihan raya lalu, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan telah pun menghadiri majlis pecah tanah untuk projek pengajian tinggi di kawasan saya, sebagai contohlah, di Bukit Beliat, Ulu Selama bernilai RM40 juta secara *direct nego*. Tapi apabila saya bawa ke dalam Parlimen ini, projek ini telah diubah kepada tender biasa, dan apabila saya menghubungi Ketua Pengarah MARA, walaupun secara SMS kalau tak dapat, mungkin mereka sibuk, saya tak salahlah. Alhamdulillah dia jawab, dia mengatakan kalau dah secara *direct nego*, mungkin cepat sebab saya buat andaian sayalah, syarikat berkenaan boleh mengeluarkan wangnya dulu untuk membeli tanah yang diperlukan.

Tapi saya diberitahu bahawa tanah telah selesai, cuma sekarang ini di peringkat penilaian dan reka bentuk. Tapi masalahnya ialah suka berubah-ubah, jadi ini menimbulkan masalah sebab kita kena jawab kepada rakyat, rakyat yang sentiasa mengharapkan kita telus dalam menjayakan segala janji-janji kerajaan. Masalahnya ialah selalunya timbul di peringkat Perbendaharaan (*Treasury*). Jadi saya timbulkan perkara ini ialah supaya dapat Yang Berhormat melihat apakah segala *loophole* yang ada ini dapat kita segera banteras supaya segala pelaksanaan projek kerajaan ini benar-benar tidak dilihat sebagai satu hanya janji-janji kosong. Itu sebagai satu benda yang spesifik yang saya ingin timbulkan di sini kerana ia telah pun menjadi satu pengakuan untuk dilaksanakan.

Jadi apakah yang saya timbulkan tadi, adakah Menteri yang berkuasa ataupun pegawai yang berkuasa untuk mengubah-ubah kelulusan yang telah saya bangkitkan tadi? Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, pegawai tidak berkuasa untuk mengubah-ubah. Sebarang keputusan diangkat untuk kelulusan Menteri dan dalam banyak keadaan untuk kelulusan Kabinet.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, saya setuju bahawa sumber kita terhad, kita mesti sentiasa berwaspada. Walau bagaimanapun, tiap-tiap kali kita ada penswastan dengan EPU dan Kementerian Kewangan dan sebagainya. Saya tahun lepas sudah minta Yang Berhormat untuk mengemukakan satu senarai untuk GLC misalnya, di sini pun ada perbincangan untuk GLC mengenai Consolidated Plantation Bhd., Pulse State Holding Bhd. dan juga Kumpulan Guthrie Bhd. tapi selepas satu tahun Yang Berhormat belum lagi mengemukakan satu senarai untuk GLC. Saya berharaplah Yang Berhormat dapat berbuat demikian seperti janji yang dibuat kepada saya. Itu yang pertama.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat kata itu semua keputusan untuk penswastan itu ialah pihak kabinet, tapi di sini Yang Berhormat masih ingat *Petrol Vessel* (PV). Saya pun tak tahulah macam mana Yang Berhormat cadang untuk menyelesaikan misalnya pada Disember 1995, kontrak penswastan Limbungan Lumut di antara Kementerian Kewangan dengan Penang Shipping Corporation, syarikat PSC sudah ditandatangani. Dan kerajaan memberi pembinaan 27 unit PV kepada syarikat ini.

Dan pembinaan enam unit PV ini sudah bermula yang diberi kepada PSC-NDSB pada 1 Ogos 1999, tapi pembinaannya walaupun PV1 dan PV2 dijangka siap pada September tahun lepas tapi sampai sekarang PV1 pun, bukan 100% siap. Dan kos sebanyak RM5.35 bilion jumlah pada mulanya, sekarang kita nampak PV1, PV2 kos itu hampir RM2 bilion satu kapal. Macam mana pihak kabinet buat keputusan macam tu?

Tambahan pula apakah terjadi dengan kapal-kapal yang lain, 27 jumlahnya. Pihak PSC-NDSB sekarang ada masalah aliran tunai. Sudah ada masalah, apakah keputusannya? Ini memang seperti mana yang terdapat dengan penswastan untuk lebuhraya, ini lebih dahsyat lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai butir-butir terperinci tentang perkara ini, perkara ini akan diberi keterangan kemudian. Saya ingin menyambung sedikit ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, panjang lagiakah Yang Berhormat?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Sedikit lagi, satu lagi sahaja. Selain dari isu subsidi sebab isu subsidi, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sebab kerajaan perlu peruntukan yang lebih sedikit untuk tahun ini ialah kerajaan telah menaikkan kadar elaun dan insentif untuk beberapa perkhidmatan termasuk polis. Saya ingin baca sedikit tentang kenaikan elaun ini.

Yang pertama, bayaran insentif khas tugas polis trafik, dulu tak ada langsung sekarang kerajaan membayar RM100 tiap orang. Kadar Elaun Insentif Detektif dinaikkan daripada RM100 kepada RM300. Elaun Pakaian Seragam untuk pegawai dinaikkan dari RM250 kepada RM500. Elaun *Ration* dinaikkan dari RM1.50 kepada RM4.50 bagi pegawai kanan polis dan bagi pegawai rendah polis dinaikkan dari RM1.20 kepada RM4.50. Kadar makanan masak PGA dinaikkan dari RM8 kepada RM14. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah Majlis hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, memberi ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tiga bilion dua ratus lapan puluh sembilan juta lapan ratus sembilan puluh tujuh ribu lapan ratus sembilan puluh ringgit (RM3,289,897,890) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2005, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 2005 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

4.30 ptg.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan supaya wang sejumlah yang tidak lebih daripada RM9,102,269,992 yang diperuntukkan dalam anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2005 bagi maksud-maksud bekalan B.6, B.11, B.12, B.26, B.30, B.41, B.42, B.44, B.45, B.46, B.49 dan B.62 untuk kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM3 289,897,890 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan pertama 2005 bagi maksud-maksud pembangunan P.6, P.10,

P.22, P.23, P.26, P.27, P.29, P.32, P.41, P.42, P.44, P.45, P.60 dan P.62 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 tahun 2005 dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukkan-peruntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Pertama Tambahan 2005 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2005 telah pun dibentangkan kelmarin. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran peruntukkan tambahan ini adalah juga diberi dalam memorandum perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 (a) tahun 2005 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2005 dan Kertas Perintah 19(a) tahun 2005 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2005. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud B.6 [Jadual] –

Maksud P.6 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2005] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.6 dan kepala Pembangunan P.6 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk di bahas. Ya, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

4.23 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi saya ingin...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kalau boleh pendekkan, saya hendak bagi 10 minit sahaja.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, B.6 diluluskan RM130,930,000 untuk biayai bayaran imbuhan bulanan pada imam-imam masjid mungkin qariah di seluruh negara. Saya ingin tahu apakah peruntukan ini diberi hasil daripada pengumuman yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam masa 6 bulan atau 7 bulan yang lalu ataupun ada peruntukkan tambahan yang baru pula sebab saya dimaklumkan oleh imam-imam di seluruh negara. Beliau cukup-cukup gembira apabila pihak kerajaan mengumumkan akan menambah RM300 hingga RM400 kepada setiap Imam mukim.

Maka pihak imam-imam boleh dikatakan keseluruhan nampak begitu gembira tetapi apabila ditanya, sudah sampai atau tidak sehingga hari ini pun belum tetapi Kelantan kita sudah bayar sampai hingga RM400 tiap-tiap orang cuma luar negeri sahaja yang membayar tidak sampai RM100 setiap imam ini. Kalau boleh dari RM130 juta yang diberikan ini, berapa jumlah masjid yang diluruskan ataupun yang akan diagihkan kepada imam-imam ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ledang.

4.35 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap tentang B.6 emolumen yang saya yakin tiada kaitan dengan Tabung Haji. Perkara ini saya telah bangkitkan tadi tetapi saya mengharapkan jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri di mana saya menyebut tadi Tabung Haji Plantation akan diapungkan di BSKL. Saya difahamkan dengan format yang tertentu.

Walau bagaimanapun Tuan Pengerusi persoalannya ialah mengapa ia hendak diapungkan. Apakah Tabung Haji tidak cukup duit untuk mengembangkan lagi operasinya terutama khususnya dalam bidang *plantation* dengan izin atau kerana hendak memberi peluang kepada orang ramai melabur yang terdiri daripada bukan pendeposit ataupun hendak memberi peluang kepada pihak Pengurus, Lembaga Pengarah memegang saham di dalam Tabung Haji Plantation? Yang ini satu persoalan yang perlu dijawab oleh Jabatan Perdana Menteri. Sedangkan kita tahu Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat itu di bawah Perbendaharaan B.11 Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Saya rasa-rasanya Jabatan Perdana Menteri boleh jawab ini, tidak apalah Tuan Pengerusi, sedangkan sebagaimana yang kita tahu, kebanyakan lading-ladang tersebut dibina di bawah emolumen, dibangunkan sebahagiannya daripada tanah-tanah yang dianugerahkan oleh pihak Kerajaan Negeri termasuklah Johor. Ini menimbulkan persoalan Tuan Pengerusi, sebelum dia disenaraikan biarlah segala-galanya sudah terang lagi bersuluh, ini belum lagi mungkin sudah terang tetapi tidak bersuluh, jadi saya terfikir yang mampu menjawabnya mungkin Jabatan Perdana Menteri sebab Tabung Haji buat berikut. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih sebelum saya berhujah panjang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah. Yang Berhormat bagi Kepong.

4.37 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada B.6 - 2.1 iaitu sebanyak lebih dari RM30 juta untuk membiayai bayaran imbuhan bulanan kepada imam-imam, masjid, mukim, qariah bagi seluruh negara.

Di sini saya hendak menekankan bahawa Malaysia ialah satu negara berbilang agama. Dengan sedemikian masyarakat majmuk semua agama, penganut semua agama mestilah prihatin kepada agama yang lain misalnya kuil-kuil yang ada loceng pun mestilah mengambil kira para penduduk di sekitarnya kerana kita nampak upacara agama pun kita mesti sentiasa prihatin kepada agama yang lain, ini termasuklah azan.

Saya dari semasa ke semasa ada memberitahu imam di masjid, saya tidak akan sebutkan di masjid mana dan sebagainya cuma saya memberi peringatan kepada Jabatan Perdana Menteri supaya kita memberi arahan yang cukup berkesan kepada imam-imam ini dan bilal-bilal supaya azan terutamanya azan subuh bagi saya tidak jadi masalah kerana saya sudah bangun dan berjaga pada waktu itu...

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ledang bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik, baik, silakan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Pengerusi, sahabat kita Yang Berhormat bagi Kepong, saya berpendapat bahawa kita harus melihat daripada sudut umum bukannya satu-satu kumpulan yang kecil mungkin ada, mungkin ada kompelin tetapi daripada kelompok-kelompok yang kecil-kecil ini. Selama ini kita hidup dalam suasana yang aman damai, tidak ada satu pihak mana pun yang saya kompelin, rumah saya sendiri pun Tuan Pengerusi, rumah saya sendiri sebelah rumah kediaman yang dijadikan tempat ibadah orang Cina saya pun tidak kompelin, benda-benda kecil tidak payah dibangkitkanlah Tuan Pengerusi terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik, baik. Yang Berhormat bagi Ledang saya percayalah dia pun sensitif kepada perasaan orang lain, cuma ini saya sering terima aduan, saya sering menerima aduan mengenai hal ini terutama Subuh. Kadangkala bukan sahaja azan, mengaji pun dia hendak melalui pembesar suara juga, bahkan juga 1500 tahun yang lampau mana ada pembesar suara? Tidak adapun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh! Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya harap Yang Berhormat bagi Kepong jangan panjanglah cerita itu sensitif, sensitif. Jangan jadi kerajaan DAP *Singapore*, bang pun sudah tidak boleh, marhaban pun sudah tidak boleh.

Kita hidup dalam aman damai 48 tahun, tidak ada apa masalah. Orang Cina pun kalau gendang dia itu membising, memekakkan juga tetapi kita pun tidak hendak ambil kisah. Subuh pukul 5.45 Kuala Lumpur ini, walaupun bang memang patutlah orang bangun. Itu sebab kita lebih suka rakyat kita bangun lebih awal pagi kerana dia menyihatkan badan dan juga kita punya pengeluaran kita akan lebih, orang lebih sihat. Bangun dinihari ini bukan baik dari segi kesihatan pun tidak baik. Orang hendak panjang umur bangun pagi-pagi, kalau tidak hendak panjang umur bangun pukul 10 pagi, kan. Jadi, susahlah. Cerita lainlah Yang Berhormat bagi Kepong. DAP kalau hendak cari populariti macam Yang Berhormat bagi Ipoh Timor itu, tidak apalah bertengkar sahajalah dalam Parlimen ini cari cerita lainlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik, baik, baik. Yang Berhormat bagi Sri Gading waktu Subuh pun saya sudah terjaga dan bagi saya itu baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan Yang Berhormat bagi Seputeh?

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kepong. Saya sebenarnya faham ini isu sensitif dan kerana itu isu sensitif selalunya orang yang tidak suka itu mereka tidak berani tampil ke hadapan untuk memberi penjelasan ketidakpuasan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya jadi tidak suka, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Peraturan!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ada Peraturan Mesyuarat, duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya bawa Peraturan Mesyuarat duduklah sekejap Yang Berhormat bagi Seputeh, takkan tidak tahu bahasa. Dalam Peraturan Mesyuarat 36 10(c) kita janganlah bangkitkan perasaan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Duduk dahulu saya bangkit. Takkan Yang Berhormat tidak faham Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya Yang Berhormat bagi Seputeh sila duduk dahulu Yang Berhormat bagi Seputeh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Duduk Seputeh saya bawa Peraturan Mesyuarat 36(10)(c). Tuan Pengerusi, sila rujuk. Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan pesakit bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu. Janganlah bangkit ini sensitif.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya! Yang Berhormat, faham Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kalau mula seorang nanti.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya, ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat Ahli Parlimen kena faham, ini hal agama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta Yang Berhormat tolong tarik balik atau jangan dipanjangkan lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat bagi Seputeh pun begitu juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong, sila gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Belum habis lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hendak ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Seputeh, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya belum habis lagi. Jadi, Tuan Pengerusi, saya sebenarnya pernah dengar daripada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Dan, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh semasa dia jadi pegawai di JAKIM dia pernah kata dengan saya memang ada satu peraturan di Bahagian Jabatan Agama bahawa di kawasan tertentu kalau ada terlalu ramai orang bukan Islam, jadi *volumenya* memang boleh diturunkan. Jadi, saya minta Yang Berhormat bagi Pasir Puteh untuk memberi keterangan kepada Dewan kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah cukuplah. Yang Berhormat bagi Kepong, gulunglah Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya saya hendak gulung, saya hendak gulung. Saya nampak itu Yang Berhormat bagi Larut dan Yang Berhormat bagi Sri Gading itu berminat dengan hal ini, saya pun sokong...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat jangan begitu Yang Berhormat, ini sensitif.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut tidak apa, duduklah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kita ada dalam Peraturan Mesyuarat. Orang lama tidak faham ke Yang Berhormat bagi Kepong. Sudah lima penggal di sini apa ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut, sila duduk. Yang Berhormat bagi Kepong, cukuplah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya sebutkan bukan satu agama, semua agama mesti sensitif apabila melakukan sesuatu, cuma saya mintalah macam mana hendak saya buat kalau sering kali saya hendak bawa orang yang membuat aduan ini bersama-sama kita jumpa dengan Tok Imam. Tetapi kerana ada yang mengata kepada saya, jadi saya tidak berani pergilah kerana ini saya takut dia tidak begitu munasabah dan sebagainya. Dan, kita dengan munasabah dan pihak Larut tidak munasabah pula.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Berkaitan dengan apa yang disebutkan oleh pihak Kepong tentang azan waktu Subuh. Bolehkah saya dapatkan penjelasan sedikit. *Volume* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, adakah *volume* yang digunakan oleh imam masjid itu, *volume* speaker itu yang menyebabkan semua orang terjaga yang berada sekitar itu. Dan, dengan terjaga itu menyebabkan orang itu jatuh sakit ataupun sekadar bila dia terjaga dia bangun, alhamdulillah dia bangun itu dia mandi-mandi dia pergi pejabat atau bekerja, itu hendak tanya. Kalau menyebabkan sakit boleh saya dapat keterangan sedikit berapa orang sebenarnya yang berada di sekitar sekeliling itu yang apabila dengar azan itu dia sakit. Kalau sakit hati lain cerita, sakit hati memang sakit hati kalau orang tidak sembahyang memang sakit hati kalau dengar orang azan ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang yang membuat aduan kepada saya itu dia kata macam ini, sebab saya beritahu saya sebagai orang dewasa saya hendak jaga, bantu pada masa itu, bagi saya tidak jadi masalah. Tetapi dia kata kepada saya bahawa kanak-kanak yang hendak terus tidur itu macam mana. Kalau kita *volume* itu turun sedikit tidak bolehkah? Ini lima kali satu hari minta satu kali Subuh sahajalah, satu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, sudah Yang Berhormat bagi Jerai Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu masalahnya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Kepong, apa habaq?

Dr. Tan Seng Giaw: Baik, baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bagus Kepong? Benteng bagus?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cakaplah Yang Berhormat hendak berbual bawa dia ke kantin. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cuma saya minta sahabat saya dari Kepong, ini azan adalah seruan untuk umat Islam. Dia kata, "Allahu Akbar Allahu Akbar, Allah itu Maha Besar", kan. Jadi begitu juga apabila *certain* kaum lain menyambut hari raya depa cucuh mercun kita pun tidak marah. Depa cucuh mercun kita tidak marah pasal kita hormat, jadi tidak apalah Yang Berhormat bagi Kepong nasihat orang itu cara baik-baik, kata dekat dia kita hidup bersaudara. Kalau lagu rock ini dia boleh dengar, suara azan ini adalah suara daripada Yang Maha Suci yang tidak boleh kita sentuh pun. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong, kita ubah tajuk Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya! Yang Berhormat bagi Kepong gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya terimalah itu seruan Yang Berhormat bagi Jerai tetapi bagaimana pun mercun di main oleh semua penganut agama bukan sahaja Buddha ataupun Kristian. Semua agama ini tidak kena mengena agama langsung mercun.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah ...

Dr. Tan Seng Giaw: Walau bagaimanapun...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Kerana perkara ini sensitif cukuplah bagi saya supaya semua pihak mengambil perhatian lagi dalam aktiviti agamanya. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Pendek sudahlah.

4.39 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengambil bahagian sama untuk sama-sama melihat kepada Maksud B.6 - tambahan kepada Jabatan Perdana Menteri. Ada dua perkara yang saya hendak sebut, pertama sekali RM30 juta untuk bayaran imbuhan kepada Imam Masjid seluruh negara dan satu lagi iaitu RM50 juta kepada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam, YADIM.

Pertama, saya menyebut bahawa saya menyokong penuh, saya menyokong penuh dan saya berterima kasih kepada pihak kerajaan yang telah membelanjakan RM30 juta. Saya kira bahawa RM30 juta itu tidak besar kalau dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan yang telah diberi kepada pihak lain, yang saya kira bahawa di bawah itu banyak imam, bilal dan siak. Dan, satu perkara lagi iaitu kita janganlah semata-mata untuk membangun dari segi kewangan tetapi di waktu yang sama kita mesti membangun dari segi pembangunan insan di masjid itu sendiri. Kita mesti melihat bahawa masjid itu merupakan suatu tempat untuk membangun manusia, untuk membangun insan. Selain daripada imbuhan kepada imam, kepada bilal, siak di waktu yang sama kita hendaklah mempunyai program-program kemas. Program-program yang memberi manfaat kepada seluruh ahli qariah yang berada di masjid ataupun persekitaran masjid, misalnya.

Saya melihatlah, Tuan Pengerusi, sepanjang perjalanan saya dari Kota Bharu, dari Kelantan, kadang-kadang saya sembahyang Maghrib jamak di masjid di Pahang dan sebagainya. Saya lihat masjid tidak dibangunkan dengan pembangunan insan. Waktu Maghrib, waktu Isyak ini waktu yang cukup-cukup, secukupnya untuk guru-guru agama, sama ada di bawah jabatan Islam setempat ataupun dari mana-mana pihak yang diberi tauliah untuk mengajar kepada ataupun untuk memberi tazkirah ataupun untuk memberi apa-apa sahaja panduan yang baik mengisi kekosongan 50 minit ataupun 40 minit yang telah tersedia ada.

Waktu ini disebut bahawa 'Al-waktumalu'. Waktu ini ialah harta. Sekiranya kalau kita kalikan 50 minit setiap malam, kali dengan lima malam, lima kali tiga 150 minit. Seratus lima puluh minit ini terbiar begitu. Saya rasa masjid sudah indah dah. Masjid sudah besar dah, gaji-gaji imam sudah ada dah. Kalau boleh buat sedikit peruntukan kepada ustaz-ustaz kita yang tolong mengajar dengan kita senarai nama. Mereka yang bertauliah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Assalamualaikum.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai. Apa pula Yang Berhormat bagi Jerai? Sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Assalamualaikum ustaz.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya setuju setengah, setengah saya tidak setuju. Fasal apa masjid dibina oleh kerajaan, kemudian masjid kita ada imam dan kita ada jawatankuasa qariah masjid. Jadi sepatutnya tok imam dan jawatankuasa qariah masjid itu juga harus mengambil inisiatif-inisiatif - menjaga kebersihan masjid, 'mengimarak'kan masjid. Saya ingin mencadangkan segala aktiviti-aktiviti belia, aktiviti kemasyarakatan boleh dibuat dalam kawasan masjid kerana masjid ada balai lentang dan sebagainya. Jadi tidak semestinya aktiviti dalam kawasan itu dibuat di Dewan dan sebagainya. Jadi saya berharap Yang Berhormat, memang kerajaan kita Kerajaan Barisan Nasional sudah bagi elaun kepada tok-tok imam dan sebagainya, termasuk tok imam di Kelantan, jadi cuba kita tunjukkan bahawa tok imam dan jawatankuasa qariah masjid ini juga boleh membantu kerajaan. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya? Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. *[Ketawa]* Saya bersetuju setengah dan saya tidak setuju setengah. *[Ketawa]* Sekerat-sekerat. Tak apa sudah setuju itu, cukuplah setuju setengah sahaja. Sebenarnya kita mahukan supaya masjid ini melakukan sesuatu yang terbaru dalam pentadbiran masjid, bukan sahaja kewangan yang diterima daripada mana-mana kerajaan. Dia kerajaan apabila memerintah tidak kira UMNO, tidak kira Kerajaan Pusat, tidak kira kerajaan negeri, bila dia memerintah dia buat sesuatu yang terbaik, Insya-Allah. Di Kelantan kita buat, di mana-mana yang di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional, buatlah. Cumanya kita tidak mahu masjid itu kosong. Siapa yang hendak mengendalikan - imam, siak dan sebagainya dan orang-orang yang mempunyai tauliah...

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Maran bangun.

Tuan Haji Ismail bin Noh: ..yang ditauliahkan oleh pihak-pihak tertentu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Maran, sila.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dari Pahang, saya terusik apabila disebut oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi bahawa apabila Yang Berhormat bagi Pasir Mas singgah di masjid di Pahang, dia katakan seolahnya tidak ada benda yang dibuat. Kita tahu bahkan saya sebagai seorang Ahli Parlimen ada juga menjadi penaung kepada masjid dan kita merancang program-program di masjid. Cuma bagi kita, Tuan Pengerusi, sebahagian masjid dia tidak dapat mengadakan setiap malam program-program agama ini, begitu juga ceramah-ceramah. Kerana pernah berlaku yang malangnya pada kita apabila kita panggil penceramah-penceramah ini, kadang-kadang penceramah-penceramah ini menggunakan platform masjid ini menghentam kerajaan. Ini satu perkara yang sungguh mengecewakan kita. *[Disampuk]* Kita Barisan Nasional tidak melakukan sebegini, Tuan Pengerusi. Ini yang satu mengecewakan. Sebab itu saya harap supaya kalaulah berhenti sekali ke masjid janganlah kita mengatakan bahawa masjid tidak ada program. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Yang Berhormat. Barangkali kerana kebetulan saya berhenti ada kekosongan. Saya boleh terima apa yang disebut oleh Yang Berhormat. Saya tidak minta daripada pihak masjid yang lain selain daripada orang-orang yang dibenarkan, iaitu orang yang mempunyai tauliah masjid. Kita ada panduannya. Yang tidak mahunya kosong masjid itu, masjid itu kosong, orangnya ada dan kewangannya cukup, tiada sebab masjid-masjid itu tidak di bangunkan dari segi *spiritual* manusia, rugi kita. Begitu juga kita mesti mengadakan selain daripada itu hari-hari besar Islam misalnya. Forum-forum mesti ada di masjid. Jarang sangat kita bawa di padang-padang, kita bawa ke masjid. Di padang kita buat dan di masjid juga kita buat.

Tujuan besarnya untuk kita memanggil golongan-golongan muda kita supaya mereka pergi ke masjid dan mereka mengambil sebanyak mungkin ilmu dan pendekatan dengan masjid, sekali gus mereka menunaikan solat. Kalau kita buat di padang, mereka tidak solat di padang. Kalau kita buat forum di masjid, setidaknya-tidaknya 1/3 mereka solat di masjid. Kita tidak nafikan, mereka yang pergi itu mereka sudah solat di rumah dia, solat Maghrib, solat Isyak, tetapi di waktu yang sama kalau kita menyediakan tempat prasarana yang baik di masjid, taman kita yang indah dan persekitaran yang indah, prasarana kita yang indah, sudah tentu orang akan tertarik di masjid. Tetapi malangnya masjid-masjid saya lihat sendiri, masjid-masjid ini kadang-kadang kita tengok wajah masjidnya bagus, indah. Kalau kita ke belakang masjid, kita ke tandas masjid.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tumpang tanya. Terima kasih sahabat Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Ini konsep Mawi di stadium ini agak-agak jaminan sembahyang Maghrib, jaminan sembahyang atau tidak, macam mana? Itu tidak boleh buat dekat masjid. Ini tidak tahu mungkin orang daripada Pasir Mas, agaknya daripada Hulu Kelantan,

daripada waktu Zohor sudah sampai dah. Apakah ada jaminan kerajaan PAS di Kelantan bahawa semua yang hadir itu sembahyang - Zohor, Asar, Maghrib, Isyak itu mungkin bolehlah, balik selepas itu sembahyang Isyak. Ada jaminankah tidak, cuba tanya?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Yang Berhormat, itu yang saya tunggukan. Ya saya tunggukan soalan semacam itu. Kerajaan Negeri Kelantan dengan dasar hiburan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan, pertama sekali iaitu tidak ada percampuran di antara lelaki dan perempuan. Dalam konsep Mawi ini, yang saya melihat pelan yang diberi taklimat oleh pihak-pihak tertentu di mana mula-mula sekali disediakan tempat sembahyang, di Padang Perdana itu disediakan tempat sembahyang kerana Padang Perdana ini luas. Disediakan air-air, tangki air, lori air dan semuanya memberi kerjasama, Air Kelantan Water Kelantan ini dan air-air lain, semua syarikat swasta akan bawa dengan lori-lori masing-masing untuk mengambil wujud.

Kemudian selepas masuk waktu Maghrib Mawi akan azan. Mawi sendiri akan azan, persetujuan telah dibuat dalam perjanjian bahawa Mawi akan azan, kemudian azan Maghribnya Mawi dan sembahyang Isyaknya akan diimamkan oleh Ustaz Akil Hai, bekas penyanyi rock dahulu. Kita tarbiah dia, Alhamdulillah, bersama dengan kita dan dia akan menjadi Imam dalam sembahyang Maghrib. Diikuti dengan ratus ribu pemuda-pemuda yang hadir daripada pelbagai kalangan di waktu itu mereka hadir dan mereka akan menunaikan solat Maghrib dahulu. Pastikan solat Maghrib ini berjalan dengan lancar, kemudian selepas itu satu kuliah Maghrib akan diberi oleh Ustaz Akil Hai juga tazkirah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua-dua bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sedikit Yang Berhormat? Yang Berhormat bagi Larut.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya bagi Yang Berhormat bagi Ledang dahulu pasal dia bangun dahulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Okey.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Beginilah Yang Berhormat bagi Pasir Mas, saya hendak tanya sedikit mungkin boleh memberi panduan. Zaman Rasulullah dahulu pernah berlaku azan, tetapi malaikat di langit tidak dengar sebab yang azan itu dia tidak ikhlas. Selalunya yang azan itu Bilal bin Rabah, tiba-tiba orang lain, dengar suara yang sedap, tetapi malaikat di atas tidak dengar. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Kita tidak tahu ikhlas tidak ikhlas kerana kita menghukumnya [Bercakap dalam bahasa Arab] Ada satu kaedah di mana hadis Rasulullah S.A.W. menyebut bahawa [Bercakap dalam bahasa Arab] "Kita hanya menghukum seseorang itu dengan zahir tetapi yang batinnya terserah kepada Allah S.W.T.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas minta gulung.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sudah hendak gulung Tuan Pengerusi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta penjelasan tadi, boleh tak? Sedikit sahaja.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Bagi sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasihlah Yang Berhormat, kerana Yang Berhormat pun minat rock – rockers, kalau tidak mungkin Yang Berhormat pun tidak tahu kan dulu dia rockers, tidak apalah, itu pandangan Yang Berhormat. Saya hendak bertanya ni, isu Mawi yang teruk sikit di Kelantan ni, dalaman itu masalah PAS sendiri, kita tidak mahu campur urusan PAS, itu PAS punya hallah, tapi kalau begini rupa, saya ingat bubarlah saja PAS. Tidak ada makna dah, kerana dalaman PAS

sendiri berkecamuk, antara Dewan Ulamak, Menteri Besar Kelantan dan Pemuda PAS itu sendiri. Jadi yang penting saya hendak bertanya, adakah Yang Berhormat juga berminat rock? Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tak timbul tu, tak timbul apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Larut sekejap tadi. Apa yang saya sebutkan tadi, bahawa majlis akan diadakan dalam kawalan, dalam kawalan insya-Allah. Di sebelahnyanya lelaki, di sebelah kirinya perempuan dan di tengahnya keluarga, maknanya sebelah kanannya lelaki semata-mata dan di sebelah kirinya,...

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalan Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Krai?

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: *On a point of order.*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya tidak ada masa Yang Berhormat bagi Kuala Krai, minta maaf.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Sedikit sahaja Yang Berhormat, satu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Satu saja, sikit saja pasal dasar kerajaan negeri tadi, sama-sama kita Kelantan dan sama-sama Pasir Mas juga ini, sebab hiburan malam Jumaat ini. Kita hendak tahu, adakah dasar kerajaan meluluskan baru-baru ini di Kuala Krai, malam Jumaat boleh buat pula, sedangkan dulu malam Jumaat ini kita hendak tahlil dan bermacam-macam, jadi malam Jumaat diluluskan permit pula, adakah itu dasar kerajaan PAS? Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Sebenarnya tidak ada masalah. Malam Jumaat kita bernasyid, di Kuala Krai itu nasyid kumpulan nasyid.

Seorang Ahli: Expo Yang Berhormat, expo, macam-macam ada, pertandingan kera pun ada. *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya rasa niat tidak baik tu. Saya pergi lagi, bahawa masjid ini mesti dibangunkan dengan kita memanggil golongan-golongan muda dan golongan-golongan yang cinta kepada Islam supaya mereka dekat dengan masjid dan peruntukan 30 juta itu mesti ditambahkan lagi.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, iaitu 50 juta kepada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam. Saya rasa di sini perlu kerajaan melihat dan menambahkan lagi, kalau peruntukan 50 juta ini tidak banyak, tambahkan lagi kerana apa? Kerana saya lihat sistem Bank Islam itu sendiri. Saya sebenarnya hendak bercakap mengenai sistem Bank Islam, tetapi tidak sempat. Saya tengok bahawa kerajaan perlu *fund* wang kepada bentuk-bentuk kewangan begini, sehingga mereka apabila, katalah Ar-Rahnu Islam, mereka tidak akan kenakan service yang terlalu tinggi kerana mereka telah sedia mempunyai 'rushid', iaitu telah mempunyai asas kewangan yang cukup, selain dari dividen daripada rakyat, ataupun barang yang ditinggal melalui Ar-Rahnu Islam.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sedikit saja Tuan Pengerusi. Kita di Kelantan, kita ada satu, Al-Qardul Hassan. Qardul Hassan ini tidak diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan. Sepatutnya Qardul Hassan ini diperkenalkan melalui masjid-masjid. Kita bagi pinjaman melalui masjid. Kerajaan masukkan wang kemudian diagih kepada imam-imam masjid seluruh negara untuk membantu golongan-golongan yang...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun Yang Berhormat, masa Berhormat sudah habis.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat, saya tertarik dengan Qardul Hassan ini. Sebenarnya Qardul Hassan ini tahun 75 lagi saya buat dah, masa saya di JAKIM dulu, dasar Qardul Hassan ini, cuma saya dengar di Kelantan saya setujuah kerajaan negeri buat Qardul Hassan, tapi dia dok pakat dengan Hassan dalam masjid. Patut dia kena sebar semua, yang rakyat UMNO pun bagaimana? Saya dengar la ni rakyat PAS saja, rakyat UMNO dia tak bagi peluang. Terkenal Qardul Hassan-Qardul Hassan, saya kata Qardul Hassan ni benda baik. Boleh beri pinjam tanpa *interest*, tapi tak sampai kat kita. Macam mana?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Dia dua perkara sahaja, sama ada dia tidak masuk masjid atau dia sudah kaya, pasal kita cakap orang PAS miskin, orang PAS miskin, jadi betullah kita bagi orang PAS, kalau orang PAS miskin, orang UMNO kaya-kaya tak kena bagilah. Qardul Hassan ini pinjam bank kepada orang miskin, selama ini orang UMNO sebut orang PAS miskin, betullah ataupun orang UMNO ni dok main ikut tangga masjid, tak masuk masjid. Jadi saya cadangkan kepada kerajaan supaya memasukkan Qardul Hassan.. *[Ketawa]* Ketereh hendak jugakah?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Menyebut orang UMNO bermain di tangga masjid itu, niat buruk. *(Membaca sepotong ayat Quran)*, Quran kata, "Jangan kamu hina, jangan kamu gelar mengelar, jangan caci mencaci tidak boleh". Jangan buat *generalization* macam itu, salah antara seorang tok guru, antara belajar agama, "ana, I, saya" duduk dalam masjid, rumah saya tepi masjid, rumah saya sama dengan masjid. Saya orang UMNO. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Yang Berhormat bagi Ketereh terima kasih.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *Don't play a joke.*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Yang Berhormat bagi Ketereh, terima kasih. Sabar, saya pun tak marah dengan Ketereh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah mengambil banyak masa.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tuan Pengerusi, saya bersetuju kerajaan menyediakan 50 juta untuk YPEIM ini mengembangkan ekonomi kepada penganut-penganut Islam dan kepada seluruh warganegara, dan kita boleh perpanjangkan bukan sahaja kepada orang Islam, kita boleh panjangkan kepada orang lain, warganegara Malaysia yang miskin, yang sama dengan orang Islam juga, yang boleh kita panjangkan dalam bentuk Al-Qardul Hassan, walaupun tidak dibawa ke masjid, Qardul Hassan ini tak usah bawa ke masjid, bawa ke luar pun tak apa. Itulah saya rasa pandangan saya dan insya-Allah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bagan, lepas ini Yang Berhormat menjawab.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya membangkitkan Butiran B.6 - Jabatan Perdana Menteri. Sebentar tadi saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Pasir Mas, tetapi Pasir Mas kesuntukan masa. Saya membangkitkan hal ini dengan tidak ada niat yang jahat, sebab saya saja *out of curiosity*. Saya ingin bertanya sedikit berkenaan dengan masjid ini.

Saya nampak ada banyak masjid lama telah dibina semula dengan pertolongan kerajaan. Kerajaan mungkin memperuntukkan, mungkin dua juta, tiga juta untuk membina semula masjid-masjid lama, tetapi saya nampak di sebelah kiri, sebelah kanan masjid itu ada projek pembangunan baru dan mereka ini ada *setback* iaitu mereka memperuntukkan jalan atau tempat, atau tanah lapang, supaya masa depan, apabila hendak memperluaskan jalan-jalan dia ada tempat. Tetapi, saya nampak, masjid-masjid ini semuanya dibina di tapak lama. Saya ingin bertanya, sama ada masjid lama ini kalau dikehendaki, bolehkah dipindahkan ke tapak yang baru. Itu bukan niat jahat. Bolehkah mereka dipindahkan? Sebab dalam projek pembangunan baru, mereka telah menyediakan tapak-tapak untuk tujuan agama. Itu satu saya ingin bertanya? Sebab ini masjid...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Bagan, itu *layout* Majlis Perbandaran, kalau sudah tahu masjid di sana memang sudah ada lama, *so layout*

yang kompeni buat itu, buatlah elakkan daripada masjid. Ini terpulang kepada kebijaksanaan orang tempatan.

Tuan Lim Hock Seng: Yang Berhormat bagi Seri Gading, saya maksudkan jalan yang lama itu, jalan sudah ada, masjid pun dekat itu jalan, tetapi apabila hendak membina semula dia tidak *surveyor*, dia buat mewah-mewah, bukan saya cemburu mewah-mewah tapi saya takut nanti satu hari bila jalan itu diperluaskan dan di sana ada bengkok-bengkok nanti ada kemalangan, saya *out of curiosity*, saya Tanya sama ada masjid lama-lama itu boleh dipindah ke tempat baru atau tidak. Kalau tidak boleh itu istiadat tidak boleh pindah, tinggalkan di sana, kalau boleh pindah mungkin satu tapak yang lebih elok, sekeliling yang hijau, ada tempat-tempat yang lebih elok.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat, saya takut keliru, tadi pun Larut dah bagi *warning*, sebenarnya kita begini, soal agama *very sensitive*, masjid yang Yang Berhormat cakap tadi bukan hendak sensitif itu tapi hendak tanya, ini saya akan jawab sebab saya lama dalam tadbir agama ini [*Ketawa*] Jadi sebenarnya agama ini *state matter*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, menteri akan jawab.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Menteri akan jawab nanti, apabila *state matter*, *state* dia ada pejabat agama, majlis agama itu membuat polisi, semua masjid tidak boleh dibina kecuali keputusan fatwa, kelulusan majlis ertinya kelulusan fatwa. Bila fatwa lulus bawa ke masjid gazet. Boleh buat tapak masjid. Jadi masjid lama boleh dibina bukan tidak boleh tetapi syaratnya fatwa setuju, majlis agama setuju, Tuanku setuju. Itu sahajalah terima kasih jangan silap faham.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih saya mendapat satu penjelasan daripada seorang yang pakar dalam agama ini. Saya pun takut juga apabila saya membangkitkan perkara ini, takut salah faham. Kalau semua tidak salah faham itu saya punya *curiosity* pun telah dijawablah.

Lagi satu perkara berkenaan taman-taman perumahan yang baru, mereka disyaratkan oleh pihak kerajaan tempatan untuk membina surau-surau atau bilik-bilik sembahyang seperti di kondominium, di bawah sana diperuntukkan satu bilik untuk sembahyang. Di taman-taman perumahan dibina sebuah surau untuk penduduk-penduduk beragama Islam.

Masalah di sini di kawasan-kawasan bandar ada juga satu ratus peratus (*hundred percent*) bukan orang Islam yang beli rumah-rumah di sana. Jadi apabila surau itu dibina tidak ada seorang pun dalam taman itu adalah orang Islam, jadi surau itu tidak diguna atau bilik sembahyang itu tidak diguna. Tetapi pemaju perlu menyerahkan bangunan ini kepada majlis agama negeri...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya mintalah Yang Berhormat bagi Bagan tolonglah jangan bangkitkan benda-benda macam ini ...

Tuan Lim Hock Seng: Bukan..dengar saya cakap dulu

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ...*because you* bukan - saya dengar saya faham, tidak perlulah. Tuan Pengerusi, saya sudah merujuk ini kepada 36(10)(c) janganlah. Ini sensitif, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Dengar. Saya berharap Larut boleh dengar apa saya hendak mengutarakan. Tadi saya mula-mula saya sudah kata saya harap tidak bangkitkan salah faham.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini sudah salah faham, jangan bangkit lagi.

Tuan Lim Hock Seng: Saya tanya perkara ini, surau ini atau bilik sembahyang ini perlu diserahkan kepada majlis agama negeri untuk disenggarakan atau dijadikan milik majlis agama negeri. Tetapi penduduk-penduduk di taman itu hendak meminta supaya surau ini atau bilik sembahyang ini digunakan untuk tujuan lain seperti bilik *community hall* sebab

surau itu dibina bukan secocok, patut ada *dorm* di atas, tiada, dia macam bumbung biasa sahaja. Jadi majlis agama kata boleh, saya boleh memberi milik kepada penduduk-penduduk di sana tetapi dikira mengikut harga apartmen atau harga rumah di sana.

Jadi satu kaki persegi mungkin RM100, kalau ia RM1,000 dia kena bayar RM100 ribu. Saya membangkitkan perkara ini mengharapkan kerajaan supaya timbang kerana ini adalah bangunan untuk kegunaan agama. Kalau tidak diguna sebagai satu surau atau bilik sembahyang, baik diberi kepada orang ramai untuk dijadikan bilik awam atau *community hall*. Jadi tidak perlu kena yuran atau harga pembelian yang begitu tinggi. Saya harap ini satu kenyataan yang adil tidak seperti apa yang telah difikirkan oleh Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat jangan, jangan saya minta tadi Yang Berhormat bagi Bagan cukuplah. Saya dah rujuk kepada peraturan mesyuarat. Jangan membangkitkan benda-benda yang sensitif.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut, ada Pengerusi di depan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat saya bawa sekali lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bagan silakan gulung.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, saya ada satu perkara lagi. Jadi saya berharaplah dapat satu penjelasan berkenaan dengan apa yang saya bangkitkan itu.

Yang keduanya, Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Dewan ini telah meluluskan rang undang-undang ini dan saya difahamkan penguatkuasaan maritim ini akan dijalankan pada akhir tahun ini, jadi lebih kuranglah masa ini. Saya hendak mendapat tahu logistik dan juga anggota-anggota dan juga bidang tugas penguatkuasaan Maritim Malaysia ini. Kami sedang menghadapi ancaman dari lanun-lanun, *terrorists* dan juga perompak-perompak laut.

Setakat ini adakah sebarang latihan atau kerja-kerja persediaan dijalankan atau adakah penguatkuasaan maritim ini telah berjalan kuasanya dan kalau sekiranya sudah dijalankan sama ada hasil telah didapati atau mendapat hasil setakat ini. Sebab saya baca dalam surat khabar ada juga kumpulan-kumpulan perompak-perompak di laut *South China Sea* diberkas dan juga vessel-vessel tangki minyak apabila mereka *exchange* atau mengisikan minyak di tengah laut telah ditangkap oleh maritim ini. Saya ingin satu penjelasan dari kementerian. Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri sila jawab.

5.15 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasihlah kepada Ahli-ahli yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Pembekalan Tambahan Pertama (2004) peringkat Jawatankuasa - minta maaf Tuan Pengerusi ya, bukan Tuan Yang di-Pertua. Khususnya menyentuh perkara-perkara mengenai tambahan peruntukan di bawah Jabatan Perdana Menteri, jadi saya ucapkan terima kasih dan menghargailah teguran, saranan dan cadangan Ahli Yang Berhormat khususnya yang berucap sebentar tadi iaitu dari Rantau Panjang, Ledang, Kepong, Pasir Mas, dan yang terakhir sekali Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang telah bertanya iaitu berapa jumlahkah masjid yang akan diagihkan dengan peruntukan yang telah disediakan. Jadi jawapannya ialah jumlah masjid yang terlibat dalam bayaran imbuhan bulanan seluruh negara ialah sebanyak 5,109 buah masjid dan kadar bayaran imbuhan bulanan ialah sebanyak RM450 sebulan. Bayaran imbuhan bulanan imam ini akan bermula pada bulan Januari tahun 2005 iaitu tahun ini seperti yang diumumkan dalam *Budget 2005*.

Kemudian Yang Berhormat bagi Kepong telah bangkit berkenaan dengan azan subuh di mana beliau telah minta kalau boleh dikawalkan kerana ia mengganggu penduduk

yang bukan Islam. Saya ingin menyatakan di sini iaitu sebenarnya dalam agama Islam azan ini adalah satu yang dituntut, bahkan hukum azan itu sendiri sunat dilakukan kerana dengan azan itu ianya dapat memberi peringatan khususnya kepada orang Islamlah, tetapi kepada orang bukan Islam, ianya mengingatkan itu bahawa mengenai masa yang telah pun hampir siang.

Jadi dengan itu semua orang dapat membuat persiapan untuk melaksanakan tugas harian mereka dan salah satu hikmat azan itu ada banyak hikmatnya bukan sahaja untuk panggil sembahyang, kerana kita tahu yang bukan Islam dah tentu dia tidak sembahyang, mengikut cara kita tetapi sekurang-kurangnya bangun pagi boleh membuat persediaan. Jadi saya minta kepada mereka yang bukan Islam supaya melihat ini daripada secara positif, sebab kalau kita hendak lihat secara negatif dah tentulah banyak yang boleh kita katakan.

Tetapi saya kira kepada siapa sekalipun bangun pagi itu adalah baik, dan kalau dilihat secara positif bermakna bahawa dia memberikan kita hikmah, bukan masalah kepada kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong, hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Larut bagi saya 5.30 pagi kita jaga - itu baik. Yang Berhormat memang tidak ada. Kalau itu kanak-kanak ataupun orang sakit dan sebagainya, kalau dia hendak terus tidur macam mana hendak buat? Walhal kalau kawasan itu kebanyakan penduduk itu bukan Islam apa salahnya kalau *volume* itu kita turunkan sedikit. Walhal apakah maksud asal yang sebenar?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, kalau dia sakit dia tidak duduk di rumahlah tetapi di hospital. Jadi tidak ada orang yang sakit yang teruk sangat boleh duduk di rumah dan penyakitnya lebih teruk lagi kalau dia dengar azan. Saya rasa orang yang sakit teruk ni duduk di hospital. Jadi saya ingat alasan itu datang daripada seorang yang dangkal pemikirannya. Untuk mengada-adakan sesuatu yang sebenarnya tidak ada.

Kalau Yang Berhormat kata ada orang yang tidak setuju, saya juga boleh bangkit bahawa ada ramai orang yang bersetuju yang bukan Islam. Orang bukan Islam pun ada menyebut bahawa dengan adanya azan subuh ini dapat membantu mereka bangun awal dan menjalankan tugas-tugas harian mereka lebih awal lagi, apatah lagi kalau mereka terlibat dalam perniagaan. Jadi saya ingat bangkit, kutip daripada angin, bagi alasan, yang itu Parlimen, yang budak-budak sekolahnya pun tidak buat juga. Saya harap Yang Berhormat Kepong tidak usahlah kutip alasan-alasan yang tidak bernas langsung untuk dijadikan sebagai alasan untuk menurunkan *volume* azan ini. Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat saya terima aduan dari masa semasa melalui SMS, melalui telefon bimbit dan sebagainya. Memang saya terima dan bukan rekaan, cuma saya hendak cari saluran bagaimana hendak sampaikan. Itu sahaja dan Yang Berhormat Menteri memang mesti mengambil perhatian dan fikir dengan masak-masak dan mendalam kerana kita hendak satu persepsi satu imej. Itu penting. Kalau nilai-nilai sejagat, nilai-nilai universal dan abadi Islam yang baik kita tonjolkan yang baik. Persepsi macam mana, Yang Berhormat persepsi orang, kita mesti menonjolkan imej yang baik untuk selama-lamanya. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Adakah Yang Berhormat menyatakan, iaitu bahawa dengan kita azan itu memberikan imej yang tidak baik? Apakah itu Yang Berhormat kata? Saya ingat itu tidak betul. Takkanlah kalau sebuah kawasan kita ada azan, itu imej yang tidak baik bermakna oleh kerana majoriti orang sini banyak beragama Islam maka imej ini tak baiklah. Soalnya Islam ini datang ke Malaysia lebih dahulu daripada orang bukan Islam datang ke sini. Jadi untuk orang yang kemudian hendak mensyaratkan kepada orang-orang Islam yang telah pun biasa, hendak mensyaratkan kepada orang-orang yang sedia ada yang mengamalkan azan, bermakna Islam ini sampai dahulu kemudian barulah sampai orang-orang bukan Islam dan mereka merasa tidak bukan semua pula tu. Dia seorang sahaja sementara yang lain tu faham. Ini yang kita amalkan toleransi dalam negara kita, itu yang penting.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat, ada 3 yang bangun hendak bagi yang mana satu?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya minta Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, baik Yang Berhormat kita mempertimbangkan masalah bukan Islam sama ada datang ke sini lebih awal daripada Islam yang dibawa oleh pihak penganut daripada India ke kawasan ini. Bilakah sampai ke sini? Bukan Islam pun sampai ke sini. Janganlah kita bangkitkan hal itu. Sejarah akan menunjukkan hakikatnya yang pertama.

Yang kedua, Yang Berhormat Menteri dia sengaja hendak menonjolkan perasaan menjadi jaguhlah tu. Saya mintalah dia ...

Seorang Ahli: Yang Berhormat bagi Kepong menjadi jaguh!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong tanyalah soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: ..Ketereh ni. Kita hendak tunjukkan nilai-nilai yang baik. Persepsi yang baik, imej yang baik bukan hendak jadi pungut undi sahaja tetapi imej yang baik, sebab kalau Yang Berhormat pergi berjalan di mana-mana sekarang kadang-kadang kita menghadapi kesusahan. Kalau nama Muhamad ke mesti susah.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya berharap Yang Berhormat tu janganlah kalau hendak bangkitkan bukti sejarah kita bangkitkan dengan betul jangan menyeleweng.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau pada hari ini kata masalah orang Islam pergi ke luar negara dan dilihat secara serong bukan kerana azan, itu adalah kerana *terrorism* yang secara tidak adil dikaitkan kepada Islam. Bush serang Iraq bukan kerana azan tu kuat sangat. Azan ini bukan suatu yang boleh menjatuhkan imej orang Islam - itu silap besar. Kemudian saya bercakap tentang siapa datang dahulu, Islam datang dahulu kemudian Islam bertapak pada tahun 1511 dan akhirnya seluruh semenanjung ini Islam. Itu yang saya maksudkan Islam datang dahulu. Kalau 2 atau 3 orang datang melawat Malaysia itu tidak kira dia datang dahulu, tidak boleh datang 2 atau 3 orang.

Kita bercakap tentang siapa datang dahulu bermakna orang-orang Islam datang dan telah pun menjadikan orang-orang Melayu itu sebagai orang yang menganut agama Islam dan sudah lama. Itu sejarah yang saya hendak sebut. Kalau Yang Berhormat mempertikaikan benda ini, ini yang kadang-kadang orang cukup sangsi dengan DAP. Chin Peng hendak menjadi Bapa Kemerdekaan dan macam-macam lagi, tak usahlah, sejarah tetap sejarah. Sebab itu saya kata, saya betul sejarah dan kita kena lihat macam daripada persepsi Yang Berhormat azan menjatuhkan imej Islam tetapi pada kami tidak. Kita memerlukan kepada azan itu dan ...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap. Sebab itu Yang Berhormat saya juga mewakili kawasan pilihan raya yang mana 25% adalah orang China. Dan saya bersumpah dalam Dewan ini penggal ketiga saya jadi Ahli Parlimen - 10 tahunlah, tidak ada pun pengundi China datang jumpa saya protes tentang ini cuma Yang Berhormat sahaja. Yang jadi Ahli Yang Berhormat ini bukan Yang Berhormat seorang, saya pun mewakili masyarakat China bukan semua majoriti Melayu 75% sahaja Melayu, yang lain 25% tu banyak China dan mereka tidak pernah kompelin kepada saya. Jadi kalau Yang Berhormat

tidak api-apikan mereka ini mereka tidak akan buat demikian. Sebab itu kita sebagai wakil rakyat kita kena bertanggungjawab terhadap orang-orang yang kita wakili. Jangan kita jadi batu api.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih. Saya ingin sedikit sambung berkenaan dengan hasrat Yang Berhormat bagi Kepong yang sebenarnya. Walaupun barangkali Yang Berhormat Kepong ini, nada dia itu nada *slow* yang barangkali kerana nada dia *slow* itu menyebabkan tidak nampak sensitif dia, tidak nampak dia punya agresif tidak ada.

Hakikatnya hasrat dia, hati kecil dia, dia memang tidak puas hati tentang azan ini tetapi kerana dia liuk lentuk dia itu dia pandai sedikit. Kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bangun, mengamuk habislah orang-orang Islam dalam Dewan ini, dia garang sedikit. Hasratnya memang saya nampak, cuma saya hendak bagi tahu hendak tanya pendapat menteri sama ada setuju atau tidak, ada satu teori. Masalah azan ini, tidak berbangkit soal azan ini, tidak menimbulkan masalah resah gelisah di kalangan penduduk sekitar itu sama ada Islam atau tidak. Cuma dia ada berlaku tiga perkara kalau kita tengok betul-betul, kalau kita buat kajian.

Pertama kalau seseorang itu rumah dia dekat dengan masjid sama ada Islam atau tidaknya biasanya orang itu jadi anak ramai.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Biasanya kalau dia kaki tidak sembahyang pun bila dia sedar dia hendak tidur balik itu dia tidak lena hendak tidur balik itu, dia kena buat sesuatu baru dia letih baru dia tidur balik, *[Ketawa]* sebab itu anak ramai, kita buat kajian.

Yang keduanya, anak dia jadi gemuk, bila anak dia sedar anak dia tidak mahu tidur dah, dia dok buat air susu dia bagi minum anak dia, dia tidur, dia minum banyak lebih sedikit jadi gemuk anak dia. Itu teorilah.

Yang ketiganya, anjing juga kalau rumah kita ada jiran kita pelihara anjing, tiga kali satu malam anjing dia menyalak "huk...huk...huk..." kita sedar. Bila kita sedar kita hendak tidur balik itu lambat, so kalau kita ada isteri kita kena buat sesuatu maka kalau hendak tidur kita tertidur, jadi anak kita ramai, itu teori Yang Berhormat setuju tidak kalau sebut? *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa yang Yang Berhormat bangkit yang saya boleh guna sebagai menjawab sahaja. Bela anjing ini pun orang Islam tidak suka. Bukan sahaja dia menyalak pagi-pagi, malam pun dia menyalak tetapi adakah orang Islam kompelin janan bela anjing, adakah imej orang bukan Islam itu jatuh kerana bela anjing? Anjing juga masalah kepada kita. Hendak pula mari bulan dia mengawan, tahu mengawan? Yang Berhormat tahu mengawan? Hendak saya tunjuk? Tidak payah? Bagus. *[Ketawa]* Kalau mari musim dia mengawan, bising tetapi kita tidak ada kata bawa usul dalam ataupun tanya dalam Dewan apakah perlu kita bela anjing ini sebab dia mengacau orang Islam hendak tidur tengah malam...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ..untuk merealisasikan teori Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tadi. Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya baru masuk, macam mana ini masalah anjing boleh masuk ke perbekalan tambahan? *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini pasal soal, pengamalan orang-orang Islam, kerana azan ini dia kata pagi-pagi bila kuat kacau dia orang tidur, jadi saya pun ambillah sedikit ilmu daripada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, bukan ilmu yang banyak anak itu tidak, ilmu yang anjing itu. Jadi orang bukan Islam dia tidak bela anjing, orang yang bukan Islam sahaja yang bela anjing, orang Islam tidak bela, anjing pun bising.

Jadi bising kita tidak ada bawa usul dalam Dewan atau bertanya supaya anjing ini semuanya dihalau keluar daripada negara kita, tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi inilah toleransi yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah Yang Berhormat tidak perlukan peruntukan tambahan terus masuk kepada perbekalan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, sebab saya terpaksa meletak diri saya tahap ke bawah ke binatang baru boleh hendak jelas kepada Yang Berhormat bagi Kepong ini sebab dia punya akal itu dengkel sangat, *[Ketawa]* jadi saya perlu ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang ya. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh Yang Berhormat bagi Pasir Mas *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Pasir Mas hendak cakap juga? Okey.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sekadar berkongsi pengalaman dan berkongsi sedikit penglihatan apa yang saya lihat. Saya satu ketika dahulu saya duduk di Kota Bharu, di Jalan Kebun Sultan. Barangkali Yang Berhormat bagi Kepong pun tahu di Kebun Sultan ini ada satu gedung ataupun tempat orang-orang budda sembahyang ataupun mengamalkan amalan-amalan yang sesuai dengan tahun baru, yang sesuai dengan agama dia. Saya duduk dalam barangkali 100 ela sahaja rumah saya dengan tempat ini, dan bagaimana toleransinya kita umat Islam saya kira geduk ke rebana? Geduk ya? Geduk yang dipertainkan itu lebih kuat daripada...

Seorang Ahli: Gendang!

Tuan Haji Ismail bin Noh: Gendang? Gendang itu lebih kuat daripada azan dan sifat toleransi orang Melayu dengan orang Cina persekitarannya boleh terima tidak ada apa dan permainan ini kadang-kadang lepas pada waktu Maghrib. Selepas solat Maghrib sebelum Isyak itu benda itu sudah bertabuh dah dan tidak ada apa pun, dan saya sendiri pun pergi tengok, pasal dekat sangat saya pergi tengok apa yang dia orang ini, kadang-kadang dia bagi minum air dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berhujahkah atau hendak...

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jadi, apa yang saya hendak sebut Tuan Pengerusi iaitu azan sedikit sangatlah, tidak mengganggu sangat dan kalau boleh terima semangat azan kepada lain-lain bangsa pun saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi bahawa kita mesti melihat kepada positifnya, bukan melihat pada negatifnya. Sebagaimana saya juga melihat Tahun Baru Cina itu sebagai positifnya di mana ada macam setia kawan yang orang Melayu pun pergi dan kita tidak halang. Jadi benda-benda sedemikian saya rasa boleh kita imbang balikkah dengan apa yang berlaku sana dan apa yang berlaku sini sedikit-sedikit maaf-maaf, insya-Allah, sekian.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan sangat saya selalu setuju dengan Yang Berhormat bagi Pasir Mas, tapi bila dia bercakap itu memang betul. Orang Melayu ini cukup toleransi, kalau dia sayang dekat Cina, masjid pun bentuk macam kuil Cina, itu orang Melayu sebab Sultan Melaka sayang sudah Hang Li Poh dahulu itu kan?

Jadi sebab itu kalau pergi ke Melaka tengok masjid, tidak ada masalah kita ikut, masjid itu cara bangunannya cara Cina dengan dia punya kerawang-kerawang tapi tidak ada apa-apa. Sebab itu saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Pasir Mas sebut, kita tengok benda yang positif. Jadi saya harap Yang Berhormat bagi Kepong jangan minda dan mental anda terkepung kerana ini akan menyebabkan iaitu sikap semangat toleransi yang

selama hari ini kita amalkan ini yang berpuluhan tahun jadi macam ini, sekarang negara aman damai, cubalah jangan dok rosakkan ya. Jadi...

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apalah, dia Yang Berhormat bagi Rantau Panjang cakap tadi pasal dia liang lentok. Jadi saya pun kadang-kadang terikut perangai liang lentok jawab, tapi kalau dia keras saya keras tadi, sila Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, nampaknya Yang Berhormat Menteri tidak menjawab langsung, dia main sahaja itu, main sahaja. Jadi bolehkah Yang Berhormat jawab bagi saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak telefon sama siapa?

Dr. Tan Seng Giaw: Datuk Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *You* telefon ya?

Dr. Tan Seng Giaw: Ini telefon ini...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of Order, Point of Order* guna telefon waktu Dewan bersidang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak guna.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia pegang pun tidak boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia pegang sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidaklah, pegang sahaja, pegang pun tidak boleh?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pegang pun tidak boleh Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Pegang pun tidak boleh, Yang Berhormat bagi Jerai mahu dihalaukan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Ketawa]* SMS pun tidak boleh.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, SMS pun tidak boleh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia baru balik dari Laos Tuan Pengerusi.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia sudah tidak adalah di sini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia ada gambar pergi senang di laut dia tidur masa persidangan.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh jawab kepada saya, 1,500 yang lampau adakah pembesar suara? Apakah maksud yang sebenarnya azan?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pertama saya hendak katalah saya jawab soalan dia, mungkin dia pekak kot, memang dia pekaklah saya ingat sebab yang sebelah sana Yang Berhormat bagi Pasir Mas dengan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang dengar saya punya penjelasan. Kalau pekak pergi jumpa doktor sekarang sebab supaya saya jangan mengulang-ulangi saya punya jawapan.

1500 tahun dahulu, perkampungan kecil daripada masjid, jadi rumah-rumah keliling masjid, dalam masjid dia bang (azan) tidak pakai pembesar suara sudah dengar. Taman perumahan sekarang jauh lebih besar daripada kampung 1,500 tahun dahulu, sebab itu kita kena pakai pembesar suara kerana hendak bagi tahu orang-orang yang duduk di taman perumahan yang beragama Islam, marilah sembahyang. Kalau dia buat

kerja, bilal itu dia azan waktu sekarang sudah ada pembesar suara, dia azan tidak pakai pembesar suara, dia sembahyang empat, lima orang yang dalam itulah sahaja. Jadi kita Islam mengikuti perkembangan, pembangunan, kalau sudah ada pembesar suara tidak akan kita tidak pakai pembesar suara.

Kalau Yang Berhormat dulu jalan kaki, sekarang dah boleh naik motokar, takkan nak jalan kaki lagi, mesti naik kereta. Jadi janganlah, saya ingat dia ni tanya soalan bodoh ini - susah saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, boleh saya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah hari ini di Dewan ini kita guna pembesar suara, la ni tak usah pakai kerana Yang Berhormat bagi Kepong kata tak usah pakai. *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Agaknya begitulah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Awat teruk sangat Yang Berhormat bagi Kepong ni?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia lagi teruk, dia pakai telefon. Kawan dia dekat sini pun, dia pakai telefon sebab itu dia pegang telefon tadi tu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia pergi mesyuarat AIPO dia tidur.

[Dewan riuh seketika]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kedua-dua Yang Berhormat apa sudah jadi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi Tuan Pengerusi, saya dah jawablah ya, saya dah jawab iaitu sebenarnya kita tak boleh menggunakan lima, enam SMS, ini bukan *AF, Akademi Fantasia*, jadi guna yang itu maka kita kata seluruh rakyat bukan Islam tak suka, tak betul. Saya rasa rakyat bukan Islam negara kita juga merupakan orang yang cukup toleransi. Kalau kita pada hari ini satu masyarakat yang cukup baik, sederhana, itu bukan kerana orang Islam sahaja, kerana orang bukan Islam juga toleransi. Dia ni cuba, satu, dua, tiga orang sahaja yang *extremist* sebab dia terkepung dalam kawasan Parlimen dia. Terima kasih.

Saya pergi ke Pasir Mas, Yang Berhormat bagi Pasir Mas mencadangkan supaya RM50 juta diberikan kepada YPEIM untuk diwujudkan konsep Qardul Hassan ya, untuk pinjaman kepada seluruh warganegara Malaysia yang miskin. Kita belum ada rancangan ini pada ketika ini, kita akan kaji dan harapan kita ialah pinjaman yang kita beri kepada yang miskin ya, saya kata, kalau kita bagi pinjaman kepada yang miskin, kita kena fikir juga tentang bayar balik dia macam mana? Kalau tidak baik kita bagi terus sahaja, jadi untuk bagi pinjaman kepada yang miskin kalau dari segi relatiflah makna dia berniaga, itu kita ada beri. Bukan sahaja dari segi yang disediakan oleh kerajaan, tetapi Bank Islam pun ada, bagi mereka yang kurang pendapatan tapi nak meniaga, kita ada bagi macam-macam pinjaman, kita beri ya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Pasir Mas juga berkata iaitu selain daripada pemberian elaun kepada imam, adalah dicadangkan supaya dibangunkan pembangunan insan di masjid-masjid dengan diadakan tazkirah pada waktu Maghrib dan Isyak serta kelas-kelas agama. Sebenarnya di masjid-masjid dalam negara ini, kerajaan telah mengadakan kelas-kelas pengajian takmir masjid. Kelas ini diadakan selepas solat Maghrib.

Selain daripada itu juga kursus-kursus peningkatan pengurusan masjid diadakan oleh pihak JAKIM dan jabatan agama negeri-negeri. Cuma malangnya waktu Yang Berhormat singgah di mana-mana masjid dalam perjalanan tu mungkin pada hari tu tak dijalankanlah. Mungkin dia adakan hari lain, saya tak tahulah, tapi secara kebetulan Yang Berhormat sendiri pun kata, secara kebetulan mungkin tak ada. Tapi sebenarnya pihak JAKIM ada buat perkara ini.

Menambah peruntukan YPEIM, sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, selain amaun RM50 juta yang diperuntukkan, kerajaan baru-baru ini telah pun menambahkan lagi sebanyak RM50 juta lagi menjadikan jumlah RM100 juta. Dalam tahun 1997, kerajaan juga telah memberi pinjaman kepada YPEIM sebanyak RM20 juta bagi melaksanakan skim tersebut. Ini bermakna jumlah keseluruhan yang diperuntukkan untuk skim ini ialah RM120 juta.

Kemudian, yang penghabisan sekali Yang Berhormat daripada ...

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum Yang Berhormat Menteri habis. Oleh sebab tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua dalam penggulungan kata, bahawa isu-isu yang ada dibangkit dalam perbahasan dasar yang bersabit dengan kementerian-kementerian yang lain daripada Kementerian Kewangan akan dijawab oleh Menteri berkenaan di peringkat Jawatankuasa masing-masing. Dan sebab itu saya harap beliau boleh memberi satu balasan khasnya mengenai ucapan saya mengenai tindak-tanduk, kelakuan Yang Berhormat Menteri MITI sama ada ini selaras dengan seorang Menteri yang bertanggungjawab dan kalau tidak apa yang akan dilakukan, akan dibuat oleh kerajaan atau Kabinet? Adakah dia akan dibenarkan terus menjadi Menteri *above* Parlimen, seorang *imperial minister*, tidak perlu ada tanggungjawab dan *minister in exile*, lebih masa luar negara dari dalam. Apakah kita perlu satu pendirian?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir sekarang ini kita di peringkat Jawatankuasa dan sekarang berada di Jabatan Perdana Menteri, jadi saya fikir adakah sesuai masalah MITI dibangkitkan di peringkat Jawatankuasa ini?

Tuan Lim Kit Siang: Dia sudah janji akan dijawab ...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, tak ada masalahlah, tak ada masalah sebab kita kena tunai janji yang disebut oleh Menteri Kewangan, saya akan jawab.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun,...

Tuan Haji Ismail bin Noh: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: .. sekejap ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas, saya boleh pusing balik. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun menyatakan, iaitu bahawa perkara yang berkenaan dengan Menteri yang berkenaan telah dilaporkan kepada beliau pada minggu lepas, akan dibawa dalam Mesyuarat Jemaah Menteri esok, jadi saya tidaklah boleh mendahului Kabinet dalam hal ini. Jadi saya harap Yang Berhormat bersabarlah ya, sabar.

Tuan Lim Kit Siang: Memanglah Yang Berhormat Menteri tidak boleh mendahului apa-apa keputusan perbincangan yang akan dibuat di Kabinet. Tetapi oleh sebab Yang Berhormat Menteri berkenaan sudah pergi luar negeri, adakah perkara ini tentu akan dibangkit, dibincang dan diputus kalau perlu esok atau agenda mengenai perkara ini akan *diaborted*, macam apa yang berlaku dalam perkara AP di 3 Ogos apabila beliau pun tiada hadir?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya rasa kita boleh pegang kepada apa yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, iaitu kita akan bincangkan perkara ini pada esok hari. Namun demikian dalam hal-hal tertentu kita kena amalkan *natural justice*, kita boleh bincang tapi saya kira hal-hal tertentu kita perlu mendapat penjelasan oleh menteri berkenaan, jadi bincang kita akan bincang, tapi kalau perbincangan itu mengatakan bahawa ada perkara-perkara tertentu yang kita perlu mendapat daripada menteri berkenaan, maka kita akan bincang seterusnya pada Mesyuarat Kabinet yang akan datang.

Dan pada ketika itu Parlimen masih lagi bersidang, jadi jangan bimbanglah maknanya sukar untuk seseorang itu dia nak lari daripada dia menjawab perkara yang dibangkit terhadap dia.

Tuan Lim Kit Siang: Perkara ini bersabit dengan kemuliaan Dewan yang mulia ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri selepas Mesyuarat Kabinet membuat satu laporan apa yang berlaku oleh sebab ini secara langsung melibatkan kedudukan, maruah, *dignity* Ahli-ahli Parlimen di sini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dalam hal ini, yang dipersoalkan bukan Kementerian, yang dipersoalkan ialah menteri jadi saya rasa adalah untuk berlaku adil kepada Menteri supaya dia sendirilah, kalau dalam soal Kementerian, Kementerian itu terdiri daripada menteri, timbalan menteri dan juga setiausaha Parlimen. Dari segi peraturan dalam Dewan, tidak ada kesalahan yang dilakukan kerana ada wakil yang menjawab bagi pihak MITI, cumanya daripada segi pandangan Ahli Parlimen mereka nak menteri itu sendiri menjawab.

Maka oleh hal yang demikian, apa-apa juga yang akan berlaku saya ingat adalah lebih baik untuk Menteri itu sendiri datang menjawab kerana dalam Dewan kita ini, kita tak boleh mari, tiba-tiba mari nak cakap, tak boleh. Kita ada peraturan, usul, jadi kita kena cari ruang yang mana sesuai, saya percaya bahawa akhirnya dia tidak boleh lari, dia tidak akan lari daripada untuk dia bertanggungjawab kepada Dewan Rakyat ini.

Tuan Pengerusi, ya Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya kembali sedikit kepada pengurusan masjid yang telah dibincangkan dan telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi.

Saya melihat Yang Berhormat Menteri pengurusan masjid di seluruh negara kita walaupun tidak lemah sebenarnya kita mengaku bahawa pengurusannya lemah. Barangkali di peringkat-peringkat Wilayah, peringkat masjid negeri itu baguslah tetapi kalau kita turunkan sedikit kepada peringkat bawah kita nampak bahawa pengurusannya agak ketinggalan kalau kita banding-bandingkan dengan yang lain. Di antaranya kita tidak bekalkan dengan masjid-masjid kita dengan komputer misalnya. Kalau sekolah rendah kita bekalkan komputer, masjid-masjid di jajahan bukan masjid mukim, masjid besar (masjid jajahan) ini kalau misalannya di tempat saya di Pasir Mas misalnya. Ataupun kalau di sini di jajahan-jajahan yang besar sepatutnya kerajaan membekalkan atau Jabatan Agama Islam membekalkan masjid-masjid ini dengan komputer bagi menyelaraskan pengurusan masjid berkaitan dengan pendaftaran zakat fitrah dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, misalnya sekarang dekat dengan bulan Ramadan atau bulan puasa. Apabila sampai bulan Ramadan, saya tengok bilal-bilal masjid ini turun ke masyarakat, pergi daftar. Perkara ini dilakukan tiap-tiap musim dekat dengan bulan puasa atau bulan Ramadan ini. Mereka tidak mempunyai bank - bank simpanan maklumat yang cukup kepada isi kampung halaman ataupun penduduk-penduduk setempat dalam mukimnya ataupun dalam kawasan masjidnya.

Kalau ada komputer begini Tuan Pengerusi, setidak-tidaknya katakanlah ada anak lapan, dia masuk *trust* sekali dengan anak-anaknya, suami dan isteri dan anaknya enam orang. Tinggal lagi dia menerima maklumat-maklumat baru dan diisikan kepada web site dia sendiri. Kalau ini dapat dilakukan kita cuba dahulu, cuba sebuah dan dua buah masjid dengan komputer ini kita tengok perkembangannya. Kalau nampak elok kita perkuatkan lagi sehingga negara kita ini mempunyai komputer dan sekali gus pengurusan masjid dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa dan perkara-perkara yang berkaitan dengan daftar penduduk ataupun pendaftar ahli qariah, ahli mukim yang ada dalam mukim itu bagi membolehkan dan memudahkan mereka membayar.

Tidak perlu pergi tiap-tiap tahun tambah-tambah terutamanya kalau di Kelantan Tuan Pengerusi, musim hujan. Mereka hendak daftar itu lagi, ini lagi sehingga ada tercicir. Kalau kita ada komputer macam ini di masjid-masjid besar kita ini, setidak-tidaknya kita boleh membantu dalam pengurusan Bahagian Mal atau Bahagian Harta yang kita perbincangkan banyak perkara dalam dewan ini. Saya minta supaya Yang Berhormat berusaha sedaya-upaya untuk mencari jalan supaya masjid-masjid besar seperti ini atau jajahan sebesar ini dikembangkan dengan komputer dan sekali gus, bukan sahaja kembar komputer imam-imam ini ataupun orang berkaitan dengan masjid atau pegawai-pegawai masjid dikursuskan. Dengan demikian baru kita dapat melihat sesuatu yang terbaik.

Kalau kita buat masjid terbaik, dari segi prasarana yang baik, apa yang baik tetapi pengurusan yang tidak baik, maka kita tidak dapat melihat suatu bentuk yang baik dan yang ada dalam jajahan tersebut kerana saluran yang terbaik ialah masjid apa sahaja kerana orang mendengar tidak kira orang PAS, tidak kira orang UMNO, asal sahaja orang Islam mereka hadir ke masjid untuk mendengar dan mendapat taklimat dan mendapat suatu yang terbaru di masjid mereka, jadi ini yang saya cadangkan.

Yang kedua pula Qadrul Hassan yang saya sebutkan tadi, barangkali Dato' Pasir Puteh ini dia ada maklumat tetapi malangnya tidak dilaksanakan. Saya mencadangkan supaya Qadrul Hassan ini dibuat juga di masjid-masjid melalui jawatankuasa dia dan pembahagian ataupun pinjaman yang berbayar dengan tidak ada faedah, pinjaman yang berbayar dengan tidak ada riba'.

Kita cubakan, hendak lihat bagaimana perkembangan ekonomi Islam melalui masjid-masjid, kita hendak bangunkan masjid kita tadi. Apabila kita hendak membangunkan mesti ada wangnya dan orang yang pergi masjid, barangkali dahulu dia tidak pergi masjid.

Saya tadi secara berseloroh sahaja tadi tapi nampak Yang Berhormat bagi Ketereh sudah merah telinga, tidak saya berseloroh sahaja bukan saya berhasrat begitu. Kita boleh tarik orang-orang kita supaya berbudaya maju lagi. Setidak-tidaknya kita beri RM200 kepada janda-janda, kepada ibu-ibu tunggal kita misalnya, kita daftar melalui masjid. Setidak-tidaknya dia datang untuk solat selain daripada datang untuk solat dia ada masanya untuk mendapat wang. Wang ini wang pinjaman dan ada syaratnya bukannya pinjam kemudian dan Ali Baba macam itu tidak. Kelantan sudah buat begitu, sudah berjaya Alhamdulillah. Di kampung saya di dalam kawasan saya, tiga dan empat masjid yang saya sendiri menjadi pemantau kepada projek ini dan Alhamdulillah mereka bayar balik kerana mereka pergi sembahyang dan mereka diperingatkan dengan hutang dan hutang mesti dibayar.

Saya lihat bahawa percubaan yang dilakukan di Kelantan bagus dan baik, kita cuba di Selangor pula dan kita tengok. Kalau Selangor tidak boleh buat, duit ini hantar ke Majlis Agama Islam Kelantan dan biar Kelantan buat lagi, itu dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ini saluran yang baik ini, saluran yang baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan masanyalah ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Kalau boleh kita buat begitu Yang Berhormat, di Selangor, di Perak baik, di Kedah baik dan bakinya dihantar ke Kelantan, sama-sama kita buat sesuatu yang baik, kita tengok ekonomi orang Melayu, tidak. Jangan kita kata, kita hanya kata Kelantan ini miskin, Kelantan ini tidak maju tetapi kita tidak bantu orang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah, ini hanya dasar tidak perlu kita bangkit banyak.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya cadangkan dan apa komen Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pertamanya berkenaan dengan komputer tadi, saya rasa kalau masjid pun kerajaan pun boleh bina, komputer itu tidak menjadi hal sangat. Cuma komputer ini *hardware* dan dari segi *software* itu. Di dalam masjid ini orang menjadi anggota masjid ini selalunya tidak tetap tetapi sementara. Kalau masjid - sukarela datang menjadi jawatankuasa masjid sukarela takut nanti kalau kita beri komputer ada tetapi orangnya tidak ada. Ini kita kena fikir betul-betul sebab kalau kita hendak buat bermakna kalau 5,000 buah masjid itu dia punya jumlahnya besar juga. Biarlah kita rancang betul-betul supaya apa yang kita laksanakan itu kerana niat kita baik, jangan nanti pula dia menjadi satu perkara yang disifatkan sebagai pembaziran kepada kita yang juga dipandang dan dibenci oleh agama kita iaitu pembaziran ini.

Cadangan itu baik tetapi saya fikir mungkin terlebih dahulu kita kena pastikan dia punya *software* itu ada, saya tidak mahu nanti kerajaan setuju atau kerajaan hantar maka dia akan jadi hanya sebagai perhiasan ataupun disimpan dalam bilik sahaja tidak diguna.

Kemudian berkenaan dengan pinjaman sebentar tadi, Yang Berhormat kita hendak kena fikir juga iaitu bahawa tentang kedudukan orang-orang kita juga daripada segi pinjaman ini, sebenarnya pinjaman banyak kita beri, berbagai-bagai skim kita beri. Cuma yang menerusi masjid ini Yang Berhormat punya cadangan itu baguslah supaya orang yang tidak selalu datang ke masjid akan datang ke masjid tetapi dengan sikap dan perangai orang kita, kita belum tahu lagi sebab sudah banyak kita tengok pinjaman kita beri memang orang-orang Melayu ini cukup liat untuk membayar hutang.

Walaupun setiap kali dia diperingatkan, tiap-tiap kali ada jenazah hendak di bawa keluar daripada rumah mereka ingatkan tetapi pada dia, dia tidak rasa di dunia tidak ada apa-apa. Saya takut nanti yang datang bersembahyang sudah tidak datang pula sebab tidak bayar hutang, itu juga boleh berlaku, dia ada *site* dengan izin *of the point*. Elok-elok dia datang masjid, selalu datang, kita tengok dia rajin ke mari kita beri dia hutang, esok dia tidak bayar dan tidak datang sudah, adi boleh juga berlaku. Sebab itu kita kena bincang betul-betul kerana ia ada melibatkan satu jumlah yang besar.

Sebab itu saya rasa apa-apa juga yang kita hendak lakukan kita mesti lihat juga dari segi sikap orang itu. Memang cantik, memang satu cadangan yang baik tetapi jangan nanti pula dia juga menjadi pembaziran dan kita menambahkan pula dosa orang Islam kita, dahulu tidak datang sembahyang sekarang tidak bayar hutang pula dan sembahyang juga tetap sembahyang, itu juga masalah. Kalau *argument* yang diberi oleh Yang Berhormat tadi kata dengan beri pinjaman orang datang sembahyang tetapi kita juga kena lihat mereka juga mungkin tidak akan datang sembahyang kerana tidak bayar hutang. Kita kena fikir betul-betul dan lihat juga daripada perkara yang tidak baik dan yang mungkin boleh berlaku dan yang akan memudaratkan lagi umat-umat Islam kita.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Pasir Mas...sekarang saya pergi kepada Bagan. Bagan mencadangkan peruntukkan RM2 juta atau RM3 juta untuk membina semula masjid lama, yang tadi.

Kebanyakan masjid dibina di tapak lama dan bolehkah dibina di tapak yang baru. Masjid-masjid lama boleh dibina di tempat baru setelah mendapat pandangan dan keputusan Majlis Agama Negeri kerana ini bidang kuasa pihak agama negeri-negeri. Itu sudah menjadi hak dia, jadi kena bincang dengan dialah kerana masjid tapak itu sudah menjadi hak Majlis Agama Islam negeri itu. Kalau apa hendak buat pun bincang dengan dia, hendak tukar ke, apa ke, boleh bincang. Dan, kalau mereka mempunyai pandangan kata okey, okeylah.

Kemudian juga berkenaan dengan dicadangkan supaya surau-surau tempat sembahyang di *apartment* diconvert menjadi bilik kegunaan komuniti sekiranya ianya tidak digunakan untuk tujuan ibadah. Sebenarnya surau-surau ini, tempat sembahyang ini ditentukan oleh jawatankuasanya masing-masing, ya. Pihak berkuasa Jabatan Agama sentiasa memantau dan akan memberi nasihat kepada jawatankuasa tersebut supaya surau-surau itu dikawal dan dijaga supaya sentiasa memakmurkannya. Tetapi Yang Berhormat sebut berkenaan dengan minta bayaran itu. Betul ke?

Tuan Lim Hock Seng: Memang. Apabila pemaju membina sebuah surau atau sebuah bilik sembahyang beliau perlu menyerah kepada Majlis Agama Negeri dengan satu ringgit dan geran-geran semua siap sedia untuk diserahkan kepada Majlis Agama. Tetapi apabila penduduk-penduduk kerana ia telah ditinggalkan tidak pun diguna sebab langsung tiada orang Islam duduk di sana mereka ingin meminta supaya bilik itu digunakan untuk tujuan lain dan Majlis Agama, kata boleh. Kamu boleh membeli bilik ini dengan harga sama juga *apartment*. Kalau katalah *apartment* itu RM100.00 satu kaki persegi, berapa kaki persegi surau itu atau bilik itu, dia kena bayar seperti itu dan kemudian baru dipindah kepada mereka untuk digunakan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya perlu penjelasan itu kerana dari segi undang-undang apabila sesuatu kawasan itu telah diserahkan kepada Majlis Agama Islam walaupun dengan bayaran nominal satu ringgit. Tetapi satu perjanjian yang sah telah pun berlaku, di mana penukaran hak milik telah pun berpindah kepada Majlis Agama Islam, jadi itu sudah menjadi hak Majlis Agama Islam. Jadi, kalau sekiranya ianya tidak diguna maka kalau diminta oleh masyarakat tempatan untuk kegunaan mereka, saya rasa pihak Majlis Agama Islam berhak untuk menentukan.

Kalau dia kata sewa, bolehlah sewa, kalau dia kata boleh guna tanpa bayaran apa-apa sewa, bolehlah. Itu terpulang kepada Majlis Agama Islam kerana sudah menjadi hak dia, *property* dia.

Jadi, kalau ianya untuk kegunaan selain daripada surau, mungkin dari segi Majlis Agama Islam merasakan itu bahawa kalau diberikan kepada masyarakat tempatan untuk digunakan bagi tujuan-tujuan yang lain maka ini bermakna bahawa sudah tukar. Yang Berhormat semua tahulah tempat suci ini, sama ada kuil ke, apa ke, ini tempat suci.

Jadi, kalau kita sudah ubah dia punya tujuan mungkin dari segi pandangan hak Majlis Agama Islam dia merasakan daripada dia bagi sewa bulan ataupun *free*, baik dia bagi terus. Jadi, kalau bagi terus takkan hendak minta satu ringgit, mesti dia jual mengikut harga pasaran sebab sudah menjadi hak dia. Jadi dia kata lebih baik bagi terus bagi terus, bagi terus maknanya belilah. Jadi, kalau beli tidak bolehlah dengan harga satu ringgit sebab sudah menjadi hak dia dan ini akan diserahkan buat selama-lamanya.

Maka saya rasa adalah adil untuk Majlis Agama Islam menentukan kalau masyarakat mahu buat selama-lamanya ambillah, belilah daripada kami. Kerana jangan soal kami bayar satu ringgit sebab itu sudah merupakan hak kami. Saya percaya dari segi apa sekalipun, saya rasa itu adalah tepat dan adil untuk mereka beli dengan harga pasaran. Soal dia satu ringgit itu sudah menjadi syarat yang telah pun diserahkan kepada mereka, sudah menjadi hak dia.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oleh sebab itu, saya rasa Majlis Agama Islam lebih merasakan daripada bayar bulan ataupun guna sementara lebih baik jual terus supaya tempat itu bolehlah digunakan untuk apa pun kerana Majlis Agama Islam tidak lagi mahu menggunakan itu sebagai surau.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Saya tidak pernah langsung sekali meminta supaya ia ditransit dengan satu ringgit *nominal*, tidak. Saya kata pemaju menyerahkan bangunan ini kepada Majlis Agama dengan *nominal sum* satu ringgit dengan persediaan *extra title* ke, itu geran sudah siap-siap. Sekarang saya minta, kalaulah orang ramai hendak menggunakan tempat itu dan Majlis Agama akan menjual kepada mereka janganlah ikut harga pasaran. Mungkin kalau RM100 ribu harga pasaran mungkin dijual kepada mereka RM60 ribu ke, RM70 ribu dengan ada diskaun, itu sahaja saya minta.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat kalau orang bukan Islam pun minta, saya rasa mereka tidak marah sebab Majlis Agama Islam ini bukannya satu syarikat komersial, jadi kita anggap itu sebagai *donation*lah, malah sepatutnya bagi bayar lebih lagi, apa salahnya. Saya rasa orang bukan Islam pun rasa tidak marah sebab duit yang pergi kepada Majlis Agama Islam itu bukan masuk dalam poket individu kerana dia bukan syarikat, dia bukan mendatangkan satu keuntungan kepada syarikat, malah duit itu akan masuk dalam dana dan dia akan diagih semula balik kepada orang ramai.

Jadi, saya ingat dengan gereja ke, dengan Majlis Agama Islam ke, kuil, tidak usah hendak *bargain*lah, bagi sahajalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh rundinglah, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh rundinglah. Dan sepatutnya kita pun bagilah sebab kita tahu dia bukan syarikat yang berniaga, kita bagi rela kata kita tahu bahawa duit ini akhirnya akan digunakan untuk orang ramai juga, diagih sebagai fitrah ke, apa ke, terpulang. Saya rasa itu okeylah, tidak apalah, ini bagi kepada Majlis Agama Islam bukan bagi kepada syarikat yang dimiliki oleh saya ke, apa ke, itu tidak patut sangatlah kan. Tetapi kalau saya pun tidak dapat satu ringgit, kena bayar. Saya pun dahulu, kalau saya berniaga zaman dahululah sebelum saya jadi wakil rakyat, saya pun tidak dapat tanah dengan satu ringgit.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Balik kepada isu seringgit. Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa perkara Yang Berhormat Menteri, masalah Menteri MITI akan dibangkit dan bincang esok. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri apabila perkara ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya! Saya harap...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kita sekarang bincang masalah tanah...

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, habis, sudah habis. Sudah bincang habis? Tanah itu belum habis?

Seorang Ahli: Belum

Tuan Lim Kit Siang: Habiskan dahululah, habiskan dahulu, okey. *[Disampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak sabar.

Tuan Lim Kit Siang: Ya! Orang tualah. Okeylah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah tua, saya muda kena bagi jalan...

Tuan Lim Kit Siang: *You* sangat muda okeylah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bagan, lagi bidang tugas APMM. Bidang tugas APMM, yang ini saya bentang tahun lepas, ialah menguatkuasakan undang-undang dan ketenteraman di bawah mana-mana undang-undang persekutuan. Melaksanakan tugas mencari dan menyelamatkan dan menyelamatkan di Maritim. Mencegah, meningkatkan dan menjalankan pengawasan udara dan pantai. Ini dia punya bidang tugaslah, maknanya dari gigi persisiran pantai ke laut, itu APMM punya. Jaga ketenteraman, keamanan itu hak dia. Jadi, itu dia punya tugas dan dia buat kajian menyelamatkan dan juga mencegah, menghalang, menyekat kelakuan kesalahan. Yang ini saya tidak dapat hendak baca tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pakai cermin matalah, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu bidang tugas APM.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cermin mata boleh pakai.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pakai cermin matalah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pakai cermin mata?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kata tidak nampak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh, tidak nampak. Bukan, tulisan dia tidak bagus.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan masalah mata?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan, mata saya okay, tidak ada masalah. Cuma apabila tulisan dia teruk sedikit...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab tadi Yang Berhormat kata tadi muda.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kata muda lagi, kata orang lain tua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mesti, saya muda.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tiba-tiba tidak nampak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu salah pegawai tulisannya tidak cantik. *[Ketawa]* Kalau dia tulis cantik, memang saya boleh baca. Kalau tulisan dia tidak cantik, orang muda pun tidak boleh baca. Tuan Pengerusi, daripada sini latihan APMM akan dilancarkan pelaksanaannya pada akhir bulan November tahun ini. Setakat ini enam siri latihan sedang dijalankan atas anggota-anggota APMM dan terdiri daripada 300 anggota. Siri latihan ini akan berjalan sehingga semua perjawatan APMM seramai 4000 jawatan dipenuhi. Itu APMMlah. Kemudian...

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pendang bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, Yang Berhormat bagi Pendang. Pendang mana ada laut?

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Dekat dengan laut.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ok.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berhubung dengan tugas APMM yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi ini, adakah ia pertindihan tugas antara polis marin dengan Tentera Laut Diraja Malaysia dalam menjalankan tugas?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah tentu ada pertindihan tetapi, APMM akan mengambil alih semua tanggungjawab mereka ini. Saya sudah sebut dalam pembentangan rang undang-undang tahun lepas iaitu bot-bot mereka yang mana diguna oleh Kastam ke apakah, ini akan diserahkan kepada APMM dan dia akan mengambil alih semua. Kita tidak mahu ada pertindihan. Sebenarnya pertindihan tugas ini banyak marin, polis marin pun ada jadi ini semua akan dikendalikan oleh APMM.

Navy ini dia tentera, dia menjaga kedaulatan negara kita. Dia akan berjalan, tetapi dia tidak boleh mengambil tindakan sivil, yang itu polis. Oleh sebab itu kita hendak memastikan supaya cuma ada satu sahaja badan penguat kuasa APMM. Hal laut itu hal APMM, atas darat polis. Ini kita bahagikan supaya jangan ada pertindihan tugas dan tanggungjawab. Itu sebagai jawapan.

Kemudian akhir sekali, ini akhir untuk Yang Berhormat bagi Bagan. Penguatkuasaan ini bila dia akan dilaksanakan? Insya-Allah mulai November 2005. Yang Berhormat nanti sekejap, ya? Di sini ada isu yang dibangkitkan waktu peringkat dasar. Yang Berhormat bagi Larut ada bertanya berkenaan dengan beliau memohon agar dibuat kajian oleh Kementerian Kewangan dan Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri ke atas peruntukan untuk kegiatan-kegiatan belia dan sukan dan lain-lain. Kajian profil belia bagi keseluruhan negara yang sedang dibangunkan secara berterusan oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Negara dijangka akan dapat membantu agensi-agensi pusat dalam penyediaan peruntukan untuk kegiatan-kegiatan belia dan sukan.

Memandangkan kajian ini melibatkan persatuan dan golongan belia di peringkat akar umbi, kementerian memerlukan masa dalam mendapatkan maklum balas daripada pihak yang terlibat. Peruntukan yang disediakan untuk program-program kegiatan belia melalui belanja mengurus Kementerian Belia dan Sukan, adalah untuk membantu persatuan menjalankan aktiviti dan persatuan-persatuan belia hendaklah berusaha mencari sumber pembiayaan sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sekarang berjawab bagi pihak Menteri Belia?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, saya tidak. Ini fasal dia kait dengan Jabatan Perdana Menteri. Tadi dia kata Kementerian Kewangan dan Unit Perancangan Ekonomi JPM, sayalah itu JPM. Dalam ketiadaan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri sayalah. Saya ingat juga Yang Berhormat...sekejap, ya? Sila Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai isu kontroversi Yang Berhormat Menteri MITI akan di bincang dalam Mesyuarat Kabinet esok oleh kerana melibatkan isu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi sudah sebut Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan telah dibuat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berharap bahawa... harap...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tambah lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, harap bahawa Yang Berhormat Menteri nanti apabila perkara ini bangkit bahawa boleh timbul khasnya satu isu yang saya baru terima email, Sekarang baru terima email.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini....

Tuan Lim Kit Siang: Ada melibatkan perkara ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara baru.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, bukan. Harap beliau boleh timbulkan oleh kerana kontroversi ialah senarai AP di mana Ahli-ahli Parlimen patut dikeluarkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir cukuplah apa yang dibangkitkan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ini mustahak, sebab ini *on the way* sahaja. Pendek, satu ayat sahaja. Saya mendapat email bahawa adalah seorang Ahli Parlimen ada tiga AP dalam senarai. Senator Dato' Haji Muhammad bin Abdul Ghani no. 78/2001, no. 106/2001 satu tahun AP dan no. 242 ialah untuk tahun 2004, perkara semacam ini boleh pun bangkit. Ini menunjukkan *blog* begitu *Influential* serta-merta saya terima, saya boleh bangkit. Saya harap esok di Kabinet - mana boleh seorang ada tiga AP dalam senarai yang dikeluarkan? Orang itu *carbon copy*, dia pun ada bagi tahu enam orang ada dua AP dan saya sudah bagi tahu kepada Parlimen dan ini tunjukkan bahawa *blog* di Malaysia *favorite* dan saya harap semua boleh ada *blog*, *visit my blog*. *Thank you*, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Tidak ada email lagi, ya?

Tuan Lim Kit Siang: Email? Nanti kalau saya terima email lagi, saya akan berdiri sekali lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya nanti...

Tuan Lim Kit Siang: Serta-merta, ini *we must be on the ball*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak akan dibenarkan nanti.

Tuan Lim Kit Siang: *IT Parliament*, apabila terima email, kita bincang okay?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat tentu ada, jangan takut.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak faham. Dia cakap apa tadi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Ahli Parlimen ada tiga AP disenaraikan dan dikeluarkan dan saya ada beri nombor 78, 242, 106 tadi ada sebut Dato' Haji Muhammad bin Abdul Ghani. Ini dalam senarai bukan saya cipta. Senarai yang ada dalam buku ini pun, itu jawapanlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, dia baru terima email.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, baru terima email.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baru terima.

Tuan Lim Kit Siang: Saya boleh bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, ambil ingatan dan bawa, cukuplah. Nanti tiba-tiba email lagi masuk, mesyuarat tidak akan habis.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apalah, Yang Berhormat baru dapat email, saya pun hendak tunggu email jawapan. Jadi saya pun belum dapat lagi email bagi jawapan ini, saya minta supaya saya boleh jawab akan datang. Fasal saya belum terima jawapan. Fasal kita guna emailah ini. Tunggu email.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ok, baik.

Tuan Lim Kit Siang: Kabinet belum terima email?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, ini jawapan. Hendak tunggu email juga, pasal dapat email. Adillah, baru adil. Saya tunggu email, ya? Saya juga tunggu email.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat tolong serius sedikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya seriuslah, siapa kata saya tidak serius, saya seriuslah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya. Yang Berhormat dapat email, mahu jawapan saya tunggu saya punya emailah.

Tuan Lim Kit Siang: Kita harus serius. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Seriuslah. Takkan Yang Berhormat hendak saya tipu dalam Dewan, kalau saya tidak tahu jawapan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bagi nasihat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya pun bagi nasihat juga, saya akan jawab apabila terima email.

Tuan Lim Kit Siang: Jawab email.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tunggulah saya punya email.

Tuan Lim Kit Siang: Jawab sekarang, apa jawab ini? *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yalah, saya akan tunggu. Saya tidak boleh jawab sekarang dan saya sebagai menteri saya tidak terima arahan Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan terima, tidak terima.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi saya akan...

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat harus serius.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siapa kata saya tidak serius, saya serius.

Tuan Lim Kit Siang: Itu email kena jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya saya pun mahu tunggu juga email.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, emailnya mahu tunggu juga, mana boleh jawab sekarang, saya hendak tunggu jawapan.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh tunggu email...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mahu saya tipukah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak ada email, tidak boleh beri jawapan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mahu saya tipu? Saya mahu jawapan. Ya, saya mahu tunggu email.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak ada email, terus tidak ada jawapan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya mahu jawapan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya mahu tunggu email.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan pasal email. Ini jangan main-main.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mahu jawabankah, mahu tipu? Mahu saya tipukah, mahu jawapan?

Tuan Lim Kit Siang: Jangan main-main mengenai penggunaan IT.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: .. sebab itu saya tidak mahu tipu, saya tunggu email.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan main-main.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siapa main-main?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ..sikap... *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa sikap?

Tuan Lim Kit Siang: ..kutuk...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak... mahu kutuk sayakah? Tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Tiada...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa, *you* satu orang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Gua puji lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya fikir beliau tidak akan memberikan satu jawapan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya kata bawa ke Kabinet.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sudahlah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, duduklah Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Ini sikap main-main, tidak boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor *double standard*.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu dia tidak boleh beri jawapan, tetapi jangan ada sikap yang main-main. Itulah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini soal dalam Dewan Rakyat, kita jawab dalam Dewan Rakyatlah, apa bawa ke Kabinet pula. Sebab itu saya mahu tunggu saya punya email juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat boleh tunggulah. Sudah cukup, ah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tunggu email saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terpulang pada Yang Berhormatlah.

Tuan Lim Kit Siang: *I forward to you now.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekarang dalam dewan kita *off*, dalam dewan peraturan dia *off*, kita ini mana boleh. Saya punya telefon semua....

Tuan Lim Kit Siang: Mana ada peraturan *off*?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tengah menjawab, mana boleh...

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Tutup telefon, buka internet.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau tidak nanti saya tidak serius, kalau saya tidak tutup kerana hendak jawab, hendak tengok *email* sahaja, mana boleh. Kita menganggap Parlimen serius, sebab itu saya jawab dengan serius.

Tuan Lim Kit Siang: Ini belum... *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jawab, jawab. Bukan tengok *email*.

Tuan Lim Kit Siang: Ini dalam mesyuarat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini dia tidak menjawab, dia duduk bolehlah dia baca *email*. Takkan saya nak jawab, baca email.

Tuan Lim Kit Siang: Baiklah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha! Saya tunggu saya punya *email*. Ok, saya tunggu saya punya *email*, nanti saya menjawab.

Tuan Lim Kit Siang: Belum lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, ini jawapan Yang Berhormat, terpulang kepada Yang Berhormat, sila, cukuplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang saya punya *floor* sekarang, saya Raja, saya boleh cakap apa, kata putus saya. Terima kasih Yang Berhormat. Jadi akhir sekali, ini saya baru terima...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terima apa?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ..iaitu jawapan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan terima *email*?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, saya tidak buka *email*, *email* saya tutup kerana saya serius. Kalau saya dalam Dewan Rakyat baca email, dengar saya menjawab, itu tidak serius, macam Ketua Pembangkang, dia tidak serius. Bermakna apa saya jawab pun dia tidak mahu dengar. Dia tak serius. Jadi Tuan Pengerusi...

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ..duduklah, tak serius, dia tak serius, ada jawab tidak hendak dengar tidak seriuslah jawabnya.

Tuan Lim Kit Siang: Dengarlah Yang Berhormat!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya menjawab, ini saya punya *floor*, saya menjawab,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi Yang Berhormat, apa yang dikatakan, Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ..dia tidak hendak dengar, pertama dia tidak serius, kedua dia tidak tahu peraturan kerana ini saya punya *floor*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mungkin apa yang dikatakan oleh Menteri benar juga.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bila Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi saya tengah menjawab, kalau saya tengah menjawab, dia tidak boleh berdiri, itu dia tidak fahamkah? Betul-betul macam unta di Mekah, lama sahaja dalam Parlimen, tetapi apa pun tidak tahu. Jadi oleh itu, Tuan Pengerusi, yang terakhir sekali...

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Ketawa]* ..seperti Yang Berhormat telah ketahui, sudah tua *relax* sikit, orang muda *cool* saja, malulah.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah ketahui pada 22 September 2005, ini berkenaan dengan Yang Berhormat punya MITI, janganlah main *email*, dengarlah saya hendak jawab ini, ini berkenaan MITI, mahu dengar, tak mahu dengar? Dengar ya.. ok..

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu yang mendengar, main, itu orang yang gila. Orang gila sahaja yang boleh buat. Orang yang siuman tak boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana boleh, dengar, tengok, mana boleh, tidak seriuslah. Cuma yang saya tahu orang yang di Tanjung Rambutan boleh macam itu. Dia boleh tengok, dia boleh cakap, semua dia boleh dalam satu masa, itu Tanjung Rambutanlah.

Jadi ini berkenaan dengan MITI, seperti Yang Berhormat telah ketahui, pada 22 September 2005, Tuan Yang di-Pertua telah memutuskan bahawa usul untuk merujuk Menteri MITI kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan boleh dibawa mengikut Peraturan Mesyuarat 27 sebagai usul biasa yang diproseskan melalui peraturan sedia ada. Oleh itu, sebarang isu mengenai Menteri MITI yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah dibincangkan ketika usul tersebut dibahaskan nanti. Jadi itulah saja jawapan saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah wang sejumlah RM130,930,000 untuk Maksud B.6 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM130,930,000 untuk Maksud B.6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM50 untuk Maksud P.6 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM50 untuk Maksud P.6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1)2005.

Maksud B.11, B.12 [Jadual] –

Maksud P.10 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.11 dan B.12 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahaskan. Tumpat.

6.26 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada pertamanya Maksud B.11, Perkhidmatan Am Perbendaharaan, yang mana melibatkan peruntukan sebanyak RM6.292 ribu juta untuk bayaran subsidi petroleum

Pertamanya, saya ingin mengingatkan kerajaan yang sentiasa dalam pengumuman-pengumuman atau laporan-laporan berkaitan dengan perbelanjaan yang bertambah untuk subsidi petroleum dan lain-lainnya, kadangkala, malah sering kali pihak kerajaan dan media melaporkan bahawa ini adalah merupakan kerugian di pihak kerajaan.

Jadi istilah kerajaan rugi atau kerugian kerana perbelanjaan bertambah sama ada dalam bentuk subsidi atau perbelanjaan lain, saya harap tidak digunakan kerana tugas kerajaan ialah untuk berbelanja untuk rakyat dalam apa bentuk sekali pun. Jadi istilah-istilah rugi ini seolah-olah memberikan bebanan kepada kerajaan, seolah-olah rakyat ini beban kepada kerajaan, seolah-olah keperluan rakyat ini menjadi tanggung jawab kepada kerajaan, yang kerajaan menganggap satu kerugian apabila perbelanjaan itu dipergunakan. Jadi itu seruan saya yang pertama kepada pihak kerajaan.

Keduanya, subsidi petroleum yang bertambah ini berpunca daripada harga minyak mentah yang meningkat. Walaupun akhir-akhir ini, peningkatannya agak reda malah telah menurun akibat daripada anggapan bahawa taufan Rita itu akan memusnahkan kilang-kilang minyak di kawasan negeri Texas di Amerika Syarikat itu, sebenarnya tidak berlaku sebagaimana yang dibimbangkan. Oleh itu, harga minyak mentah menurun semula sekitar 63 *dollar* Amerika, maka dengan sebab itu, subsidi ini pun mungkin menurun. Kalau itu berterusan harga minyak mentah tidak naik.

Yang saya hendak tekankan di sini ialah semua dunia mengetahui iaitu apabila harga minyak mentah naik, yang akan meraih keuntungan yang bertambah-tambah ialah syarikat-syarikat minyak sendiri. Bukan sahaja Petronas, tetapi Shell, Esso, BP, Caltex dan apa sekali punlah nama syarikat minyak, mereka akan dapat keuntungan yang tinggi. Sebab itu di seluruh dunia terutama di negara-negara yang mempunyai pasaran saham, syarikat-syarikat minyak ini, nilai saham mereka akan cepat melambung sehebat melambungnya harga minyak mentah, lebih hebat lagi melambungnya harga saham-saham syarikat-syarikat minyak seperti ini.

Jadi saranan saya, daripada kerajaan melaung-laungkan *complaint* terhadap rakyat dan memberikan alasan-alasan yang tidak munasabah berkenaan dengan kenaikan subsidi dan kenaikan belanja untuk subsidi dan seolah-olah menyalahkan rakyat kenapa subsidi perlu dinaikkan dan perlu dikurangkan dan sebagainya, adakah tidak kerajaan memikirkan untuk menaikkan cukai ataupun memperkenalkan cukai yang baru kepada syarikat-syarikat minyak ini yang meraih keuntungan yang meningkat, hasil daripada kenaikan harga bahan minyak mentah itu. Jadi itu saranan saya di bawah Peruntukan Maksud B.11.

Di bawah B.12, Tuan Pengerusi, 4.1, RM150 juta untuk Kumpulan Wang Tabung Kemahiran bagi pelatih program Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK). Beberapa tahun ini kita dengar bahawa program MLVK dan tabung MLVK ini mengalami banyak penyalahgunaan dan penyelewengan. Banyak institusi yang diletakkan dan diberikan kontrak-kontrak oleh kementerian di bawah MLVK ini, didapati adalah syarikat-syarikat yang menipu kerajaan. Mereka tidak memberikan latihan yang sebenarnya. Mereka sekadar menggunakan wang yang diberikan itu bersama-sama dengan pelajar-pelajar kononnya yang bersekongkol dengan syarikat-syarikat ini, mendapat wang tersebut tetapi perkhidmatan memberikan latihan vokasional tidak berlaku.

Ini diakui oleh kementerian sendiri tetapi kali ini kita diminta untuk meluluskan peruntukan lagi, jadi apakah pandangan kerajaan ulasan kerajaan berkaitan dengan penyalahgunaan, penyelewengan wang MLVK yang telah berlaku, sedang berlaku perlu kepada tambahan RM150 juta ini.

4.3 - RM91.4 juta untuk Tabung Pinjaman Pelajaran membiayai pinjaman Politeknik, Kolej Komuniti, program-program dan sebagainya. Saya ingin merayu kepada

kerajaan untuk menimbangkan semula tentang perbelanjaan bagi pelajaran tinggi sama ada dalam bentuk politeknik ataupun universiti dan sebagainya dalam negara kita ini. Akhir-akhir ini PTPTN telah mengurangkan lagi, menyusahkan lagi, menyulitkan lagi perolehan wang daripada tabung tersebut untuk pelajar-pelajar di negara kita ini dengan alasan yang berbagai-bagai dan akhirnya dikurangkan peruntukan PTPTN itu untuk hanya melayakkan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus yang dipanggil kritikal sahaja.

Saya ingin menyeru kepada kementerian supaya membatalkan cadangan ini dan menganggap bahawa pembiayaan melalui pinjaman berbentuk PTPTN ini kepada pelajar-pelajar kita dalam apa jua bidang sekalipun di semua IPTS/IPTA dianggap tanggungjawab kerajaan dan jangan dikurangkan kelayakan sesiapa pun anak-anak kita daripada menerima peruntukan tersebut demi masa depan negara kita. Kerajaan sendiri banyak kali di dalam negara, luar negara menyebut tentang modal insan, *human capital* dan peri pentingnya modal insan sebagai suatu daripada asas kepada pengukuhan negara kita untuk bertanding dengan negara lain, tetapi apabila datang kepada pembiayaan pelajar-pelajar, di situlah dikurangkan wang kita. Jadi saya ingin menyeru perkara itu.

Seterusnya di bawah perkara 4.4(i) RM100 juta untuk *Syarikat Infineon Technologies (Kulim) Sdn. Bhd.* dan bagi pembinaan kilang '*Power Logi Wafer Fabrication*' di Kulim Hi-Tech Park. Saya bimbang sebab saya mengikuti dan dilaporkan bahawa syarikat seperti ini *wafer fabrication* sudah pernah dilaksanakan dengan perbelanjaan berbilion-bilion ringgit modal daripada Kerajaan Negeri Sarawak dan ia diakui sudah pun mengalami kerugian yang sebanyak itu oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan dilaporkan oleh seluruh media. Kenapakah kerajaan kita ingin melabur lagi dalam bidang ini adakah kita telah membuat kajian ataupun kita terpaksa meneruskan hal ini.

Jadi saya perlu penjelasan dari sudut itu. Dari sudut yang lain tentang pelaburan kerajaan dalam *hi-tech* ini saya tidak tahu Ahli-ahli Yang Berhormat lain Tuan Pengerusi tetapi saya sendiri menerima satu salinan *law sued* atau saman undang-undang oleh syarikat *Amica Technologies Incorporated*. Sued ini, saman ini ialah kepada Kumpulan Modal Perdana (KMP) dan Kerajaan Malaysia dan yang di saman bukan sahaja KMP dan Kerajaan Malaysia tetapi mereka menyaman Perdana Menteri, mereka menyaman seluruh anggota Kabinet dan mereka menyaman seluruh anggota Parlimen. Ini surat yang daripada Syarikat Amica Technology.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak sesuai untuk kita bangkitkan *sub-judice* sebab kata ada mahkamah, kata ada saman ke mahkamah.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ya, mereka menyaman saya jadi saya hendak bincang dan dapat Parlimen punya pandangan kenapa kita di saman dan dalam surat yang panjang daripada pelabur Amerika Syarikat ini mereka menyebut tentang bagaimana pelaburan kerajaan sebanyak RM66 juta sudah habis hangus, bagaimana 94 jurutera-jurutera telah dipecat, bagaimana mereka merasai sebagai pelabur asing yang membawa modal dan pengetahuan dan sebagainya teknologi mereka telah merasakan diri mereka telah ditipu oleh Kerajaan Malaysia dan sebagainya.

Jadi ini pun telah masuk dalam akhbar beberapa bulan yang lalu tetapi saya menerima maklumat ini dan kertas saman ini dan saya berharap bahawa kerajaan memberi jawapan kepada saya dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sebab ia adalah satu keputusan kerajaan yang melibatkan bukan sahaja unsur-unsur perundangan tetapi ia menjejaskan imej kita sebagai sebuah negara yang menggalakkan pelabur-pelabur dalam bidang IT, dalam bidang teknologi tetapi dalam kes ini syarikat ini menyebut nama orang-orang yang terlibat yang mereka rasakan menipu mereka khususnya Tan Sri Dr. Omar Abdul Rahman yang pada ketika itu Penasihat Sains kepada Perdana Menteri dan negara kita dan Menteri-menteri dan Perdana Menteri sendiri. Jadi saya rasa salinan ini ramai daripada kita menerimanya dan saya yakin...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya minta perkara ini sudah disampaikan ke pihak mahkamah?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya boleh menyampaikan. Saya tidak tahu sebab ini tidak...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau sudah sampai ke mahkamah saya ingin cadangkan tidak eloklah untuk kita bangkit...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Setakat ini saya belum tahu lagi sama ada ia sudah disampaikan atau tidak, jadi ini kebimbangan saya dan saya harap pihak kerajaan mengambil berat perkara ini. Kemudiannya 4.4(v)(c) sebanyak RM101 juta kepada Syarikat-syarikat GLC antaranya Consolidated Plantation Berhad, Boustead Holding Berhad dan Guthrie Berhad katanya untuk sektor pertanian.

Saya bimbang sebab antaranya Boustead Holding ini adalah baru-baru ini telah membeli Syarikat PSCI (Penang Ship Building Corporation Incorporated) yang terlibat dalam kegagalan pembinaan OPV yang bernilai berbilion-bilion ringgit. Yang Berhormat Kepong telah bahaskan tadi tetapi tiba-tiba di sini kita terpaksa memberikan RM16 juta kepada Boustead Holding. Saya bimbang wang ini digunakan disalurkan untuk kegunaan mereka membeli saham-saham daripada syarikat PSCI ini dan digunakannya untuk sekali lagi membantu pelaburan kerajaan ataupun satu program penswastan yang bernilai berbilion-bilion ringgit dalam suatu industri strategik kepada keselamatan negara kita tetapi akhirnya tenggelam dan hilang begitu sahaja. Jadi saya perlu penjelasan Insya-Allah daripada pihak Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

6.38 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untuk membahaskan Perbekalan Tambahan Peringkat Jawatankuasa ini Maksud B.11 - Perkara 020500 tentang bayaran subsidi gas, cecair, LPG dan diesel.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini langkah Kerajaan Johor dan beberapa negeri yang lain untuk memastikan penggunaan kenderaan kerajaan di negeri-negeri masing-masing menggunakan gas cecair ataupun LPG ini. Tuan Pengerusi, saya mewakili sebahagian besar pemandu-pemandu teksi seluruh negara khususnya yang berada di Lembah Klang ini dan bandar-bandar besar tentang rungutan mereka, kesukaran mendapatkan bekalan gas cecair LPG ini kerana jumlah petrol pam yang membekalkan LPG ini sangat terhad. Oleh itu saya minta pihak kementerian supaya memandang dengan serius tentang perkara ini kerana kalau kita berjalan ataupun bersiar-siar di sekitar Twin Tower di Kuala Lumpur ini ada sebuah stesen Petronas yang membekalkan LPG ini dan kita mendapati bahawa setiap hari hampir setengah ataupun satu kilometer teksi terpaksa beratur untuk mendapatkan bekalan ini.

Perkara ini sangat serius dan pada saya sangat menyayat hati saya disebabkan rungutan mereka sudahlah mereka terpaksa membayar antara RM50 hingga RM100 untuk sewa teksi tetapi mengambil masa hampir satu hingga dua jam untuk sampai giliran mereka mendapatkan bekalan LPG ini. Jadi saya mengharapkan bagi pihak pemandu-pemandu teksi seluruh tanah air supaya kementerian memastikan akan kemudahan bekalan ini yang mesti didapati dengan mudah sebenarnya di semua stesen minyak di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, begitu juga dengan hasrat kerajaan negeri masing-masing untuk menggunakan kenderaan kerajaan menggunakan gas ini maka apabila kesan kenaikan minyak dan hari ini sahaja kita melihat harga pasaran dunia telah mencecah USD67 setong.

Maka, adakah kerajaan sudah bersedia agar kenderaan-kenderaan rakyat dalam negara kita ini bertukar untuk menggunakan LPG ini? Adakah kerajaan sudah bersedia untuk memastikan terdapatnya bekalan yang cukup di seluruh petrol pam dalam negara kita?

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Maksud B.12, Perkara 4.3 iaitu sebanyak RM91,400,000 untuk Tabung Pinjaman Pelajaran bagi membiayai kemudahan pinjaman kepada pelajar Politeknik, Kolej Komuniti dan Program Pengajian Jarak Jauh bagi pegawai perkhidmatan pendidikan. Dalam fasal ini Tuan Pengerusi, dalam Ucapan Penangguhan saya dalam sesi yang lepas, khusus saya berucap mengenai tentang tabung pendidikan ini, di mana pada hari tersebut, Menteri Pendidikan sendiri yang menjawab ucapan saya dan menyatakan memang terdapat kekurangan kepada tabung ini. Kita sangat bimbang apa

yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tadi tentang adakah benar-benar berlaku suatu realiti bahawa pada tahun hadapan hanya pelajar-pelajar yang mengambil kursus yang kritikal sahaja yang bakal mendapat pinjaman dan mereka yang tidak mengambil kursus ini akan diabaikan.

Maka Tuan Pengerusi, saya menyarankan kepada pihak kerajaan supaya dalam bajet yang akan datang, mestilah Tabung PTPTN ini diberikan suatu jumlah wang yang secukupnya bagi memastikan seluruh pelajar yang layak untuk mendapat tempat, khususnya di IPTA dan IPTS mendapat pinjaman daripada pihak kerajaan melalui tabung ini setelah kesukaran mereka mendapatkan biasiswa daripada pihak kerajaan.

Perkara seterusnya Tuan Pengerusi tentang Perkara 4.4 di Bahagian IV iaitu sebanyak RM50 juga untuk Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YAPIM) bagi tujuan perluasan Program Makro Kredit Skim Ar-Rahnu.

Tuan Pengerusi, yang menjadi persoalan kepada saya adalah, adakah Skim Ar-Rahnu ini telah dapat membantu dari segi mengimbangi kesulitan yang dihadapi oleh golongan yang saya cukup yakin, yang menggunakan perkhidmatan Skim Ar-Rahnu adalah merupakan pegawai-pegawai kerajaan yang bergaji rendah ataupun orang-orang kampung yang tidak ada pendapatan yang tetap untuk menggunakan Skim Ar-Rahnu ini. Jadi adakah jumlah ini cukup ataupun sudah ada satu kajian yang mendalam daripada pihak kementerian supaya skim ini benar-benar dapat membantu rakyat termiskin dan golongan yang berpendapatan rendah. Ini perlu dilihat dengan serius kerana kita bimbang sejumlah kelompok masyarakat ini akan terjebak dalam skim Ah Long yang akan memusnahkan masa depan kehidupan mereka.

Perkara yang seterusnya Tuan Pengerusi, tentang Perkara 4.4, Bahagian V(a) iaitu sebanyak RM59 juta untuk diperuntukkan kepada MARDI bagi projek pengeluaran baka lembu dan kambing dan sebanyak RM58 juta dalam projek bioteknologi yang diperuntukkan dalam fasal ini.

Tuan Pengerusi, sejumlah wang ini yang diperuntukkan kepada MARDI ini, yang menjadi persoalan saya adalah, sejauh manakah MARDI dapat membantu memasarkan hasil-hasil pertanian ini? Yang menjadi ironisnya Tuan Pengerusi ialah pada tahun ini sahaja, kalau kita melihat ke bawah bahawa harga-harga komoditi kampung semakin menurun.

Harga duku yang dahulunya sebagai contoh, duku di kawasan saya, di kawasan Kubang Kerian, duku 'dewan' dahulunya berharga RM8 satu kilo, jatuh kepada RM6 satu kilo, jatuh lagi kepada RM4 sekilo dan hari ini, harga duku ini hanya tinggal 20 sen ataupun 30 sen sekilo. Begitu juga dengan harga komoditi yang lain seperti pisang, seperti ubi keledek dan seumpamanya yang dihasilkan oleh orang-orang kampung. Harga komoditi ini semakin hari semakin jatuh, sedangkan harga barangan di pasaran semakin meningkat akibat daripada kenaikan harga minyak yang kita terpaksa tanggung pada hari ini.

Oleh itu Tuan Pengerusi, saya mengharapkan sesuatu mesti dibuat. Sebagai contoh, kalau kita mahu mengambil contoh daripada negeri jiran kita Thailand, di mana hasil minyak mereka, mereka telah memperuntukkan 5%. Petronas Thailand memperuntukkan 5% daripada keuntungan mereka itu untuk dibuat apa yang dikatakan pembangunan R&D dalam industri pertanian mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Dan kita tidak boleh sebenarnya kita melihat harga komoditi barang kita, buah-buahan tempatan kita jatuh di pasaran tetapi harga buah-buahan mereka tetap *maintain*, tetap bertahan di pasaran, dalam negara kita. Ini membuktikan bahawa MARDI masih jauh daripada mencapai standard kalau kita hendak bandingkan dengan negara jiran kita. Oleh itu saya mengharapkan Tuan Pengerusi supaya perkara yang saya bangkitkan ini mendapat perhatian daripada pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan.

6.45 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, saya menyentuh Perkara B.11. Saya pun sependapat seperti Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya mendesak kerajaan mengarahkan supaya pam-pam petrol membuka lebih lagi stesen-stesen untuk diisi gas untuk kenderaan.

Tuan Pengerusi, di Haadyai Thailand, kereta “tot-tot” iaitu kereta teksi-teksi di bandar Haadyai telah lama memakai cecair gas ini dan perkara ini telah dibuktikan berkesan. Teksi-teksi di Kuala Lumpur atau di Selangor pun mereka juga memakai gas untuk menjana kuasa kepada enjin-enjin itu. Saya pernah menanya kepada *driver-driver* teksi, mereka kata sekiranya tidak pakai gas, maka kalau pakai petrol ia akan berkali ganda perbelanjaannya.

Tetapi malangnya saya selalu melalui Subang Jaya dan Subang dan nampak hanya Petronas sahaja ada membekalkan gas-gas dan teksi pun berbaris panjang untuk diisikan gas-gas ini. Pemimpin-pemimpin kerajaan memang ada mendesak orang ramai supaya menggunakan gas-gas tetapi sekiranya kami memakai sebuah kenderaan dan hendak pergi ke satu-satu tempat, kita kehabisan gas, mati di tengah-tengah jalan kerana *petrol pump station* tidak dapat membekalkannya.

Jadi, saya berpendapat kerajaan perlu mendesak peniaga-peniaga petrol stesen atau syarikat-syarikat gergasi petrol mesti membuka lebih lagi saluran-saluran supaya dapat dibekalkan gas-gas.

Tuan Pengerusi, subsidi kepada minyak diesel kepada nelayan - susah nelayan mendapat subsidi minyak diesel kerana mereka tiada mempunyai persatuan nelayan di tempat mereka. Di kawasan saya kebanyakan nelayan memakai perahu-perahu kecil yang dijanakan oleh *diesel engine* dan mereka perlu membawa tong-tong plastik pergi ke stesen minyak untuk membeli diesel, tetapi mereka ini mungkin ditangkap oleh pasukan penguat kuasa kerana memakai tong untuk membelinya. Jadi saya berharap kerajaan juga ada satu sistem supaya dapat membekalkan minyak diesel bersubsidi ini kepada nelayan-nelayan yang betul-betul memerlukannya.

Tuan Pengerusi Maksud B.12, 4.3 iaitu satu jumlah RM91 juta telah diperuntukkan untuk Tabung Pinjaman Pelajar. Kerajaan telah membuat satu keputusan di mana pinjaman kepada mahasiswa-mahasiswi perlu dikekalkan dan tidak boleh ditukar kepada *scholarship* walaupun mendapat CGPA yang cemerlang. Saya berharap kerajaan boleh menimbang semula kerana ini boleh menggalakkan murid-murid supaya gigih lagi dalam mata pelajaran mereka dan kepada mereka yang miskin, walaupun satu jumlah RM20,000 atau RM30,000 untuk menghabiskan satu kursus mereka sangatlah susah untuk membayar balik, dan mereka berharap supaya dengan mendapat mata pelajaran atau CGPA yang cemerlang mereka dapat diberikan *scholarship*, dapat menukarkan pinjaman mereka itu kepada *scholarship*.

Tuan Pengerusi, di Bajet 2003 kerajaan telah mengumumkan di setiap kawasan Parlimen hendak menubuhkan satu Kolej Komuniti, malangnya sehingga sekarang di kawasan saya juga kawasan Parlimen Bagan tidak nampak ada satu Kolej Komuniti pun tetapi di Kepala Batas memang adalah satu. Saya ingin bertanya sama ada kawasan Bagan ini boleh dapat sebuah Kolej Komuniti atau tidak?

Tuan Pengerusi, di 4.4 - RM423 juta diperuntukkan untuk Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun dan di (i) iaitu RM100 juta telah diperuntukkan untuk Syarikat Infineon Technologies (Kulim) Sdn. Bhd. Kulim adalah berdekatan dengan Bagan dan kilang ini adalah ‘*Power Logi Wafer Fabrication*’ di Kulim Hi-Tech Park.

Saya berasa kluatir kerana saya tidak tahu sama ada syarikat ini sebuah syarikat swasta atau sebuah syarikat GLC. Kalau mengikut dedahan daripada Yang Berhormat Bandar Kuching ada sebuah *electronic factory* iaitu *1st Silicon (M) Sdn. Bhd.*, yang juga terlibat dalam *manufacturing wafer fabrication*. Syarikat *1st Silicon (M) Sdn. Bhd.*, di Sarawak ini mengalami kerugian RM700 juta dalam tahun 2003. Sekiranya kilang *wafer* di Sarawak ini boleh mengalami satu jumlah RM700 juta dalam satu tahun, saya tidak nampak bagaimana *Power Logi Fabrication* di Kulim Hi-tech Park ini boleh *survive* atau boleh mendapat keuntungan. Jadi pinjaman ini mungkin menghadapi satu risiko yang tinggi.

Saya berharap kerajaan boleh memberi satu jaminan bahawa wang-wang yang telah dipinjamkan kepada syarikat ini mahupun *Cyberview Sdn. Bhd.*, ini ataupun lain-lain syarikat boleh dapat dipulangkan dan bukan dapat dihutang begitu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, saya pun dekat habis. Jadi saya berharaplah kerajaan boleh berbelanja dengan jimat cermat. Sekian sahaja, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Panjangkah Yang Berhormat bagi Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sikit sahaja. Saya hendak pergi kepada Maksud B.12 di bawah tajuk 4.2 - RM68 juta lebih untuk Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara. Ini satu peruntukan yang besar dan saya pun tidak tahu untuk tujuan apa pembangunan sukan negara, kerana kita tahu masalah pembinaan kompleks-kompleks sukan yang telah disebut oleh menteri berkali-kali di kawasan-kawasan Parlimen yang setakat ini belum lagi kita nampak, dan di mana tempat yang hendak dimulakan, walaupun sudah beberapa kali ucapan Yang Berhormat Menteri untuk menjadikan setiap kawasan Parlimen dengan satu kompleks sukan. Dan baru-baru ini pula Yang Berhormat Menteri telah pun mengumumkan pula untuk mengurangkan beban kerajaan, semua kompleks sukan akan diserahkan kepada syarikat-syarikat untuk mengendalikannya.

Saya ingin mengulangi saranan saya supaya perkara ini dikaji sehalus-halusnya kerana kalau ia diserahkan kepada syarikat sudah tentu ia akan menimbulkan kesulitan kepada ahli-ahli sukan, pertubuhan sukan belia di peringkat daerah dan luar bandar untuk menggunakan kemudahan ini, oleh kerana pada masa ini pun tidak ada mana-mana pihak yang sanggup untuk mengendalikan kompleks-kompleks sukan kecuali Stadium Nasional Bukit Jalil.

Kita tahu baru-baru ini telah diadakan satu pertandingan akhir piala FA di antara Perak dengan Selangor yang telah dibanjiri oleh lebih 80,000 orang penonton, dan oleh kerana tiadanya mana-mana badan yang sanggup untuk membiayai, mengurus projek yang besar ini, oleh kerana hanya bergantung kepada bola sepak, maka sebab itu saya ingin bertanya kepada kementerian yang berkenaan tentang tujuan, maksud Kumpulan Wang Amanah Sukan ini untuk tujuan apa? Adakah ia merupakan satu badan atau tabung untuk membiayai biasiswa untuk menjaga kepentingan ahli-ahli dan atlet sukan di masa akan datang? Adakah ia merupakan insurans kepada mana-mana atlet yang cemerlang kerana walaupun baru-baru ini Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri telah pun mewujudkan satu insentif kepada atlet yang berjaya di peringkat sukan Olimpik untuk pingat emas, perak dan gangsa dengan memberi saraan hidup seumur hidup.

Jadi apakah dengan adanya Kumpulan Wang Amanah Sukan ini ia benar-benar dapat menjamin mencapai matlamat masa depan atlet dan ahli-ahli sukan bagi maksud untuk kejohanan antarabangsa, atau ia adalah juga melibatkan jurulatih-jurulatih yang telah diberi amanah untuk menjalankan tugas mereka? Jadi saya berharap wang sebanyak RM68 juta ini, apakah tujuan yang sebenar yang dapat dihuraikan oleh pihak kerajaan? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya terpaksa bagikan seorang untuk yang terakhir lepas itu Menteri jawablah. Yang Berhormat bagi Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian kepada 4.4 iaitu peruntukan sebanyak RM40 juta untuk Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) bagi membiayai tambahan modal teroka Skim PROSPER. Skim ini merupakan satu skim yang amat baik dan kita harap Yang Berhormat Menteri akan dapat memberikan maklumat perkembangan mengenai skim ini. Berapa banyak peniaga kecil yang telah dibantu dan di kawasan mana dan bagaimana untuk target tahun ini dan tahun depan?

Yang keduanya, saya juga ingin menarik kepada perkara 4.4 (iv) sebanyak RM50 juta untuk Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) bagi tujuan perluasan Program Mikro-Kredit Skim Ar-Rahnu. Saya difahamkan program ini dilaksanakan melalui Amanah Ikhtiar. Baru-baru ini dalam surat khabar dilaporkan ada sedikit masalah dari segi pelaksanaan dan pengurusan program ini. Jadi kita juga ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah yang terjadi dan apakah tindakan yang akan diambil bagi memastikan bahawa program ini berjalan dengan baik, sebab pada awalnya saya difahamkan program ini mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat setempat.

Yang akhir sekali, saya ingin menarik perhatian kepada perkara (c), iaitu sebanyak RM101 juta adalah pinjaman kepada syarikat-syarikat berkaitan kerajaan GLC yang terlibat dalam sektor pertanian, iaitu Consolidated Plantation Berhad sebanyak RM75 juta, Boustead Holding Berhad sebanyak RM16 juta dan Kumpulan Guthrie Berhad sebanyak RM10 juta.

Saya difahamkan ketiga-tiga syarikat milik kerajaan ini mempunyai tanah yang luas malah lebih setengah daripada estet di Negeri Sembilan dimiliki oleh Kumpulan Guthrie dan juga Golden Hope. Program ini kita harap akan ada limpahannya kepada masyarakat setempat dalam erti kata, kita berharap syarikat berkenaan akan memberi peluang kepada masyarakat setempat dan usahawan tempatan untuk turut serta dalam program-program dalam bidang pertanian yang akan dijalankan. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas, tadi ada bangun, saya bagi 5 minit kepada Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih di atas murah hati Tuan Pengerusi. Menyebut Maksud B.11, sebenarnya negara kita alhamdulillah diberi oleh Allah S.W.T. dengan anugerah yang besar, iaitu dengan menyalurkan minyak di bawah tanah sesuai dengan apa yang disebut oleh Allah S.W.T. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud, "Allah S.W.T. sahajalah yang memiliki khazanah sebanyak mana khazanah di langit dan sebanyak mana khazanah di bumi adalah sebenarnya milik Allah S.W.T.". Harta ini adalah harta Allah, kemudian Allah S.W.T. beri kepada pemerintah untuk diuruskan dengan baik dan kita rakyat yang memiliki harta ini sebagai pinjaman daripada Allah S.W.T. supaya dapat menguruskannya dengan baik.

Oleh kerana negara kita ini sebagai negara minyak dan kita sebagai penjual minyak kepada pasaran antarabangsa. Jadi dengan harga minyak menjangkau harga yang tinggi dengan USD60 ataupun USD50 setong.

Itu menunjukkan suatu petanda yang baik di mana negara kita menjual, bukan negara kita membeli minyak. Ini suatu asas mesti faham oleh rakyat kita dan oleh semua warganegara bahawa negara kita penjual minyak, bukan negara kita pembeli minyak.

Dalam erti kata bahawa bila negara menjual minyak dan pasaran dunia sampai kepada tahap yang begitu mahal maka kita dengan sendirinya bawa balik keuntungan daripada minyak yang kita jual dengan wang yang begitu banyak dan sudah pasti bahawa dengan wang yang begitu banyak inilah kita dapat menolong dan membantu rakyat-rakyat kita ataupun pekerja-pekerja kita dengan subsidi dan berbagai-bagai pertolongan, tetapi malangnya kita tidak dapat melihat hasil sedemikian. Negara kita jual minyak dengan wang yang begitu banyak dibawa balik ke negara tetapi entah macam mana pasaran barang begitu mahal naik dan sebagainya.

Oleh yang demikianlah dengan subsidi yang telah dikemukakan, yang telah diberi oleh kerajaan ini saya melihat bahawa ianya belum lagi sampai kepada tahap sepatutnya. Sepatutnya kerajaan lebih banyak lagi memberi subsidi kepada pembekal-pembekal sehingga mereka tidak merasa suatu yang tertekan.

Saya kembali ketika negeri Mesir, saya belajarlah juga di Mesir. Di mana abang-abang saya yang belajar di Mesir di waktu dia dan saya datang ke Mesir pada tahun 80' an, kemudian sekarang ini anak saya belajar di Mesir. Saya pergi di Mesir saya tengok barang-barang di Mesir, roti misalnya makanan asas di Mesir, tidak sangat naik harganya terlalu tinggi walaupun sudah berpuluh-puluhan tahun.

Bukan roti tidak naik harga, gandum naik harga tetapi kerajaan memberi subsidi kepada pembekal-pembekalnya. Harga roti daripada zaman tahun 50-an, 10 sen sebiji roti sampai sekarang ini 10 sen lagi tidak silap saya dengan sebiji roti. Bukan harga gandum tidak naik tetapi kerajaan subsidikan kepada pembekal-pembekal, walaupun harga roti sudah naik sampai peringkat 35 sen tetapi pembekal boleh jual dengan harga 10 sen lagi. Yang Berhormat Pasir Puteh boleh sama ada mengiakan atau boleh membetulkan fakta yang saya sebutkan tadi, jadi mengapa Mesir boleh jual roti dengan harga 10 sen sebiji sampai sekarang ini, ini soal.

Dia bukan Islam Hadhari, tidak terima pakai, bukan masyarakat Islam Hadhari tetapi dia boleh jual dengan harga roti 10 sen dengan harga sebiji 10 sen daripada tahun 40'an sampai sekarang ini, mengapa Mesir boleh buat sedemikian? Mesir tidak kaya dengan minyak sebagaimana kita dan bukan setakat roti, dia boleh bagi subsidi rumah lagi, dia boleh bagi subsidi rumah. Tuan rumahnya membayar 8 paun sebulan, sampai sekarang 8 paun sebulan. Walaupun rakyat dia mencecah kepada 50 juta sudah sekarang ini, hampir 60 juta tetapi dia boleh pegang lagi dia punya [*Menyebut perkataan dalam bahasa Arab*].

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Haji Ismail bin Noh: Dia boleh pegang lagi harga tempatan walaupun pasaran dunia, pasaran itu kerana kerajaan berkebakikan, daulah al-Khairiah yang disebut sebagai kerajaan, kerajaan kebajikan bukan kerajaan yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya tertarik kalau di Mesir Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya Mesir ini dia boleh subsidi tetapi ekonomi dia pun kalau kira menurun, masa itu kalau kita kira sepaun dia itu RM5, sekarang sama dengan kita. Tetapi dia ini bijak, Amerika beri hutang apa hutang dia hutang, sebab itu dia tidak hendak berani sangat hendak campur dengan Israel itu, betul tidak?

Seorang Ahli: Betul!

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Masalah sekarang ini, kita melihat bahawa dia boleh mengurus dengan baik, rakyat dia tidak protest, dan rakyat dia tidak tekan apa usaha yang dilakukan oleh negara dia, itu dia terima. Masalah dengan Amerika, kita pun banyak terlibat dengan Amerika. Barang-barang Amerika masuk ke sini, jagung Amerika, makanan lembu, makanan kambing, makanan biri-biri diimport daripada Amerika dan banyak daripada Amerika kita ini.

Jadi saya melihat di segi minyak ini naik di pasaran dunia baguslah, itu adalah rahmat, rahmat daripada Allah s.w.t yang diberi kepada kita. Tetapi kita hendaklah pandai mengurus dan bijak mengurus bagaimana barang-barang tempatan juga kita boleh kawal dengan sebaik-baiknya sehingga rakyat tidak terasa dengan apa yang berlaku. Kalau di Mesir saya sebutkan tadi, di Mesir rumah boleh subsidi lagi dengan bayar 8 paun. Dalam keadaan nilai wang ringgit di Mesir begitu turun sekali meruntuh...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, ada perkara lainkah?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ada sedikit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Minta tukar tajuklah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Yang keduanya pula saya tengok di sini, B.12 sebanyak RM68,430,900 diperuntukkan untuk Amanah Sukan Negara bagi membiayai pelaksanaan program pembangunan sukan.

Saya melihat kita terlalu banyak, bukan kita tidak membenarkan tidak menggalakkan sukan tetapi kita melihat bahawa sukan negara di negara kita ini tidak dapat membangunkan sukan-sukan kita sebagaimana yang sepatutnya. Sebagaimana yang kita

tengok melihat kepada ahli-ahli sukan antarabangsa misalnya, pemain-pemain bola kita tidak dapat mengeluarkan jaguh-jaguh pemain sebagaimana negara-negara lain, mengapa?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ha, Yang Berhormat Larut ada, barangkali baka-baka kita kecil Yang Berhormat Larut kita mesti campur baka Melayu dengan baka yang tidak Melayu panggil daripada Afghanistan, kahwin kacuk kita cari yang kasar-kasar sedikit.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh saya minta penjelasan sedikit?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Boleh, boleh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, supaya Yang Berhormat faham. Saya sudah kata di Afrika ini, kita janganlah terlalu terkejut kerana mereka hendak keluar daripada kemelut kemiskinan. Kalau dia tidak bersungguh-sungguh dia tidak dapat pasaran antarabangsa, dia boleh main di Eropah, bila dia bermain di Eropah dia akan naik harga jadi dia akan terkeluar daripada kemiskinan dalam negara.

Kita punya ahli sukan untuk makluman Yang Berhormat semangat itu sudah tidak ada sebab dia tidak ada apa yang hendak dikejarkan. Habis tinggi kalau dia hendak main bola sepak di Kelantan dahululah disuruh pakai macam seluar panjang mana boleh main bola sepak, contoh dahulu sekarang sudah ok sudah. Jadi kalau ada terbuka Yang Berhormat insya-Allah kita akan lebih maju lagi, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ok sambung besok.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Besok menteri jawab.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ada satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab Yang Berhormat punya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau jawapan tidak payahlah, cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Kerana saya tidak melihat kemiskinan, Korea tidak miskin, kaya. Korea kaya, Taiwan kaya dan negaradia boleh main sukan dengan baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu Yang Berhormat sendiri cari pasal.

Tuan Haji Ismail bin Noh: England kaya, semua kaya, bukan disebabkan kemiskinan, saya rasa tidak betul Yang Berhormat melihat kepada kemiskinan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat kita sembang bola diluarlah sini tidak habis, Perancis 11 pemain dia daripada luar, itu saya kata tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat Menteri boleh jawab hari esok. Sebagaimana yang telah diputuskan tadi, masa sudah cukup untuk saya tangguhkan mesyuarat pada hari ini, Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.08 malam.